KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PROGRAM Sanggar Puisi PERPADUAN 2024

Perpaduan Dirai, Bahasa Disantuni

KARYA PERTANDINGAN PENULISAN PUISI YANG TERPILIH

SAJAK

Kembara PERPADUAN

MALAYSIA MADANI

PROGRAM

Sanggar

Puisi PERPADUAN 2024

Perpaduan Dirai, Bahasa Disantuni

KARYA PERTANDINGAN PENULISAN PUISI YANG TERPILIH

SAJAK

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
KUALA LUMPUR
2025

Terbitan Pertama (Elektronik) : 2025

Hak Cipta@Perpustakaan Negara Malaysia 2025

Hak cipta terpelihara Perpustakaan Negara Malaysia 2025. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukarkan dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Diterbitkan oleh:
Perpustakaan Negara Malaysia
232, Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

elSBN 978-967-931-393-2

POSTER

Program Sanggar Puisi Perpaduan 2024: Perpaduan Dirai, Bahasa Disantuni

Program Sanggar Puisi Perpaduan 2024: Perpaduan Dirai, Bahasa Disantuni telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang pada 5 November 2024 (Selasa) di Grand Ballroom, Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.

KANDUNGAN

Poster Sanggar Puisi Perpaduan 2024: Perpaduan Dirai, Bahasa Disantuni iii

Seuntai Kata, Seulas Bicara vii

Jawatankuasa Penerbitan ix

Pengenalan 1

Poster Pertandingan Penulisan Puisi (Sajak) 3

Karya Pemenang Pertandingan Penulisan Puisi (Sajak) 5

i. Kategori Dewasa 7

ii. Kategori Remaja 17

Karya Pertandingan Penulisan Puisi Yang Terpilih (Sajak)

i. Kategori Dewasa 27

ii. Kategori Remaja 201

SEUNTAI KATA SEULAS BICARA

Saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin dan rahmatNya, e-buku Karya Pertandingan Penulisan Puisi Yang Terpilih (Sajak) sempena Program Sanggar Puisi Perpaduan 2024: Perpaduan Dirai, Bahasa Disantuni ini dapat disempurnakan penerbitannya seperti yang telah dirancang. Program ini bertujuan untuk menyemarak dan membugarkan budaya membaca menerusi wahana sastera dan budaya.

E-buku ini adalah sebagai satu penghargaan kepada peserta-peserta pertandingan atas kesudian mereka menyertai Pertandingan Penulisan Puisi yang telah diadakan selama sebulan mulai 15 September 2024 sehingga 15 Oktober 2024. Karya puisi yang terpilih telah dimuatkan dalam e-buku ini adalah karya terpilih pada peringkat awal. Karya dalam e-buku ini merupakan himpunan karya penulisan pertandingan untuk dua kategori iaitu kategori dewasa dan kategori remaja.

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) melalui Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara (PRMLN) sangat mengalu-alukan penyertaan para pembaca untuk setiap program, aktiviti dan pertandingan yang dilaksanakan oleh PNM kelak.

Saya mengucapkan tahniah kepada PRMLN atas penghasilan e-buku ini dan harapan saya agar himpunan karya pertandingan puisi ini akan kekal terpelihara sebagai warisan intelektual negara serta menjadi rujukan generasi masa kini dan masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Edy Irwan bin Zulkafli

Ketua Pengarah

Perpustakaan Negara Malaysia

JAWATANKUASA PENERBITAN e-BUKU

KARYA PERTANDINGAN PENULISAN PUISI YANG TERPILIH (SAJAK) SEMPENA PROGRAM SANGGAR PUISI PERPADUAN 2024: PERPADUAN DIRAI, BAHASA DISANTUNI

Penasihat	:	Encik Edy Irwan bin Zulkafli
Ketua Penyelaras	:	Puan Anisatul-Wahidah binti Abdul Wahid
Penyelaras	:	Puan Katrun Nada binti Haji Hashim
Ketua Projek	:	Encik Razman bin Abd Rani
Penolong Ketua Projek	:	Cik Nurzuliyana Nasuha binti Zulkefli
Editor	:	Cik Anis Farhain binti Azman
Penyusun	:	Puan Ku Rohana binti Ku Hamid Puan Nurhani binti Kamaludin Cik Nurul Aimie binti Azmi Puan Norliza binti Din
Reka Bentuk	:	Encik Mohd Aqif Fikri bin Sulaiman

PENGENALAN

Penghasilan e-buku ini merupakan penghargaan kepada para peserta pertandingan atas kesudian mereka menyertai Pertandingan Penulisan Puisi (Sajak) bersempena Program Sanggar Puisi Perpaduan 2024: Perpaduan Dirai, Bahasa Disantuni yang telah diadakan selama sebulan mulai 15 September 2024 hingga 15 Oktober 2024 yang telah menerima sebanyak 428 karya sajak dalam kategori dewasa dan remaja. Karya-karya sajak dalam e-buku ini adalah hasil daripada penilaian para hakim, dengan 178 karya yang diterima dalam kategori dewasa dan 155 karya dalam kategori remaja.

Penerbitan ini diterbitkan dalam bentuk elektronik bagi memudahkan ia diakses oleh generasi masa kini di mana maklumat boleh diperoleh di hujung jari. Kandungannya yang ringkas dan tidak terlalu padat dirasakan amat bersesuaian dan memudahkan para pembaca.

Penerbitan ini juga diharap menjadi medium penghubung antara para pembaca dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dalam menyemai dan seterusnya memartabatkan budaya membaca. PNM juga akan sentiasa memelihara dan mempelbagaikan bahan koleksi agar menjadi wasilah bagi membangun peradaban bangsa.

Jawatankuasa Penerbitan
e-Buku Karya Pertandingan Penulisan Puisi Yang Terpilih (Sajak)
Bersempena Program Sanggar Puisi Perpaduan 2024: Perpaduan Dirai, Bahasa Disantuni
Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara (PRMLN)

KARYA PERTANDINGAN PENULISAN PUISI YANG TERPILIH SAJAK

POSTER PERTANDINGAN PENULISAN PUISI (PANTUN)

KARYA PEMENANG PERTANDINGAN PENULISAN PUISI

SAJAK

Sempena

PROGRAM SANGGAR PUISI PERPADUAN 2024:
PERPADUAN DIRAI,BAHASA DISANTUNI

KARYA PEMENANG PERTANDINGAN PENULISAN PUISI (SAJAK)
KATEGORI DEWASA

	NAMA	NAMA KARYA
JOHAN	WAN MUHAMMAD HANIF BIN WAN ABD HAMID	SAJAK LEMBAYUNG PERPADUAN
NAIB JOHAN	MOHD SAIFULLAH BIN ABD RAHIM	SAJAK PEPOHON SERI PERPADUAN
TEMPAT KETIGA	SHOLIHIN BIN OSMAN	SAJAK IKRAR ANAK WATAN YANG MERDEKA
SAGU HATI 1	AHMAD BIN HARUN	SAJAK FIRDAUSI PERPADUAN
SAGU HATI 2	MUHAMMAD AZRI BIN STORE PIPE	SAJAK LANGIT MALAYSIA
SAGU HATI 3	SUHAIMI BIN MOHD SALLEH	SAJAK USAH DITEBANG POHON ITU
SAGU HATI 4	ZAHEERA BINTI IBRAHIM	SAJAK SEKEBUN INTEGRASI
SAGU HATI 5	ZAIFULNIZAM BIN WAGIRAN	SAJAK TETANGGA MUHIBAH

JOHAN
SAJAK LEMBAYUNG PERPADUAN

Oleh:
Wan Muhammad Hanif
bin Wan Abd Hamid

Di bawah lembayung langit nan biru,
Berteduh para insan berjiwa pahlawan,
Bentala yang dipijak ialah darah pengorbanan,
Udara yang dihirup ialah keringat kesetiaan,
Saujana pemandangan ialah warisan dan masa depan.

Berbilang bangsa di rumpun yang serupa,
Subur dibaja dengan satu bahasa,
Semakin tinggi berilmu semakin merunduk bak padi,
Menjadi mutiara berharga di mahkota nusa,
Kilauannya menerangi ufuk pertiwi,
Bertaburan butir-butir budi di laman ini,
Terukir jasa sumbangan buat tanah kelahiran.

Jabat tangan yang membentuk benteng,
Teguh dipasak Rukun Negara berpakukan patriotisme,
Menghalang musuh menerobos kedaulatan nusa,
Menjadi tembok melawan durjana hina,
Sepenuh kudrat ditumpahkan biar berdarah air mata,
Kerana menggenggam bara api biar sampai jadi arang.

Kepelbagaian pucuk minda yang hijau,
Terbentang intelektual bangsa di hamparan kemodenan,
Alur kebijaksanaan digabungjalinkan,
Bongkah kepintaran ditebarlaksanakan,
Kecerdasan buatan kini melengkapkan kehidupan.

Mendongak merenung lembayung perpaduan,
Gerimis hiba syahdu bergenang di sudut atma,
Betapa nikmat di Malaysia melimpah ruah,
Mengecapi wanginya kesejahteraan dan keharmonian,
Aksara syukur yang tidak terluah,
Diterjemahkan dengan bakti buat negara,
Walau dengan sekecil-kecil budi,
Ataupun tekad menjadi warga berwawasan.

Berpadu segala senyuman di wajah anak watan,
Kerana ada kemanisan dalam perpaduan.

KARYA PERTANDINGAN PENULISAN PUISI YANG TERPILIH
SAJAK

NAIB JOHAN
SAJAK PEPOHON SERI PERPADUAN

Oleh:
Mohd Saifullah bin Abd Rahim

Warkah leluhur tidak pernah lunyai dibadai rintik waktu,
Tercoret memoir silam sebuah ceritera agung,
Di dalamnya sarat menggendong sejarah perjuangan,
Penyatuan di atas sebidang permaidani keakraban,
Wasiat buat pewaris kemasyhuran nusa.

Menekuni bilah-bilah erti kecintaan watan,
Umpama akar serabut yang mencengkam gambut berselirat,
Memaut kukuh kerukunan di dataran lembah perbezaan,
Sepakat menahan rebak perselisihan dari tersungkur rebah,
Lantas mengerah kudrat dan keringat sejagat,
Membulat kata mamacu muafakat bangsa.

Usah gugur kelopak ukhuwah yang mekar,
Biar tumbuh subur dedahan kesantunan,
Biar melingkar erat dedaun kehormatan,
Biar utuh banir menyangga paksi kedaulatan,
Di situ gah membengkar tekad adiwira.

Marilah kita rimbunkan pepohon kemakmuran,
Dari tunjang akar menjadi pasak jiwa generasi bertatang adab,
Menyerap zat-zat ibrah dari baja keringat moyang poyang,
Mengukuhkan tunas kepercayaan di rumpun peradaban.

Teruslah sederap menabur benih harmoni,
Mendamaikan perkebunan bangsa di ranah ibunda,
Harumnya mewangi memikat warga persada,
Pepohon seri perpaduan semerbak selamanya!

TEMPAT KETIGA

SAJAK IKRAR ANAK WATAN YANG MERDEKA

Oleh:
Sholihin bin Osman

Di bawah pohon nusa yang sejahtera,
Kita bersama mendaki untuk mengutip rona rona bahagia,
Sambil membajai semangat setiakawan,
Dengan akarnya teguh kental memegang hasrat watan,
Laman ini akan menjadi karya tuntas terbilang,
Bebas dari kelam keruhnya lanskap kehidupan.

Bila bunga bunga bangsa mekar segar berkembang,
Awasi putika narasi citranya dari musuh alam,
Yang meniup seruling dusta berselirat pura pura.

Mari kita dirikan Tugu Negara bangsa yang merdeka,
Kita pupuk, kita kukuhkan, kita pelihara jalinan akrab bersama,
Dengan rasa fikir yang taat, yang tulus setia tanpa bias curiga.

Di sinilah, kita perlu canaikan sumbangsaran gagasan di perspektif jauh,
Di atas meja persepakatan dengan erat ikatan perpaduan patuh.

Di sinilah, kita tapis dan tampikan bahan bina kemajuan,
Tanpa meninggalkan jatidiri dengan cantik cerdik bahasa perhubungan.

Maka, pohon nusa ini adalah payung wawasan fikrah kita,
Pohon nusa itu rendangnya dengan daun daun intisari budaya,
Pohon nusa menjadi ladang untuk berbakti jaya,
Pohon nusa tumbuhnya kerana disirami oleh putihnya cinta,
Pohon nusa ceria dengan rendangnya teduh damai selesa,
Pohon nusa gandingan padu sebuah keluarga padu negara,
Pohon nusa adalah simbol kesatuan warganya yang menyalakan percaya.

Kita ini, bagaikan badan dan nyawa, kerana bersatu itu,
Kukuh yang tak akan sesekali runtuh dan jatuh!

SAGU HATI 1
SAJAK FIRDAUSI PERPADUAN
Oleh: Ahmad bin Harun

Firdausi perpaduan ini tanah pusaka leluhur bertuah,
Merdeka berdaulat dan bermaruah,
Teguh menjulang agenda muafakat bangsa madani,
Hidup kebersamaan seerat darah dengan nadi,
Hidup kesepaduan seteguh jantung dengan hati,
Mengukuh akar keberanian dan kecintaan warga,
Tanpa ada sengketa di perdu jiwa,
Bersemangat waja kukuh jati diri,
Untuk memacu kesejahteraan ibu pertiwi.

Firdausi perpaduan ini untuk semua,
Mewangikan peribumi warisan bangsa,
Merentasi sangsi dengan ketabahan,
Menangkis waham dengan kepastian,
Mengusir rintangan dengan wawasan,
Berdiri sama tinggi duduk sama rendah,
Sendi keutuhan berpaksi persefahaman,
Tiang penyatuan bertaut keserasian.

Mari kita pasak kukuhkan firdausi perpaduan ini,
Dengan kepimpinan bestari bersalut wibawa,
Warganya punya kematangan akal,
Warganya punya keyakinan tekal,
Warganya punya kesabaran kental,
Menyubur perkebunan akal budi bangsa,
Terus kekal meresapi damai terpelihara.

Ayuh bersatu wargaku!
Bangun sederap serumpun bak serai,
Mara sepakat sesusun bak sirih,
Mengibar panji malaysia madani,
Dalam kukuh keakraban toleransi,
Dalam teguh keintiman muhibah,
Dalam utuh kesuburan mawaddah,
Moga mekar semerbak firdausi perpaduan ini selamanya.

SAGU HATI 2
SAJAK LANGIT MALAYSIA
Oleh: Muhammad Azri bin Store Pipe

Bermusim kita berpayungkan kemakmuran,
Di bawah langit terbuka bernama Malaysia,
Menapak langkah di atas tanah kedamaian,
Menghirup aman dalam atmosfera harmoni,
Namun masih ada yang mencurahkan api benci,
Membakar segunung usaha leluhur membina pertiwi,
Hanya demi secebis keuntungan dan misi peribadi.

Kiranya mereka memilih menjadi petualang,
Maka biarlah kita yang menjadi pejuang,
Mengangkat aksara mengingatkan warga,
Kita pernah berpadu gema teriakan merdeka,
Kita pernah bersatu hati menyokong atlet negara,
Kita pernah berkongsi idea membina negara bangsa,
Kita masih bersorak riang gembira tatkala meraikan,
Kejayaan demi kejayaan terlakar untuk nusa tercinta.

Seharusnya kita berjiwa besar,
Menghulur tangan menyambut kepelbagaian,
Citra bangsa dan budaya nan memancar kilauan,
Jati diri akar keturunan tatkala kita sudah terlihat,
Seolah-olah seri pelangi mewarnai biru langit,
Mendakap tiap-tiap jiwa insan yang menekuni,
Nikmat seberkas penyatuan daripada tuhan.

Kita bebas melangkah ke jalan berbeza,
Menyusur akar keturunan yang berselirat,
Menyemai rasa cinta kepada tinggalan moyang,
Atau menjadi juara memperkasakan nasib bangsa,
Namun jangan sampai tersadung jerangkap kediri,
Dek hati ghairah mengarah bibir menutur benci,
Mata terpejam telinga tuli kebenaran terkunci.

Tiba masanya kita memahat tekad di jiwa,
Untuk menjadi warga perkasa berjiwa hamba,
Tulus hati menggenggam ikrar Rukun Negara,
Mengusung roh perpaduan ke jalan wijaya,
Moga nusa tercinta gah di jagatraya.

SAGU HATI 3
SAJAK USAH DITEBANG POHON ITU
Oleh: Suhaimi bin Mohd Salleh

Terbaja dengan saksama,
Tumbuhnya dengan sempurna bijaksana,
Langkau payungnya lebar meluas,
Sekian dekad tegak melindungi,
Daratan kehidupan dan perairan kemanusiaan,
Batu, pasir dan tanah menjadi bukit dan gunung,
Sangat penuh maknanya sebuah pertiwi,
Selesa warga berjamu di bawah bayang rahmatnya,
Nasib sejahtera kita dicaknai wajar,
Pohon penyatuan itu tidak pernah mungkir.

Pohon itu menyimpan warna budaya,
Beza kepercayaan dan aneka pegangan,
Adunannya serbuk jujur dan perisa hemat tamah,
Tegak lima rukun asas di daratan semenanjung,
Menjangkau dalaman Sabah dan Sarawak,
Akar tunjang perkasanya melantaikan tadbir,
Batang agamnya meniangkan kewujudan,
Dahan teguhnya memantau keselamatan,
Ranting cekal dan daun ramahnya,
Membumbungkan kecemerlangan.

Sebatang pohon ajaib ini spesies tunggal,
Anugerah kepada persada watan kita yang satu,
Wangi bunganya melangkaui sekalian harum,
Lazat buahnya melepasi sedap rantau jauh,
Menggamit aneka burung dari pergunungan lain,
Berkicau dan bersarang di sini.

Usah ditebang pohon itu,
Pohon penyatuan sakti berbudi,
Usia semakin ganyut dan gagah mula melarut,
Lekas kita tumbuhkan waris demi warisnya,
Menjadi penerus penyatuan lebih gigih.

Usah ditebang mana-mana pohon itu,
Semata-mata pesona karun ringgit,
Dan kubang dengki di sanubari.

SAGU HATI 4
SAJAK SEKEBUN INTEGRASI
Oleh: Zaheera binti Ibrahim

Sekebun integrasi yang menyentuh hatiku,
Adalah tonggak memakmurkan tanah ini,
Yang sekian lama digalas poyang moyang,
Demi memelihara kedaulatan tercinta.

Andai sekebun integrasi mampu menceritakan kepadamu kenangan,
Usah ditugal sebatas benih sengketa,
Yang menumbuhkan pucuk prasangka,
Hingga kita lupa menyemai toleransi yang harmoni,
Kerana kita tidak pernah bertanya,
Mengapa budaya dan adat resam antara kaum,
Bertunjangkan kelainan kepercayaan.

Kalaulah senja itu sekebun integrasi ini mampu menyatakan kepadamu,
Di pertiwi warisan leluhur ini,
Pancangkan kekuatan masyarakat majmuk,
Berlandaskan kehidupan berjiran,
Berkongsilah udara merdeka meski berlainan bangsa,
Agar segar kerjasama dalam kehangatan semangat kekitaan,
Kepalkan persefahaman bersama segenggam kedamaian,
Mengukuh benteng kerukunan sejati,
Keazaman meraikan berbeza kepercayaan.

Marilah kita taburkan baja aspirasi,
Biar gizinya menggemburkan sekebun integrasi.

SAGU HATI 5
SAJAK TETANGGA MUHIBAH
Oleh: Zaifulnizam bin Wagiran

Taman ini sentosa namanya,
Tempat kami melestari hidup belajar jadi dewasa,
Dari kecil berkejar berlarian di hadapan rumah,
Membesar berkeluarga, bekerja di pejabat ternama nan megah.

Jalan kami diami, lorong damai namanya,
Tenang harmoni umpama gelaran diberi,
Meski di pinggir rusuk kotaraya,
Riuh hinggar tak berhenti, tetap tenteram kami rasai.

Pakcik Leong berbangsa Tionghua di sebelah rumah,
Uncle Muthu seorang India yang ramah,
Kediaman tak jauh berselang tetangga kami,
Kaya budi pekerti, berperibadi mulia,
Sering bertolak ansur dalam jiwa budiman menyubur.

Bila senja menjelang menjelma kelam rembang,
Becok mulut Pakcik Leong menyuruh kami pulang,
Dari asyik bermain berkejaran hingga alpa,
Katanya, azan akan berkumandang solat Maghrib jangan dilupa.

Uncle Muthu pun sering menghantar juadah,
Kari ayam dan vadai goreng cili kering merah,
Dibalas pula kuih ketayap dan nasi lemak sambal bilis,
Air tangan ibu yang lazat jitu.

Umpama rumpun serai nan merimbun,
Begitu juga semangat kami,
Saling menghormati dan berukhwah membantu,
Hingga terzahir rasa mahabbah padu,
Meski berbeza payungan agama percaya,
Tetap kami menyanjung harmoni rasa,
Hingga dilamar keamanan suasana,
Dalam tautan kedamaian; asas perpaduan negara tercinta.

KARYA PEMENANG PERTANDINGAN PENULISAN PUISI (SAJAK)
KATEGORI REMAJA

	NAMA	NAMA KARYA
JOHAN	MOHAMAD ALI BINTI MOHD HAMSA	SAJAK BENIH PERPADUAN
NAIB JOHAN	NUR HIKMAH BINTI ABDUL HANIM	SAJAK MELODI PERPADUAN
TEMPAT KETIGA	NOR AIN ARIZAN BINTI ANUAR	SAJAK KEMILAU TANAH SEJAHTERA
SAGU HATI 1	AISY BASRI BIN MOHD BAKRI	SAJAK GAPURA MADANI
SAGU HATI 2	MUHAMMAD HARIS FIRDAUS BIN MOHD KHAIRUDDIN	SAJAK DENAI PERPADUAN
SAGU HATI 3	BIBI NUR ALLYA MAISARA BINTI HASNU	SAJAK WARKAH PERPADUAN
SAGU HATI 4	DIYA IKHLAS AYRISHA BINTI SHARRUL RIZAL	SAJAK SERUMPUN RANTING-RANTING
SAGU HATI 5	AHMAD KAMARUL FITRI BIN HANAN	SAJAK BALANG PERPADUAN

JOHAN
SAJAK BENIH PERPADUAN

Oleh:
Mohamad Alif bin Mohd Hamsa

Di tanah bertuah ini,
Ku tanam akan suatu benih,
Benih yang kian matang menghitung waktu,
Disuluh mentari harapan dihembus angin semangat,
Meski mendung perbalahan berarak,
Berawankan pilu dan guruh curiga,
Akarnya subur mengakar ke bumi,
Batangnya teguh mendongak ke langit tinggi

Di tanah bertuah ini,
Akan ku siram benih itu dengan kasih yang tulus,
Bagai gerimis menyapa dedaun layu,
Akan ku baja benih itu dengan hormat yang luhur,
Seperti bumi menyubur akar yang kekal akur,
Akan ku semai benih itu dengan kepercayaan setia,
Seakan bintang memandu pelayar di malam gelita

Agar ia tumbuh subur dalam muafakat yang jitu,
Merimbun seperti pohon balak di rimba permai,
Dahannya melentur dibelai bayu namun tak patah,
Daunnya rimbun mencipta teduh tak mengenal siapa

Semoga benih ini tumbuh mekar,
Mengakar erat di bumi yang damai,
Meski badai datang memecah langit,
Takkan goyang diterpa amarah,
Takkan rebah biar angin berpuput liar,
Kerana akar perpaduan menancap ke dasar,
Teguh selamanya, seperti janji yang tak pernah terlerai

Semoga kita memetik buah cinta dari pohon yang sama,
Buah keamanan yang manis dalam rasa,
Diharumi bunga harmoni kembang mewangi,
Dan pohon perpaduan akan terus teguh,
Menjadi warisan yang hidup sepanjang masa,
Menyatukan generasi dengan kasih dan setia.

NAIB JOHAN
SAJAK MELODI PERPADUAN

Oleh:
Nur Hikmah binti Abdul Hanim

Dalam harmoni alam, suara berbisik,
Angin berpuput lembut, membawa harapan.
Langit yang cerah, menyaksikan kita,
Berjalan seiring, dalam satu perjalanan.

Bersebati budaya, seakan alunan,
Setiap nada bergetar, melukis keindahan.
Di tengah perbezaan, kita temui satu,
Cinta yang menyatu, menjulang ke langit biru.

Lihatlah ke ladang, pelbagai bunga mekar,
Setiap warna mencipta, taman yang bercahaya.
Kita seperti pelangi, merentasi masa,
Dalam pelukan kasih, tiada yang terpisah.

Dalam kesulitan, kita berdiri teguh,
Menghadapi badai, dengan hati yang utuh.
Setiap titis peluh, setiap langkah penuh,
Mencipta sejarah, menulis epik yang baru.

Kita adalah bintang, berkerlipan serentak,
Menerangi malam, menuntun jalan yang padu.
Dari desa ke kota, kita nyanyikan lagu,
Melodi perpaduan, menyatukan kita semua.

Biarlah duka silam, pergi bersama angin,
Kita bina masa depan, dengan senyuman terukir.
Dalam satu suara, kita sampaikan pesa,
Perpaduan kita, kunci kejayaan gemilang.

Marilah sahabat, kita sambut harapan,
Dengan tangan bergandingan, menulis impian.
Satu jiwa, satu hati, untuk semua yang ada,
Melodi perpaduan, selamanya abadi di jiwa.

TEMPAT KETIGA
SAJAK KEMILAU TANAH SEJAHTERA

Oleh:
Noor Ain Arizan binti Anuar

Kita girang menyapa sejahtera,
Tangan menyambut damai,
Warna kulit bukan sempadan,
Kita lawan musuh sengketa,
Kita genggam kehalusan,
Norma dijunjung sepakat,
Tekad kita dibelai tata kerama.

Tanah kita berdiri kukuh,
Silaturahim dibentuk bermusuhkan angkuh,
Pribumi kita yang penuh warna,
Ada binar penuh harapan,
Ada tangan dihulur muafakat,
Bahu kita berganding cita,
Jiwa kita bersatu hasrat,
Anak bangsa kita menyemai muafakat.

Sentosa impian luhur kita,
Ayuh kita menjujung budi,
Agar damai bukan ilusi,
Tiang kita teguh saksama,
Bukan emas ukuran mata,
Bukan mahligai disanjung semata,
Sopan itu nilai utama,
Hadapan kita impian gemerlap.

Kita saksi kemilau itu,
Jati kita menolak musuh,
Raga kita berjalan makmur,
Toleransi itu senjata kita,
Pada anak yang menyeru damai,
Kita renung suria gemilang,
Meski rapuh digoncang musuh,
Kita teguh menggengam muafakat.

SAGU HATI 1
SAJAK GAPURA MADANI
Oleh: Aisy Basri bin Mohd Bakri

Berhadapan Taman Madani,
Yang harus ada di dada bangga adalah nikmat jati diri,
Bukan semata-mata keharmonian,
Yang harus ada di mata kemerdekaan adalah cahaya perpaduan,
Bukan semata-mata kepuasan.

Tubuh tanah air ini beruratsarafkan perpaduan,
Bangsaku memautkan akar budaya dan agama,
Yang menjalar di celah-celah dahan dan belukar kemakmuran,
Diutuh sepadu umpama aur dan tebing,
Dierat sejati umpama kuku dan isi,
Ditaklid yakin umpama lidah dan kata.

Jika bangsaku hanya berpeluk tubuh,
Meraung merdeka, sedang orang lain berlumba menikmatinya,
Jika bangsaku masih menjadi pengemis di jalanan,
Meraung merdeka, sedang orang lain mengaut segalanya,
Jika bangsaku masih tunduk kepada telunjuk yang lain,
Meraung merdeka, sedang orang lain berkeris di tangannya,
Kenapa kini, kita rela diperhamba?

Gapura Madani,
Menanti warga yang cekal berhati waja,
Kita belai keluhuran kemakmuran ini,
Kita belai kemurnian kepercayaan di kalbu.

Ini tanah air berdaulat,
Siapakah berani menyanggahnya?
Kita benteng di hadapan membara semangat belia,
Kita pelihara menyongsong ketuanan,
Manakah di dunia yang mampu memautkan,
Warna aneka di bawah bumbung makmur?
Semua kaum akur,
Memacu peradaban mengejar masa depan bersama.

Landskap Madani ini,
Kita lukis biar unik, biar cantik, bak emas terlarik,
Melangkah segak mengarak semboyan kemakmuran,
Tekad Perpaduan Penuhi Harapan.

KARYA PERTANDINGAN PENULISAN PUISI YANG TERPILIH
SAJAK

SAGU HATI 2
SAJAK DENAI PERPADUAN
Oleh: Muhammad Haris Firdaus bin Mohd Khairuddin

Dalam meniti waktu, kusaksikan rupa,
Berpadu jiwa dalam nurani bangsa,
Laksana sebatang kali mengalir tanpa tujuan,
Mengisi ruang di antara pepasir rahmat.

Adakah ku temui selaut budi,
Di benua hati yang tidak berbatas,
Tatkala dahan pohon bercantum erat,
Tersulam akar di tanah pusaka.

Wajah-wajah berbeza, namun serupa bicara,
Tidak retak dek silang adat,
Bak bulan di malam tenang menyimbah cahaya,
Tiada langit memisah kerdipnya bintang.

Angin lembut membawa hikmah petua,
Di balik deru gelora zaman,
Perpaduan yang kukuh bak gunung dan rimba,
Tiada lelah melangkah di denai abadi.

Janganlah sekali berpecah hati,
Kerana serpihannya bisa mencarik tanah,
Denai perpaduan tetap terbentang luas,
Selagi menghirup udara yang sama.

SAGU HATI 3
SAJAK WARKAH PERPADUAN
Oleh: Bibi Nur Allya Maisara binti Hasnu

Dari timur dan barat bertandangnya kita,
Menjunjung budaya ,warisan jua bahasa,
Di bawah birunya antariksa yang sama,
Jagatraya ini menjadi saksi setia.

Tetali atma tersimpul kemas,
Menganyam silaturahim dalam ketidaksamaan,
Menyulam harmoni dalam kepelbagaian,
Menolak berpaling dalam kedengkian,
Menyingkir tombak perdebatan,
Menyemai debunga persamaan.

Meriah bangsa bertari dansa,
Tapak kita selari, walau rentak berbeza,
Tiada dendam kesumat, tiada nestapa tersimpan,
Hanya renjana yang menjahit mesra.

Seakan bianglala seusai gerimis hujan,
Warna bersatu dalam sentosanya,
Pelbagai kaum menitip kemilau pada sang rawi,
Melukis tenang di bawah bentangan langit biru.

Pusaka ini, kita semai benih pengharapan ,
Menuai hasil cinta tanpa sempadan,
Perpaduan bukan sekadar tanggapan,
Ia sumpah janji pada tanah air tercinta,
Jalak lenteng bumi bergantung pada isian didalamnya,
Makmur rakyatnya,gemilang suaka.

Serumpun dalam detak nadi yang tiada beza,
Menjahit impian tanpa gentar,
Memimpin jantung menjunjung Malaysia,
Di bawah naungan kasih dan setia.

SAGU HATI 4
SAJAK SERUMPUN RANTING-RANTING
Oleh: Diya Ikhlas Ayrisha binti Sharrul Rizal

Rimbun harapan di bawah langit terbentang,
Angin membawa kisah kita bersama,
Niat bersatu meniti detik bahagia,
Tumbuh akar yang kukuh,
Teguh lagi tidak tergugat.

Ingatlah janji di bawah pepohon tinggi,
Dendangkan lagu perpaduan tanpa henti,
Genggam erat tangan, biar dekat di hati,
Rindu kasih yang tak pernah mati.

Serumpun kita, kuatkan ikatan jiwa,
Bersatu kita bak lagu mengalun,
Nuansa yang berbeza, bukan punca sengketa,
Umpama dahan bergantung setia.

Meniti hari, kekal erat bersatu,
Bersepadu impian, melangkah maju,
Usah goyah, kita teguh berliku,
Nafas perpaduan kekal hidup, terus bersatu.

SAGU HATI 5
SAJAK BALANG PERPADUAN
Oleh: Ahmad Kamarul Fitri Hanan bin Mehat

Jangan kita pecahkan,
Balang perpaduan,
Yang dipelihara sejak moyang,
Di meja permuafakatan.

Balang perpaduan,
Harus dipelihara,
Kerana didalamnya,
Mengandungi kemanisan,
Dan keharmonian,

Peganglah balang perpaduan,
Dengan bersatu padu,
Agar tidak jatuh,
Atau pecah bertaburan,
Kelak menjadi legasi kesatuan,
Generasi nusa bangsa.

KARYA PERTANDINGAN PENULISAN PUISI YANG TERPILIH

SAJAK

Kategori Dewasa

SEMPENA

PROGRAM SANGGAR PUISI PERPADUAN 2024:
PERPADUAN DIRAI,BAHASA DISANTUNI

SAJAK AKAR POHONNYA PERPADUAN
Oleh: Dahlia binti Kasim

Pohon damai ini bicara,
Sedangkan lakarannya pernah bisu,
Ketika berteduh di perdunya,
Melukis lorong pemisah merah,
Sejarah rencana tidak terduga,
Membakar jiwa anak bangsa,
Melerai kuntum pusaka warisan,
Berhelah di bumi bertuah,
Bertelagah mengusung kalah**.**

Pohon ini merasa ketakutan sama,
Ketika angin cemburu jadi seteru,
Pernah ranting percaya rebah,
Menimbus keharmonian,
Rimbunnya hilang megah,
Melilit musim persamaan,
Atas nama ikatan persaudaraan.

Perpaduan bukan hanya,
Warna-warna cerita,
Mimpi-mimpi tercipta,
Menghiasi alam harmoni,
Bawah jumantara yang sama.

Biarkan akar pohon perpaduan,
Jadi jalinan simpulan,
Kukuhnya atas tanah tanpa sengketa,
Simbolik negara bangsa**.**

SAJAK AKSARA YANG MENYATU BUDAYA
Oleh: Mohd Fadzly bin Hj Miswan

Aksara yang menyusun,
Irama berbeza,
Menyatu rasam makna,
Dan dikara kata,
Menjadi langgam perpaduan,
Tanpa diikat curiga,
Lalu dipersembah,
Di pentas budaya.

Berdondang pada nasihat,
Berdikir sopan bicara,
Mengindahi tari ngajat,
Pada lenggok perkasa,
Dan gemalai bharata natyam,
Bersatu rentak perbedaan,
Di lantai keharmonian.

Kita berperi kebersamaan,
Di sebalik layar kedamaian,
Agar lakon kebencian,
Dan dendang perpecahan,
Tidak beredak nuraga,
Tentang sinetron kesetiaan,
Yang kita pamerkan.

Bukankah dunia,
Ini sebuah pementasan,
Dari tarian yang menyatu,
Tradisi dan bangsa,
Lalu dinukil menjadi irama,
Dan lagu kesatuan,
Yang tidakkan pernah sumbang.

SAJAK ANAK-ANAKKU
Oleh: Nurhanna binti Abdul Aziz

Anak-anakku, dengarlah bicara,
Bicara yang ingin bonda sampaikan,

Dari dahulu, kita tak terpisah,
Seri gemilang tanah bertuah,
Menjadi nadi bangsa berpijar megah.
Teruna gagah, dara berseri,
Bersatu hati menenun kasih,
Songket disulam, sari teranyam,
Cheongsam terhias, kebaya terserlah dek lembayung malam.

Bukan bangsa yang kita timbang,
Bukan rupa yang kita dipandang,
Tapi hati yang satu berpadu,
Membina bahtera yang tiada jatuh.

Anak-anakku, tanamkan azam,
Bersatu dalam setiap langkah,
Bahtera ini kita kemudi bersama,
Menempuh badai, tekad dan teguh.

Bertitah raja di puncak istana,
Perpaduan inilah puncak mulia,
Tiada terpecah, tiada terburai,
Selagi kita tetap bersandar damai.

Gemersik serunai, bertabuh kompang,
Tanda kita seiring berjuang,
Berbilang bangsa namun sejiwa,
Itulah azimat yang kekal kita pegang.

Anak-anakku, ingatlah pesan,
Warisan leluhur jangan terbuang,
Perpaduan ini harus dijaga,
Agar nusa terus gemilang.

Di mana kaki melangkah teguh,
Di situ hati terikat padu,
Tanah bertuah ini milik bersama,
Jaga amanah, jangan pernah lupa.

SAJAK APABILA BELAYAR
Oleh: Ainun Nasibah binti Johar

Apabila belayar,
Di haluan kapal nakhoda berdiri menatap luas alam lautan:
Menekuni rupa ombak bergulung,
Meramal cuaca dengan awan dan angin,
Menelek gugusan peta di pekat hitam dada angkasa,
Kerana pelayaran ditempuh dengan ilmu hikmah,
Tentang bagaimana memasang layar,
Tentang memilih jenis temali bergantungan,
Memacu bahtera laju menongkah arus lautan.

Belayar bahtera merentas samudera perbezaan,
Berlabuh di pelabuhan demi pelabuhan,
Dengan layar bangsa, agama dan budaya – di tiang asing namun bersatu,
Kembang menangkap angin modenisasi kencang berhembus,
Dalam deras gelora alaf baharu.

Andai tidak sehaluan ketika belayar,
Karam kapal merempuh karang perbalahan,
Perbalahan kita pecahkan dengan meriam rundingan,
Rundingan disantuni dengan persefahaman,
Serpihnya lempar ke laut dalam biar tenggelam di dasar kemaafan,
Usah biarkan tajam serpih karang bertaburan di laluan kapal,
Kelak jadi bara merosak papan – meneguk darah perpecahan,
Bangkitlah bersatu menarik tali layar kepercayaan,
Bangunlah kita memusing arah pelayaran,
Semangatlah kita dalam arahan hebat nakhoda,
Mengelak terumbu di permukaan lautan ganas,
Menuju ke langit yang lebih tenang.

Kala belayar, nakhoda tahu tali laut harus kukuh,
Tangan-tangan di geladak mesti berpadu,
Setiap inci kapal memberi erti:
Dari lunas hingga tiang,
Dari layar sampai kemudi,
Dari hujung luan ke batas buritan,
Dari sisi kanan dan kiri,
Berbeza bahagian namun menyokong sesama,
Mengungguli pelayaran ke satu pulau – kepulauan Madani!

SAJAK APABILA HATI BERSATU
Oleh: Sobiah binti Ismail

Bagai terdengar,
Sayup-sayup teriakan memanggil,
Mengajak saudara-mara hidup bersatu,
Bagaikan sebuah keluarga besar,
Dilimpahi rasa gembira.

Yang berat sama ditanggung,
Yang ringan dijinjing tangan,
Andai susah dihulur simpati,
Wang dan tenaga dihulur bagi.

Betapa puas rasa bahagia bersama,
Rumpun pelbagai kaum dan bangsa,
Tak terlihat pincang keluarga,
Saling menutup aib dan maruah kita.

Bumi Malaysia ini begitu bertuah,
Pertuturan berbeza tetapi jiwa tetap sama,
Kasih dan sayang rumpun Malaysia,
Dekat bahagia,
Apabila kejauhan rindu menjelma.

Hormat-menghormati sesama kita,
Biar berbeza kulit,
Namun jiwa tetap sama,
Kasih sayang tak pernah pudar warnanya.

SAJAK APAKAH YANG MENYATUKAN KITA?
Oleh: Faten Nawwarah binti Muhammad Fauzi

Apakah yang menyatukan kita?
Sebuah negara pelbagai budaya,
Pakaian tradisi indah di mata,
Gerakan tarian seia sekata,
Beragam juga bahasa ibunda.

Apakah yang menyatukan kita?
Sama-sama duduk semeja,
Di kedai mamak dengan selesa,
Minum teh tarik dengan roti perata,
Menonton sukan penuh teruja.

Boleh jadi yang menyatukan kita,
Harapan dan cita-cita yang sama,
Mahukan kemajuan negara tercinta,
Menjaga tatasusila prinsip utama.

Ayuh berusaha menjadi permata,
Jagalah akhlak dan kata-kata,
Setiap manusia merupakan bata,
Menjadi tonggak keamanan nusa.

Dengan toleransi dan kerjasama,
Itulah prinsip asas perpaduan,
Agar mudah membina jenama,
Itulah usaha ke arah kemajuan.

SAJAK BAGAI AUR DENGAN TEBING
Oleh: Ida Shazana binti Zainal

Di bawah naungan raja perpaduan terjalin,
Melayu, Cina, India bagai aur dengan tebing,
Dalam satu suara kita bina masa depan,
Keharmonian ini tiada bandingnya bak permata bersinar.

Dari pelbagai budaya kita raikan perbezaan,
Bagaikan pelangi cerah menyatukan harapan,
Setiap titis peluh menambah kekuatan,
Perpaduan ini utuh takkan terpisah ditelan dek zaman.

Bersatu kita teguh bercerai kita roboh,
Dengan semangat yang membara kita hadapi rintangan,
Dalam perjalanan ini tiada ruang putus asa.

Raja sebagai pemimpin menjaga kesejahteraan,
Dalam kebersamaan kita hadapi rintangan,
Dengan semangat waja tiada gentar dalam perjuangan,
Raja kita pemimpin menjaga keamanan,
Membangun Malaysia dalam satu jalinan.

Tanah air tercinta, kita jaga segenap hati,
Dalam kasih dan hormat kita terus melangkah,
Melayu, Cina, India, keluarga abadi,
Di bawah panji raja kita menggapai cita.

SAJAK BALAI YANG MENYATU
Oleh: Mohamad Syafeq bin Zainal Amin

Pada redup bumbung kita bernaung,
Menghadap cahaya fajar yang menyapa,
Sinar yang tidak memilih wajah,
Hatta kulit kita berbeza rona,
Namun mentari ini menyinar sama,
Pada setiap jiwa yang berharap.

Bumbung ini bukan sekadar teduhan,
Di sinilah ruang yang melindung jiwa-jiwa,
Menganyam kasih pada tanah ini,
Tempat yang menerima setiap tapak langkah,
Membuka ruang toleransi berbilang bangsa,
Merayakan tiap pesta yang menyatukan,
Menyulam bermacam cerita yang kita kongsi,
Di balai raya membugar cinta.

Bumi mana tidak terlepas mendung sengketa,
Saat hujan prasangka lebat berjujuh,
Ketika hebat petir hasutan berdentum,
Kita kembali berlindung di bawah bumbung ini,
Tanpa rasa gusar dan gentar—
Di sinilah kita yakini,
Bahawa bumbung perpaduan ini lebih teguh,
Daripada ribut yang cuba memecahkan.

Mari, kita berlindung di bawah bumbung ini,
Dari segenap ruang tanah yang kita cinta,
Kita berkumpul,
Kerana balai ini melindungi semua,
Ada masa langit keadilan tidak memihak kita,
Namun kita, anak-anak bangsa yang berbeza,
Tetap berpadu,
Di bawah satu bumbung—
Tempat kita kembali, tanpa ragu.

SAJAK BANGKIT ANAK BANGSA
Oleh: Siti Nur Ain Waqiyah binti Zawawi

Di bawah langit ini kita berjuang,
Malaysia terbina bersama kasih dan sayang,
Dari lautan luas ke puncak nan tinggi,
Bersama melangkah, satu hati, satu janji.

Biarpun berbeza wajah, bahasa dan budaya,
Namun kita berdiri di bawah satu bendera,
Biar berbeza asal dan cerita,
Hati berpadu, tak mungkin terlera.

Membasah keringat demi perjuangan,
Setiap nafas membawa harapan,
Bersama kita meneguhkan tiang,
Untuk generasi yang lebih cemerlang.

Dari Utara hingga ke Selatan,
Timur dan Barat berpadu tangan,
Setiap langkah demi tanah tercinta,
Malaysia jaya, warisan kita.

Dalam gemilang jalur gemilang berkibar,
Tersulam semangat membara, membakar,
Negara ini kita jaga bersama,
Perpaduan kekal, selamanya merdeka.

Anak bangsa, bangkitlah segera,
Bina Malaysia, dengan cinta membara,
Di bawah satu bumbung, satu payung,
Negara kita aman, sejahtera, dan agung.

SAJAK BANGKITLAH ANAK BANGSAKU
Oleh: Nurul Najwa binti Ramli

Wahai Anak Bangsaku
Sedarlah Dari Lena Dibuai Mimpi Malam
Bangkitlah Jiwa Anak Merdeka
Terus Menyambung Semangat Pahlawan Tua

Wahai Anak Bangsaku
Tanah Bumi Ini Pernah Berdarah
Tanah Bumi Ini Pernah Dijajah
Jangan Alpa Dengan Keseronokan Dunia
Agar Tidak Tergadai Maruah

Negaraku Malaysia NamaMu Ku Julang Tinggi
Akulah Anak Bangsa Yang Takkan Pernah Mengalah
Akulah Anak Bangsa Yang Sanggup Berjuang
Biar Berdarah Akan Ku Genggam Tanah Air Ini
Tersemat Rapi Hingga Ke Akhir Nafas

Wahai Anak Bangsaku
Tidak Kira Pelbagai Bangsa, Kaum Atau Agama
Usah Ada Sengketa Antara Kita
Bangkitlah Terus Berjuang Mempertahankan Negara
Agar Keharmonian Dan Kedamaian Ini Terus Dijaga

SAJAK BANGSA BERDAULAT
Oleh: Nik Mohamad Izani bin Nawi

Darahku,
Mengalir utuh dari leluhur sejati,
Mengalir bersama duri dan duka perjuangan silam.

Namun aku terasa bangga,
Apabila ku pandang Jalur Gemilang megah berkibar luas,
Menyelimuti dan menaungi rakyat pelbagai beza,
Beza agama berlainan budaya,
Melukis corak dengan pelbagai warna,
Namun begitu,
Kita satu tiada dua berpadu bersatu bercerai jangan,
Bangsa Malaysia berdaulat itulah kita.

Kedaulatan ini ada nilainya,
Perpaduan menjadi harganya,
Pengorbanan dan toleransi menjadi tiang serinya,
Wajib pertahankan mesti perjuangkan.

Ingat kita ingat,
Lupa jangan sesekali,
Agar Negaraku terus kekal berkumandang.

SAJAK BANGSA KESETIAAN
Oleh: Gabriel Kimjuan

Menyedut udara kebebasan
Sebuah tanda aroma kebanggaan
Tanpa menutup suara kedukaan
Saling erat dipersada kesejahteraan

Kini dalam bahu perpaduan
Ada rasa sejuta kemanisan
Yang lama menunggu jadi hidangan
Oleh tangan kudrat kecintaaan

Pagi ke malam penuh kenangan
Bercerita ke dasar penghayatan
Lahir di tanah kemasyhuran
Berbagi segala nukilan kebebasan

Jiwa yang berombak kemegahan
Melihat sebuah nama kehidupan
Merdeka bersama lautan perpaduan
Bersatu pulihkan semangat kekuatan

Kita sajikan lantera kerukunan
Biar mengalir hingga ke jasad kebatinan
Agar warna aura kebangkitan
Melekat di dinding bangsa kesetiaan

SAJAK BANGSA SEPADU
Oleh: Sabrina binti Amat Dusin

Dikala matahari,
Memancar cahaya,
Terang seluruh alam maya,
Memancar sekata cahaya,
Gelap sudah tiada,
Celik mata dan jiwa,

Dikala hujan membasahi bumi,
Hingga bah desa dan kota,
Suara semangat,
Muncul dipelusuk negara,
Sepakat membantu,
Sepadu bersatu,

Dikala sakit luka terdampar,
Bertempik teriak suara,
Datangnya tidak dipinta,
Membalut luka dan darah,
Sakitnya ada hilang terasa.

Dikala panas api membara,
Menjilat segala harta benda,
Hangus terbakar sesaknya nafas
Hilang sekelip mata
Apa yang ada.
Tangan memberi muncul dari segala arah
Tidak diduga
Datangnya dari yang tidak disangka
Itulah jiwa-jiwa rakyat Malaysia

Sepakat, sehati, sesama,
Membantu tidak kira masa,
Walau berbeza bangsa, agama dan budaya,
Sepadu sekukuh hati dan jiwa
Mendepani perit getir hidup dunia

SAJAK BELAJAR DARI ALAM TENTANG PERPADUAN
Oleh: Abdul Hannan bin Abdul Rahman

Pepohon menghijau di ranah bertuah,
dedaunan kekal akrab bersentuh,
bersama selirat akar yang terjalin erat
menghuni tanah yang sama,
menikmati zat dan kesegaran bumi
yang tak pernah memilih pada siapa perlu diagih.

Langit terbentang biru di atasnya,
melindungi setiap yang melatari di bawahnya
tanpa beza, tanpa persoalan – langit terus melindungi
gelombang menyapa pantai,
tak pernah menyoal
pada pasir yang putih mahupun kelabu,
semua menerima sentuhan air yang saksama,
sama diselimuti deburannya,
sama dalam bisikan nyaman angin laut.

Malaysia – nusa bertuah ini,
meski pepohon membesar dari akar yang berbeza,
namun tanah tempat kita berdiri adalah satu.
Langit menaungi kita
tak pernah membezakan warna,
tak pernah menyisihkan sesiapa yang berlindung padanya.

Seperti sungai-sungai beralir ke muara,
kita akhirnya bertemu dan bertamu di laut yang sama,
segala jerih-payah,
segala perbezaan aliran yang berselirat
menjadi satu pada hilirnya, membentuk perpaduan.

Hanya mengukuh harmoni yang jitu - kita mampu bertahan,
menggapai masa depan yang lebih megah.
Kita takkan goyah, selagi jiwa berpadu,
seperti kehijauan pepohon dan kebiruan laut
saling melengkapi, dalam harmoni simfoni alam.

SAJAK BERDIRI TEGUH MEMPERTAHANKAN BENTENG PERPADUAN
Oleh: Asrul Effendi bin Kamaruzzaman

Tanpa mengira agama mahupun bangsa
Di mana kita dilahirkan
Dari mana asal kita
Kita tetap rakyat Malaysia
Mendukung perpaduan sebagai pegangan

Suka duka gembira tangis
Adalah lumrah dalam kehidupan
Berjaya gagal menjadi permainan
Dugaan cabaran asam garam
Kehidupan yang dilalui
Namun kita tetap bersama
Di tanah yang bertuah ini

Kita berteduh di rumah perpaduan
Sama merasai susah senang
Berganding tenaga tanpa mengira latarbelakang
Dengan matlamat yang satu
Menuju ke puncak kegemilangan

Pahit manis sama ditelan
Limau tidak masam sebelah
Kapal tidak senget sebelah
Batu yang berat sama digalas
Bagaikan aur dengan tebing
Saling sandar-menyandar
Tidak menjadi seperti enau dalam belukar
Melepaskan pucuk masing-masing

Siapa pun kita tetap sama
Rakyat malaysia yang hidup
Penuh rukun dan damai
Berdiri teguh mempertahankan
Benteng perpaduan demi langit kesejahteraan
Agar sentiasa bersinar dengan indah

SAJAK BERKONGSI TANGGA MUHIBAH
Oleh: Baharuddin bin Sairi

Rumah kita sebuah apartmen
Dihuni pelbagai bangsa
Berbumbung sama

Sewaktu mendaki tangga
Kita berkongsi warna kisah
Susah senang kehidupan
Mengikat tali kemesraaan
Dengan satu bahasa

Langsir impian yang kita pasang
Meredupkan rasa
Membuang pola-pola curiga
Dengan satu tekad
Visi madani didakap erat

Sewaktu kita membuka jendela
Angin segar kita hirup bersama
Pelangi petang yang datang
Mengutus warna-warna kedamaian

Anak-anak memukul kompang
Di astaka bangsa
Dengan irama yang sama
Merayakan rentak perbedaan
Tanpa tembok curiga

Rumah kita sebuah apartmen
Berkongsi tangga muhibah
Tanpa mengira warna.

SAJAK BERPERANG GELORA
Oleh: Muhammad Ali bin Chek

Bersarang cahaya kemerdekaan di persada
Berperang gelora permusuhan di dada
Dibayangi sejarah 13 Mei 1969 di kota
Dilimpahi darah pembunuhan 196 jiwa
Tercengkam darurat merajai kedaulatan
Terakam maufakat menampi kesetiaan
Bersinar dipayungi Rukun Negara
Berakar dipagari perpaduan warga.

Menyelami perlembagaan mahkota bertakhta
Menyinari kenegaraan bunga bangsa
Bertunjang kesatuan pelita kemajuan
Berkembang wawasan dahaga perubahan
Terpancar penuh menimbulkan identiti
Terukir wajah mengharumkan peribumi
Sejati bertaring di tampuk bersatu
Semurni bersaing di pundak berilmu.

Mencurah jasa menabur bakti
Menjelajah Rukun Negara sehati
Bernaung di parlimen terpahat perpaduan
Bergabung kegiatan tersirat kebijakan
Terbuka kefahaman mencelikkan sanubari
Terpenjara kelainan memalapkan pertiwi
Disusuri hikmah idealisme dijulang
Diresapi rahmah patriotisme gemilang.

SAJAK BERSATU DALAM KEPELBAGAIAN
Oleh: Mohd Fikri bin Osin

Jika genggaman tangan ini semakin lemah,
Dan aku mulai menjauh dari yang lain,
Berlarilah lebih cepat,
Dan kejarlah impian yang pernah kita inginkan,
Untuk membina sebuah negara bangsa yang terkenal di seluruh dunia.

Kita anak-anak Malaysia,
Harus bersatu jiwa dan raga,
Untuk menepis segala fahaman yang cuba memusnahkan perpaduan,
Untuk melindungi negara kita,
Keluarga kita,
Teman-teman kita,
Dan kita.

Ingat semua,
Negara ini milik kita,
Meski warna kulit kita berbeza,
Meski kepercayaan kita tak sama,
Tapi matlamat kita sama,
Dan sebagai warganegara yang baik dan bijaksana,
Kita harus bersatu dalam kepelbagaian agar Malaysia terus gah dipersada dunia.

SAJAK BERSATU DEMI MALAYSIA
Oleh: Zuraida binti Ab Rashid

Lebih separuh abad
Telah kita kecap
Manisnya merdeka
Dalam cangkir perpaduan.

Paduan janji telah diikat
Dengan tali persefahaman
Demi melepaskan nusa
Dari belenggu penjajahan.

Dengan rasa cinta
Pada sebuah watan
Kita bangkit bersama
Memugar ladang pembangunan.

Bahtera kejayaan
Yang telah terbina
Jangan sampai karam
Dilanda prahara perpecahan.

Jangan sampai
Layar keamanan kita
Koyak dirobek oleh
Belati si petualang.

Ayuh kita kuatkan
Ikatan harmoni budaya
Membentuk satu keluarga
Yang teguh bersama
Demi Malaysia.

SAJAK BERSATU DI BAWAH PAYUNG MALAYSIA
Oleh: Saravanan a/l Subramaniam

Kita bersatu
Di bawah….
Satu Payung
Yang Bernama Malaysia

Dengan..
1 Bendera Kebangsaan
1 Perlembagaan Malaysia
1 Prinsip Rukun Negara
1 Budaya Kebangsaan
1 Lagu Kebangsaan
1 Bahasa kebangsaan

Walau Kita..
Pelbagai kaum
Pelbagai bahasa
Pelbagai agama
Pelbagai warna
Pelbagai budaya
Pelbagai kepercayaan
Pelbagai adat resam

Ini kerana..
Pemimpin negara kita
Bersatu dibawah satu polisi….
Ekonomi, Sosial dan Politik

Hasilnya dapat menetapkan….
Altitud ,Latitud dan Longitud
Yang jitu
Bagi negara….
Sentiasa Cemerlang
Sentiasa Gemilang
Sentiasa Terbilang

SAJAK BERSATU KITA PENUH DAYA
Oleh: Mohamad Amirul Fitri bin Yazid

Dalam harmoni kita bersatu,
Beragam warna jadi satu,
Bersama melangkah, bergandeng tangan,
Perpaduan indah, tiada henti,

Langit biru, bumi hijau,
Suara riang, tawa yang cerah,
Beda agama, budaya dan bahasa,
Namun satu visi dalam cinta.

Melodi cinta, kita nyanyikan,
Keragaman, kekuatan bangsa,
Pelangi muncul setelah hujan,
Menyatu dalam satu cerita.

Kita buktikan pada dunia,
Bahawa hidup berasa lebih indah,
Ketika kita saling menghargai,
Perpaduan ini takkan pernah mati.

Rangkul tangan, jalin harapan,
Semua bersatu, demi masa depan,
Di bawah sinar mentari yang hangat,
Perpaduan kita, kekuatan yang hebat.

SAJAK BERSATU KITA TEGUH
Oleh: Muhammad Iskandar bin Abd Halim

Di bawah satu bendera, kita bangkit bersama,
Di bawah matahari yang bersinar cerah,
Dalam setiap bangsa, dalam setiap agama,
Bersama kita tanam benih perpaduan indah.

Dari Perlis ke Johor, Sabah hingga Sarawak,
Kita berdiri kuat, tidak berpatah arah,
Tenunan pelbagai yang saling berpaut,
Di mana harapan dan harmoni terjalin teguh.

Walau berbeza bahasa yang kita ucap,
Kekuatan ditemui dalam hati yang tetap,
Tanah yang damai, masa depan yang terang,
Di mana setiap impian berterbangan dalam sinar gemilang.

Di bumi bertuah ini, kita bersatu,
Pelbagai bangsa, budaya, dan adat resam,
Melayu, Cina India dan lain-lain,
Semua bersama, satu dalam kalam.

Dalam perbezaan, kita berharmoni,
Pelangi warna, indah bersatu,
Setiap bangsa ada peranan tersendiri,
Keberagaman kita, kekuatan yang satu.

Cinta tanah air, jadi pegangan kita,
Bersama membangun, arah menuju cita,
Dengan semangat, kita teruskan,
Malaysia, tanah air tercinta.

Satu suara, satu hati,
Menuju masa depan yang bahagia,
Kita akan terus bersatu,
Untuk Malaysia yang makmur dan sejahtera.

SAJAK BERSATU KITA TEGUH
Oleh: Hasnah binti Salam

Di bawah langit yang satu, kita bersatu,
Di bawah langit yang satu, kita berganding bahu,
Dari Timur ke Barat,
Dari Utara ke Selatan,
Tak terpisah waktu,
Lautan biru terbentang luas,
Seluas saujana mata memandang,
Gunung-gunung gagah, teguh tanpa batas.
Berbilang bangsa, beraneka warna,
Tapi hati kita tidak pernah berbeza,
Dalam tiap denyut nadi dan jiwa,
Cinta untuk tanah air terus membara.

Bersama kita melangkah gagah,
Dalam keharmonian yang tiada patah,
Bersatu tak pernah goyah,
Perpaduan sejagat, sinar terang,
Buat tanah airku, tempat kita berjuang,
tempat kita bersatu tenaga,
Membanting keringat,
Membuka mata,

Tak gentar dek badai, tak takut dek gelombang,
Kerana kita satu, kita kuat dalam ikatan,
Menuju masa depan yang gemilang,
Di tanah airku, kita bersatu selamanya.

SAJAK BERSATU PADU
Oleh: Rorasiah binti Adek

Malaysia-ku,
Putera-puteri dari kayangan,
Senyuman manis seperti madu,
Pelbagai keturunan bukan halangan,

Membina bangsa yang padu,
Biar kita berbeza kecintaan,
Kepada negara menyatukan kita,
Kemajuan dicapai,

Perpaduan diutamakan,
Biarpun kita berbeza adat,
Biarpun kita berbeza pendapat,
Kita tetap Satu,

Satu hati, satu jiwa, satu rasa,
Nikmatnya kita kongsi bersama,
Kerana kita satu Malaysia,
Sedarlah…,

Bukan mudah mengejar perpaduan,
Memerlukan satu keteguhan jiwa,
Merdeka dari tuntutan hawa nafsu,
Merdeka dari hasad dengki, khianat dan haloba,

Merdeka dari penjajahan minda,
Merdeka dari sekularisme,
Merdeka daripada kejahilan fatwa,
Merdeka dari ujub dan riyak,

Merdeka daripada tahyul, khurafat dan wasangka,
Jambatan ilmu,
Jambatan kukuh tempat menyeberang,
Ke pulau perpaduan bersatu haluan,

Agar di setiap sukma warga,
Di mana bumi di diami,
Di situlah bahasa dikasihi,
Wadah perpaduan,

Menjadi benih kasih dan sayang ,
Bersama membina masa hadapan,
Bersatu kita ke arah wawasan.

SAJAK TEGUH BERSATU
Oleh: Mohd Khairul Mazlizan bin Mamat

Tanahairku,
Sahabatku,
Saudaraku,
Mengapa masih ada sifat-sifat menongkat langit,
Sedangkan kita adalah insan yang lemah tanpa berganding bahu,
Biarkan mereka yang masih melaung bingit,
Mengasingkan pemikiran otak yang sempit dan kaku.

Marilah kita bersama-sama meraih tangan,
Bersama-sama membantu,
Bersama-sama berjalan,
Bersama-sama mendorong.

Ke arah yang lebih baik dan maju,
Maju dari segi pemikiran,
Maju dari segi perbuatan,
Maju dari segi pertuturan,
Maju dari segi segalanya.

Agar kita yang bernama Malaysia ini dapat bersaing,
Serta dikenali di mata dunia.

SAJAK BERSATU TEGUH
Oleh: Norehan binti Ngah

Di sini
Di pantai ini
Ketika mentari berlari menyusur kaki langit
Terlihat anak-anak riang berlari
Berkejaran bersorak gembira
Tanpa mengira beza
Kaum dan turunan
Cina Melayu India
Bersatu memeriahkan alam
Mencipta semangat perpaduan

Pada insan di luar sana
Usahlah membezakan antara kita
Sesungguhnya bersatu itu teguh
Ciptakanlah keamanan sesama kita
Maka terciptalah perpaduan
Tanpa pecah belah

SAJAK BERSATULAH, DEMI NUSA!
Oleh: Nur Azlan bin Zainuddin

Malaysia bebas merdeka
Nikmat dari Yang Esa
Jangan pernah didusta
Cuba gugat sentosa
Elak saling menghina
Singkir sifat haloba
Agar nama malaysia
Terus gah di mata dunia

Pelbagai kaum yang ada
Walaupun berbeza agama
Marilah bangkit segera
Bersatu gembleng tenaga
Tanamkan sifat setia
Sanggup berkorban nyawa
Semoga nusa tercinta
Kekal aman selamanya

SAJAK BERSATULAH BANGSAKU
Oleh: Intan Marhayu binti Rahman

Di bumi Malaysia kita bersama
Melupakan jurang beza
Merapatkan ukhwah saudara
Agar damai, agar bahagia

Bangkitlah semangat perpaduan
Kita lupakan sengketa lama
Kita ubati kesan calar dan luka
Kita raikan pelbagai budaya
Kita tegakkan maruah bangsa
Kita kibarkan bendera bersama
Di bawah naungan payung mahkota
Bangsa Malaysia sehati sejiwa

Bersatulah bangsaku
Biar berbeza wajah, warna dan agama
Bersatulah bangsaku
Biar berbeza adat, berlainan pendapat
Bersatulah bangsa ku!

Ayuh! Tegakkan maruah bangsa
Genggam erat akar perpaduan
Bersatu berganding bahu
Kita warga terbilang
Di tanah pusaka Malaysia tercinta

SAJAK BISIKAN SIMFONI LANGIT DIJUNJUNG
Oleh: Saifuddin bin Masuk

Bintang tersenyum menyapa jiwa yang merona,
di langit biru kita melangkah bersama,
angin membawa pesan dari cakerawala,
hati menyatu dalam ombak berpadu suara.

Awan putih membentangkan sayap melebar,
seperti tangan yang memeluk tanpa gentar,
mentari dan bulan bertukar cahaya gemilang,
mari menari bersama di samudera tenang.

Di langit kita melayang dalam harmoni,
angin berbisik menari dalam simfoni,
bintang-bintang bersinar bagai mata hati,
awan memeluk jurang tanpa sepi,
dan ia menyatukan jiwa dalam damai abadi.

Lautan berbisik dalam irama yang sama,
berdebur gelombang mengejar batas dunia,
kedalamannya rindu terpendam, tak terucap,
namun kita dengar bisikan watan yang meresap.

Bintang jatuh bagai doa yang tersimpan,
mengalir ke lubuk hati yang terdalam,
seperti laut ia luas tak pernah terukur,
namun siap selalu menerima merafak syukur.

Di cakerawala angkasa dan laut bertaut mesra,
seperti tangan yang tak pernah ingin berpisah,
menyatukan kita bak langit dan lautan,
menjelma cinta dalam bisikan panji negara.

Awan bintang dan lautan berirama,
dalam satu tarian memadu nada ritma,
mengalun kisah tentang benih kehidupan bersatu,
dalam perpaduan akrab keabadian yang padu,
dalam perpaduan erat bangsa menyatu.

SAJAK BUKAN BERLAINAN SEGALA
Oleh: Ishak bin Hassan

Terimalah hakikat
Walau berlainan marga
Bukan bererti berlainan segala
Ingatlah,
Semua marga berpijak pada lahan dan bernaung di bawah payung awan yang sama
Jangan sesekali menyemai benih pohon iri
Kelak bunganya akan memekar dendam
Bertingkah di atas ranting gugur layu ditiup angin
Lebur menjadi melukut di tepi gantang

Pada jiwa pupuklah semangat toleransi
Saling menghargai dalam semua situasi
Bersatulah menjadi seberkas lidi
Melentur tidak patah
Utuh dalam satu kesatuan

Dalam berbicara
Bawalah diksi sopan
Santun beradab tidak mengguris perasaan
Luka andai sudah berdarah parut tetap kekal
Dendam membara sukar dipadam

Ayuhlah
Mari kita bersatu
Peliharalah lahan yang subur ini
Biar mendingin jiwa mematikan api perpecahan

SAJAK PEWARIS MAHLIGAI
Oleh: Ishak bin Hassan

Ingatlah kita adalah pewaris bertuah
Mewarisi sebuah mahligai
Besar agam tidak bergegar di rempuh taufan
Tidak hanyut dihentam badai dari lautan
Tiangnya ampuh berdiri menongkat beban
Walau hanya adunan sebati batu pasir dan simen
Tiga bahan inilah menjadi tonggak kekuatannya

Malaysia adalah mahligai kita
Tempat tumpah darah dan tempat kita bernafas untuk meneruskan kehidupan
Warga kita majmuk kaum, agama dan budaya

Hanya tolak ansur dan saling memahami
Kita boleh bersatu menjadi tiang untuk negara
Walau baju kita tidak sama pola
Kulit kita tidak sama warna
Kepercayaan kita tidak sama hala
Tapi ingatlah darah kita tetap sama warna

SAJAK BUMI BERTUAH
Oleh: Zebidah binti Hussain

Bumi bertuah ini,
Pernah tercemar dek cengkaman penjajah,
Hilangnya kuasa-kuasa raja, keistimewaan Melayu terhakis,
Semangat tinggi dalam membebaskan belenggu penjajah,
Menjadi asas perjuangan pejuang Tanah Melayu,
Lantas, bumi bertuah ini diiktiraf kemerdekaannya.

67 tahun kita kecapi nikmat kemerdekaannya,
Hasil jerih payah nenek moyang,
Toleransi kaum semakin mekar dalam modenisasi,
Melayu, India, Cina, Iban dan Kadazan,
Bersatu di bawah satu bumbung perpaduan,
Yakni Malaysia yang kita cintai,

Ayuh Malaysiaku!
Tekadkan jiwa, tanamkan azam yang membara,
Atas nama perpaduan ini, Jangan dibaja dengan anasir negatif,
Yang mampu meranapkan impian Malaysia Madani,
Buktikan kita bukan sekadar tin kosong,
Masyarakat majmuk darah daging kita,
Dari dulu, kini dan selamanya.

Rukun Negara pegangan kita,
Demi kemakmuran Malaysia kita,
Pasakkan ikrar yang telah dilafaz
Ke lubuk jiwa yang paling dalam,
Hayatilah, bajailah ia,
Demi gelanggang yang kita cintai,

Benar, kita generasi muda era ini,
Tonggak kepimpinan ditangan kita,
Jangan diracuni dengan dunia digital,
Biar seiring dengan kemajuan dunia,
Namun budaya Timur jangan diluntur,
Jadikan pegangan, Buktikan pada dunia,
Negaraku setanding dengan yang lain,
Semangat perpaduan yang membara sebagai perisai,
Pastinya semangat ini akan terus kekal seiring perubahan zaman.

SAJAK BUNGA BANGSA
Oleh: Mohamad Hanif bin Awang Senik@Ismail

Anugerah kemerdekaan ini
Janganlah kita khianati
Bukan mudah termeterai semua
Gelora ditempuh pejuang bangsa
Belum tentu mampu bagi kita
Menjinakkan samudera ganas
Sehingga hening embun subuh hari
Sehingga mekar bunga bangsa ini.

Meski sejarah kita pernah berdarah
Meski kita pernah seteru dan sengketa
Pejamkan mata, lupakan segala luka
Buangkan yang keruh, semadikan yang jernih
Kerana rumah pusaka ini kitalah isinya
Setiap kita, kau dan aku, adalah satu
Untuk apa kelahi sekarang?
Bukankah dahulu kita memilih aman
Jangan digugurkan bunga bangsa ini.

Wahai kudup kuntum bunga bangsaku
Satulah kita tanpa warna dan bahasa
Kerana kita punya cita yang sama
Hidup sebarang sama berjuang
Meski leluhur selisih asal rumpunnya
Langit dijunjung udara yang sama
Layar geliung ini janganlah karam
Tiang seri biru ini biar kekal utuh kejap
Pohon ini kita suburkan dengan kasih
Terus bersemi bunga bangsa ini.

KARYA PERTANDINGAN PENULISAN PUISI YANG TERPILIH
SAJAK

SAJAK BUNGA BANGSA
Oleh: Juriah binti Athman

Tanah ini
Tempat kaki kita berpijak ini
Bumi berkah dan bertuah
Di sini lahirnya wira serta pejuang
Menentang para petualang
Jangan kau lupa akan sejarah

Tanah ini tidak tandus
Ilmuan, cendekiawan, hartawan
Agamawan, negarawan juga politikus
Bersama membangun bangsa
Demi pertiwi tercinta

Ayuh bangsaku
Teruslah melangkah
Tetaplah kita persiapkan barisan
Melayari bahtera perjuangan
Memaut rumpun perpaduan ke persada dunia

Ayuh anak watan
Genggam benih perjuangan
Azimat menuju gerbang kegemilangan
Jangan kau lemah dek onak melintang
Teguh berjuang kau akan menang!

SAJAK CETERA NUSA BANGSA
Oleh: Nur Pattin Hakima binti Yahaya

Di tanah ini,
Nusa berpadu,
Dari timur ke barat,
Dari desa ke kota,
Pelangi budaya menjunjung satu,
Menyulam persaudaraan,
Mewarnai jiwa merdeka.

Lautan manusia, pelbagai rupa,
Namun hati kita berpadu setia,
Di bawah langit biru, damai terasa,
Teguh kita mandiri, satu nusa, satu bangsa.

Tak kira warna, tak kira asal,
Semua berpadu, gagah dan kekal,
Saling menghormati, saling mengerti,
Mandiri negara dengan sepenuh hati.

Walau badai datang menggoncang jiwa,
Kita tetap satu, tak goyah berdiri,
Perpaduan ini, tunjang bahagia,
Menyinar masa depan, megah meniti.

Mari kita genggam semangat ini,
Di bawah bayu, dalam bayang sejarah,
Kitalah nusa, kitalah bangsa,
Bersama kita melangkah, menuju gemilang indah,
Cetera perpaduan bangsa.

SAJAK CINTA DALAM PERPADUAN
Oleh: Ahmad Sayuti bin Shamberi

Di bawah langit yang sama kita berlindung,
Bumi ini saksi kasih yang berkembang,
Melayu, Cina, India, serumpun jiwa,
Dalam setiap hati, cinta itu ada.

Bukan kulit yang menjadi tanda,
Bukan bahasa yang memisah rasa,
Tetapi kasih yang menjalar luas,
Menaut hati tanpa batas.

Tangan bertaut, erat menggapai,
Menghulur cinta tanpa pernah usai,
Anak-anak bangsa, pelbagai rupa,
Namun satu jiwa, satu cinta.

Dalam langkah kita saling menjaga,
Jatuh bangun, kita sokong bersama,
Tiada benci, tiada curiga,
Hanya kasih yang tulus mesra.

Bunga bangsa mekar di taman,
Dari benih kasih yang penuh haruman,
Bersama kita anyam harapan,
Menyulam impian dalam perpaduan.

Saling menghormati, saling memahami,
Menyemai kasih tanpa prejudis di hati,
Inilah cinta, perpaduan bangsa,
Yang kukuh berdiri, teguh selamanya.

SAJAK CINTAKU DALAM KEPELBAGAIAN BUDAYA
Oleh: Dijah anak Dugat

Tanah ini tanah kita!,
Tanah tumpah ibu pertiwiku,
Jiwa ini saling cinta,
Cinta akan kepelbagaian budaya.

Langit ini milik kita!,
Terlahir dari darah dan keringat,
Iban, cina, melayu, india kita sekata,
Dukunglah perpaduan dengan erat!.

Wahai anak bangsaku, bangkitlah!!,
Bergadanglah kita bersatu hati,
Berpadu tangan jangan berpecah belah,
Menjaga ukwah ini hingga mati.

Bersatu kita teguh bercerai kita roboh,
Janganlah leka serta lalai sahabat!,
Kuatkan cinta teguhkan roh!,
Semarakan perpaduan penuh semangat.

Jangan didengar omongan orang!,
Cuba menghasut memusnahkan kita,
Biar badan hancur berkecai di mata pedang,
Tetapku ku berkorban demi negara kita!

Sungguh ku bangga dan gembira,
Hidupku dilimpahi keharmonian ini,
Tiada pernah ku rasa di mana negara,
Terima kasih Malaysiaku perwira!

SAJAK CITRA HARMONI
Oleh: Faridah Hanim binti Hassan

Ku balut luka sejarah merawat pengalaman getir
kerana aku rindukan segenggam harmoni
penawar keamanan pertiwi berbilang bangsa
menyegarkan kedaulatan di singgahsana

Namun jangan biarkan keharmonian
disuntik virus kebencian
hingga menyentap jiwa kesejahteraan
jangan biarkan kuman permusuhan
merentap hayat ketenteraman yang damai
hingga merebak wabak prasangka
jangan biarkan bakteria onar membiak
hingga melenyapkan nyawa ketenangan yang sentosa

Marilah kita pelihara segenggam keharmonian ini
memperkukuhkan kedaulatan watan tercinta
pertahankan semangat kerjasama terjalin
setia mengintegrasikan citra budaya
tabah memacu kemakmuran menjana kesejahteraan
dengan suntikan aspirasi rindukan kejayaan

Suara perpaduan ku dengar bergema lagi
memantulkan sejahtera dan damai nusaku.

SAJAK DARI JENDELA RENGKIANG
Oleh: Mohamad Syafeq bin Zainal Amin

Di hamparan sawah yang terbentang,
Di bawah naungan langit nan luas,
Awan putih dan rengkiang usang saksi bisu,
Langkah kita terjejak pada tanah,
Menggali rezeki yang dititipkan,
Tangan berlainan warna menggenggam cangkul dan sabit,
Namun nadi yang bergetar pada denyut tiada beza,
Merentas batas waktu,
Melangkah ke masa depan bersama.

Kita menyemai benih dalam retak pertujuh,
Rindu pada tanah yang melahirkan kita,
Walau akar berbeza di dasar,
Kita tunas tumbuh serumpun,
Seperti padi yang melambai lembut,
Ditiup angin perpaduan,
Berhembus dari arah yang tidak pernah kita duga,
Menyulam janji di setiap helaian daun.

Sawah ini milik semua,
Bukan sekadar bidang tanah tetapi jiwa,
Disuburkan nenek moyang yang menyatukan,
Tidak hanya di tubuh yang bekerja,
Tapi di hati yang sanggup berkorban,
Di sinilah kita,
Menuai mimpi bangsa dengan tangan sendiri,
Setiap butir padi adalah kisah,
Kisah semangat yang tidak terlerai.

Kita akan tuai,
Harapan yang telah lama ditanam,
Membawa impian ini ke puncak—
Di sini, tiada siapa akan terpinggir,
Di relung perpaduan,
Jiwa kita subur bersama.

SAJAK DENAI KEHARMONIAN YANG KITA TITISKAN
Oleh: Shahana binti Shukri

Di denai ini langkah-langkah damai mula ditempa
Oleh tangan-tangan lama yang tabah membina
Keringat mereka jatuh satu-satu menitiskan air bermakna
Yang menyegarkan lumut persaudaraan menghijaukan suasana
Yang ringan menyumbangkan jernih pengorbanan bersama
Mengairi tanah yang subur membentuk jejak perpaduan kita

Kini anak merdeka meniti denai yang sama
Berbekal warisan semangat dulu yang tak keruh putus asa
Setiap titisan kecil mengumpul paras toleransi serirama
Berkongsi desiran harapan dan cita dari sudut atma
Tak pernah surut usaha tak bisa sirna kerjasama
Membawa aliran harmoni menuju lembangan sungai utama

Malangnya badai sering menerjah menggoncang sepi
Rintangan datang tanpa undangan yang pasti
Tapi titis-titis tekad tegar menyusur muara berliku misteri
Meski berbeza agama, bangsa dan budaya kita bersatu hati
Menghadapi jurang terjal tanpa ragu sama sekali
Saling menghormati, menghargai, jauhi hasad dengki
Memperkuat arus dalam deras yang sentosa abadi

Di hadapan, kita titipkan amanat
Moga generasi mendatang terus berpimpin hemat
Melewati denai berbatu dengan sabar dan cermat
Supaya…
Keamanan tak tercemar dek percikan cairan kesumat
Kerukunan tak terkoyak dek alur pemikiran khianat
Mengalir tanpa henti menyebar keharmonian sejagat
Denai ini, kita titiskan dengan kasih dan impian yang sarat

SAJAK DI BAWAH LANGIT KEBEBASAN
Oleh: Rohizan bin Ya

Seperti kanvas putih yang bersulam penuh seni
Kita hidup dalam kepelbagaian teranyam indah sempurna
Mekar harmoni memenuhi jiwa sanubari
Hormat-menghormati mekar seperti bunga di dinihari pagi

Di atas singgahsana, megah sang raja memerhati dengan kasih penuh restu
Di luar sana, demokrasi berbicara tenang, membawa suara kedamaian
Di bawah satu bendera, kita semua bersatu
Menghirup bebas desir udara kebebasan

Toleransi menyirami pohon-pohon kehidupan
Berakar kukuh, menjalar pada setiap ranting harapan
Kita belajar menerima, dengan jiwa yang tidak pernah lelah
Menyemai benih cinta, memetik buah perpaduan yang ranum megah

Bahagia menghampar, luas seperti langit syurgawi
Keamanan memaut jasad erat mengcengkam ibu pertiwi
Inilah tanah air yang kita cintai dan sanjung sepenuh hati,
Tempat setiap jiwa menemukan cahaya
Mimpi yang kekal abadi

SAJAK DI BAWAH SATU BENDERA
Oleh: Mokhtar bin Omar

Pada teduhan mega kuning, merah, putih dan biru
Kita berdiri mengangkat kepala
Merenung bendera yang berkibar megah
Pada ikatan di pacakan tiang sekian lama
Tatkala negaraku berkumandang
Degupan jiwa bersatu dengan suara lantang
Ikrar terucap dalam teduhan mega itu.

Kemudian kita saling berpandangan
Apakah renungan dan nyanyian kita suatu kepuraan
Atau kebenaran yang kita simpan dalam poket kewarasan
Agar segala bahagia yang telah dibina
Tak akan runtuh dimusnahkan oleh kejahilan
Dan kesombongan mengangkat diri kerana kelebihan
Atas kelemahan diri nan dipaksakan.

Kau dan aku pernah berjanji
Untuk bangkit dan membina kembali kota ini
Yang pernah roboh dijajah dahulu
Menghidupkan semula kebanggaan warga
Biar mata-mata asing menyaksikan
Meskipun kita berlainan kulit dan bangsa
Sumpah setia pada negara kukuh sejahtera.

Tanah ini tempat lahir kita
Udara ini kita hirup bersama
Di sini kita mengatur langkah pencak
Jika ada sesiapa yang ingin mengugat
Utuhnya keharmonian dan keamanan ini
Nyawa kita akan jadi pertaruhan
Membela nusa di atas tanah berdaulat.

SAJAK DI BAWAH SATU BENDERA
Oleh: Nur Kamaliah binti Mohamed Sujari

Di tanah bertuah kita bernaung,
Penduduk berbilang kaum beriringan,
Kasih tersulam dalam jiwa mendalam,
Bantu-membantu, harmoni terjalin tenang.

Perbezaan budaya, indah dirai,
Warisan leluhur, sama dikenali,
Hargai setiap perbezaan ini,
Membina jambatan persaudaraan abadi.

Di bumi bertuah, tanah air tercinta,
Tempat lahir pejuang bangsa,
Di sini kita mengukir nama,
Bersama maju ke hadapan, membawa cita.

Anak watan megah mengibar bendera,
Tanpa prejudis walau berbilang bangsa,
Kita semua satu negara,
Bangga menjadi anak Malaysia.

Budi bahasa, peribadi bangsa,
Bersama berpadu, kita gagahi langkah,
Generasi bersatu, tekad membara,
Membangun negara, perpaduan jadi mercu arah.

SAJAK DI BUMI MALAYSIA
Oleh: Muhammad Hisyam bin Abdul Halem

Di bumi Malaysia
Di kaki bukit berlapis kabus,
Pepohon merimbun menghampar rindu,
Seperti pelangi melengkung erat,
Merangkai langit, menyatu biru.

Sungai mengalir deras ke muara,
Membawa rintik hujan dari pergunungan tinggi,
Setiap titis air adalah suara,
Dari desa hingga kota berseri.

Bagaikan angin menyapa daun,
Berbisik merdu di antara hutan,
Kita, manusia daripada beribu wajah,
Namun bersatu di setiap helah.

Bagai terumbu di dasar laut,
Berbeza, namun tidak berpecah,
Hidup dalam lautan harapan,
Berbeza di luaran, namun sama isinya.

Di sawah luas terbentang hijau,
Padi menunduk dengan sepakat,
Seperti jiwa yang mengerti persaudaraan,
Begitu jua rakyat di bumi Malaysia.

Gunung berdiri, teguh dan gagah,
Memayungi setiap pelusuk bumi,
Seperti perisai menahan ombak,
Menjaga kita dalam amanah abadi.

Ribut dan badai mungkin menerpa,
Namun pohon teguh berpaut,
Begitulah adat dalam bersatu,
Meski berbeza, tetap bersatu, tidak terputus sentiasa berpahut

Kita adalah tanah, air, dan awan,
Bersama mencipta sebuah peta,
Yang diwarnai dengan kasih dan harapan,
Di bawah langit Malaysia, kita merdeka.

SAJAK SESUSUN BAK SIRIH
Oleh: Norhayati binti Idris

Kemerdekaan tanah air ini
Tidak datang bergolek tanpa semangat juang nan tinggi
Tidak jua digapai tanpa pengorbanan nenek moyang kita
Hingga kini kita bisa mendabik dada
Dengan kemajuan seganding mereka nan pernah menjajah kita

Selak tabir sirah bumi bertuah ini
Bersyukurlah kerana kita masih punya dia
Berteraskan Rukun Negara dan piagam Perlembagaan negara
Menjunjung Islam sebagai agama rasmi Malaysia
Tanpa mengabaikan hak beragama rakyat berbilang bangsa
Kita jalin kepelbagaian dalam kesatuan
Sesusun bak sirih
Serumpun bak serai
Sederap selangkah
Menjulang jiwa merdeka

Genggam erat-erat visi dan misi negara tercinta
Agar dengan kebersamaan dalam kesatuan ini
Malaysia terus gah di persada dunia.

SAJAK DIRGAHAYU MALAYSIAKU
Oleh: Norhayati binti Idris

Andai dalam derap langkah bangsaku
Tak seiring tak sejalan
Hilanglah maruah jati diri
Diperkotak-katik oleh musuh
nan tak sepicing mata pun melupakan hasrat menjatuhkan Malaysia tercinta

Tanah air tercinta ini
Dibina atas dasar setia
Bertonggakkan iman berpaksikan perpaduan
Bak ranting seikat kukuh dan sukar dipatahkan
Bak serai serumpun seia sekata tanpa beza ras, agama dan budaya

Dirgahayu Malaysiaku
Dalam kepelbagaian kita junjung semangat perpaduan
Bulat air kerana pembetung
Bulat manusia kerana muafakat
Merdekakan jiwa dari prasangka, iri dan benci
Agar Malaysia berdaulat dan dihormati
Gah berdiri menjulang pertiwi dan kasih manusiawi
Genggam erat toleransi perkukuh jati diri
Hanya kita mampu memaknai Malaysia Madani
Sejahtera bersama tanpa sengketa

SAJAK ERTI PERPADUAN
Oleh: Muhamad Syazwi bin Sholihin

Aku melihat semut bekerja,
Tanpa membalas pandangan, diam terus bersama
Mengumpul sesuatu untuk puterinya.

Tak pasti dibawanya ke mana,
Berulang alik dalam satu baris
Tak sempat bertegur sapa
Bertugas sebagai satu keluarga.

Tak pernah mempertikaikannya,
Kecil tubuhnya, kecil habuannya
Yang penting,
Rezeki ada di mana mana.

Tak pernah pentingkan diri sendiri
Hidup bekerjasama.
Walaupun yang keluar sepuluh
Tetapi pulangnya hanya separuh.

Erti bersatu padu dalam kehidupan.
Perpaduan itu, teras sebuah kejayaan!

SAJAK FIKIR-FIKIR
Oleh: Noor Azrina binti Rusli

Aku terfikir-fikir,
Kalau indah semua mengaku senegara,
Kita lah satu Malaysia.
Kalau khabar yang buruk mulalah menghina.
Berlumba di sini sana menunjuk hebat sesuatu bangsa.
Mengapa?

Aku terfikir-fikir,
Malaysia itu banyak warnanya.
Kita terkenal dengan juadah enak pelbagai rasa.
Pelancong datang banyak yang suka.
Mahu nasi lemak, roti canai, mi kolok, kuih bulan semua pun ada.
Tapi bila mula berdebat, semua seperti lupa.
Mengapa?

Aku terfikir-fikir,
Pasti ada yang masih ingat.
Sama-sama memberi nasihat.
Masih ada cinta pada negara
Kalau tidak,
Masakan Munsyi Teo Win Sing hebat bermadah puisi Bahasa Kebangsaan,
Masakan Doktor Malar pempengaruh berbangsa India diikuti pengikut pelbagai bangsa,
Masakan lagu P Ramlee menjadi siulan seluruh rakyat tak kira bin atau anak kepada siapa.
Malaysia wujud dan terus maju kerana kita masih bersatu padu.
Ayuh terus semangat bermuafakat.
Kita ada segalanya hanya perlu terus dijaga.
Kalau masih sibuk bersengketa,
Mengapa?

SAJAK GARIS BAWAH KATA PERPADUAN
Oleh: Rahimah binti Mohamad Aris

Kau tanya aku
Apa itu padu
Kata mampat sendat dan rapat
Mampatkan ruang perbezaan
Sendatkan dengan rasa sayang
Rapatkan ukhwah tutup jurang

Mutakhir ini tak bisakah kita gumpal muafakat
Leraikan dendam yang katanya punca perpecahan
Mengapa kau pilih berseteru
Jika kau aku mampu ganding seiringan

Rabahkah maruah jika kita permula cipta kembali harmoni
Hidup rukun saling menghormati
Jangan digaris bawah sentimen hidup sendiri
Muhibbah lahir dari jiwa nan suci

Ayuh kita cakna demi pertiwi
Bukankah Malaysia kian megah duniawi
Tanpa hasad dan pentingkan diri
Ganding bahu bersatu integrasi

SAJAK GEMILANG PERPADUAN MALAYSIA
Oleh: Norshuhadaniza binti Abdul Rahman

Malaysia, Oh tanah airku
Aku pertahan sepenuh jiwa dan raga
Ku pertahan sepenuhnya Malaysia
Di mata dunia, luar biasa

Malaysia, gemilangmu kerana perpaduan
Pelbagai warna dan budaya di dalamnya
Biarpun kita berbeza pendapat
Biarpun kita berbeza adat
Namun,berpadulah bangsaku
Menuju Malaysia rumpun yang satu

Malaysia, ayuhlah kita berganding bahu
Mengangkat maruah bangsa hingga ke persada dunia
Biarpun begitu, musuh jangan dicari
Namun bersua jangan pula dielakkan

Malaysia,
Kami berikan taat dan setia
Agar tiada lagi kehancuran dan luka
Bersama-sama menuju masa depan gemilang
Rakyat bersatu Malaysia Cemerlang

Malaysia,
Ayuhlah kita berganding bahu tanpa mengira bangsa
Berganding bahu bersatu hati dalam membentuk perpaduan
Demi majukan Malaysia Tercinta
Umpama peribahasa "Serumpun Bak Serai, Sesusun Bak Sirih".

SAJAK GULA DAN GARAM
Oleh: Suhairi bin Rosle

Gula dan garam,
Dua bahan yang berbeza
Tapi saling melengkapkan
Dalam periuk bertemu jua
Dalam manisan juga bersua

Kau dan aku
Kita umpama gula dan garam
Warna rambut mungkin sama
Warna kulit mungkin berbeza

Namun
Kita dalam masyarakat yang sama
Mengejar kehidupan madani

Tidak perlu kita
Baling batu sembunyi tangan
Kerana kita sudah punya jati diri
Berpadu dalam rumpun harmoni
Belayar di lautan negara Madani.

SAJAK HANTARAN MUHIBAH
Oleh: Kho Thong Eng

Dinihari
Menerpa kabus mesra
Memeluk pokok aneka rupa
Bergolek embun di hujung daun
Mengisi haus
Puspa aneka rona.

Bunga mekar menguntum senyum
Menebarkan wangi rencam aroma
Memikat
Rama- rama peramah
Lebah madu datang menjamah
Manisan idaman sukma
Tersaji tanpa beza-membeza.

Inilah sketsa indah lukisan alam
Epitome keharmonian
Terbit daripada
Sandar-menyandar
Saling memberi dan menerima
Mensyukuri kepelbagaian
Memuja anugerah
Paling berharga.

SAJAK HARMONI ALAM PERPADUAN INSAN
Oleh: Saifuddin bin Masuk

Langit biru bertaut bumi lautan,
menyulam junjungan di ufuk kejauhan.
Awan berarak bersama angin lembut,
seperti hati-hati yang saling terikat erat.

Gunung gagah mendakap lembah,
bersatu gagah dalam harmoni natijah.
Damai bak aur dengan tebing bicara,
merangkai persahabatan tanpa kira.

Hutan rimba pelbagai pohonan,
seperti bangsa yang hidup seirama.
Burung damai bernyanyi di atas dahan,
melodi damai dari satu nada irama.

Terbit pelangi selepas hujan,
Warna-warni meresap satu tujuan.
Bagaikan kita melengkapi lukisan,
tetap bersatu dalam kejituan perpaduan.

Kita berdiri di atas lambang maruah yang sama.
Kita berpadu dalam nurani yang serupa.
Kita berlari mengejar mimpi yang terbuka.
Kita berlainan namun tetap seirama.
Kita bersama tak terpisah oleh warna.

SAJAK HARMONI BERSAMA
Oleh: Muhammad Asrah bin Zailani

Harmoni bersama,
Kita sama-sama berteduh di tanah ini,
Sama berbakti sama menjaga,
Negara yang tercinta ini.

Harmoni bersama,
Berbeza warna berbeza rupa,
Meski banyak ketidaksamaan,
Bukan alasan kita bersatu,
Bersatu dalam satu bahasa,
Bernaung di bawah satu payung Malaysia,

Harmoni bersama,
Sedikit jurang kita dekatkan,
Secuit perselisihan kita jernihkan,
Sepahit sengketa kita sisihkan,
Agar dapat kita terbitkan,
Kemanisan dalam kebersamaan.

Harmoni bersama,
Demi negaraku Malaysia.

SAJAK HARMONI TANAH AIR
Oleh: Tilakawathe a/p Balakrishnan

Di lembah hijau, kita bersatu,
Berkongsi bahasa, budaya, dan rasa,
Pelbagai bangsa, satu hati,
Malaysia indah, damai selamanya.

Di pasar, aroma rempah berbaur,
Lagu-lagu lama dinyanyikan,
Di tengah kepelbagaian, kita kuat,
Menggenggam erat, satu impian.

Dari utara ke selatan, timur ke barat,
Tradisi berbeza, namun satu jiwa,
Kita bergandingan, tangan di tangan,
Mewarnai sejarah, mencipta masa depan.

Di bawah langit biru, kita berdiri,
Merayakan kasih dalam perbezaan,
Perpaduan Malaysia, harapan kita,
Satu bangsa, satu negara, satu cita.

SAJAK HIDANGAN PERPADUAN
Oleh: Norazlina binti Masnan

Kuali besar tanah air ini,
Rempah muafakat kita gaul mesra,
Seperti aroma nasi lemak mewangi harum,
Setiap butir beradun dalam santan cinta,
Menyatu dengan semangat merdeka.

Roti canai yang dilipat penuh seni,
Diuli sabar oleh tangan berbudi,
Laksana perjuangan yang kita bina,
Lapisan budaya tidak pernah memisahkan,
Sebaliknya akrab, erat dalam kasih sayang.

Cendol manis di petang terik,
Sejuknya mengalir di kerongkong nan dahaga,
Ibarat luhur harmoni yang meresap perlahan,
Dalam diri kita yang berbeza warna kulit,
Namun satu hasrat, satu negara.

Teh tarik berbuih penuh mesra,
Gambaran bicara antara kita,
Di warung kecil hingga ke dewan besar,
Satu suara, satu tekad dipertahankan,
Menyulam cita-cita, membina masa depan.

Kuah kari, kita temui keakraban,
Rempahnya pelbagai namun tidak terpisah,
Bagai kaum yang rencam di bumi Malaysia,
Bersama menyemai benih harapan,
Melayari bahtera kesatuan dalam selera bersama.

Kuih-muih berwarna di dulang,
Lembut disentuh, manis dirasa,
Penaka hati rakyat yang mudah mesra,
Menerima perbezaan, menyambut persamaan,
Kita adalah bangsa yang teguh, tak tergoyah.

Setiap rencah dan rasa berpadu erat,
Umpama jiwa yang setia dan sabar,
Menghadap dunia dengan wajah tersenyum,
Kerana di sini, kita semua saudara.
Sepakat dalam hidangan perpaduan.

SAJAK IKATAN PERPADUAN
Oleh: Sharifah Syafinaz binti Syed Abu Bakar

MERDEKA! MERDEKA! MERDEKA!
31 Ogos 1957 Menjelma,
Itulah Peristiwa Yang Penuh Makna,
Negara Bebas Daripada Penjajahnya,
Atas Jasa Tunku Abdul Rahman Juga,
Almarhum Tunku Digelar Bapa Kemerdekaan Tercinta,

Bulan Bintang Menghiasi Penjuru,
Empat Belas Negeri Menjadi Padu,
Merah, Putih, Kuning Dan Biru,
Malaysia Lambang Bersatu.

Malaysia Bumiku Malaysia,
Melayu, Cina Dan India Bersama,
Biar Tidak Sama Budaya Dan Bahasanya,
Tetapi Perhubungan Tetap Mesra,
Seperti Sejenis Ikatan Persahabatan,
Itulah Dinamakan Perpaduan.

Usah Kita Perlekeh Berlainan Bangsa,
Apatah Lagi Permainkan Agama,
Saling Perkuat Amalkan Budaya Kita,
Perpaduan Erat Hak Bersama,
Usah Diragu Walau Di Mana Kita Berada.

Ayuh!!
Mari Kita Berganding Bahu,
Tanpa Mengira Bangsa,
Jangan Biarkan Peristiwa 13 Mei Datang Menjelma,
Ingatlah,
Bersatu Hati Dalam Membentuk Perpaduan,
Demi Negara Malaysia Hidup Aman.

SAJAK INDAH PERMAI KAMPUNG HALAMANKU
Oleh: Jasman bin Bandar

Indah permai kampung halamanku
Hidup berbilang bangsa aman makmur
Saling hormat menghormati sesama
Kesantunan berbahasa dan lisan dijaga
Budaya bangsa terus terpelihara

Sungguh meraih oh kampungku
Setiap perayaan dirayakan bersama-sama
Hari raya, Krismas, Tahun Baharu Cina
Memotret kenangan indah dalam keunikan budaya
Bahagia rasa dicurah aman damai sentosa

Semangat bermasyarakat menjadi amalan
Bagaikan aur dengan tebing
Tidak kira bangsa, agama
Saling bertanya khabar
Berkongsi buah fikiran secara terbuka
Menghormati perbezaan pendapat
Keharmonian dan kesejahteraan diutamakan
Perpaduan terus bersinar dilestarikan

SAJAK INDAH PERPADUAN DARI RASA
Oleh: Siti Khatijah binti Awang

Apabila kita perkatakan tentang perpaduan
Sang preman tidak lagi melukut di tepi gantang
Para marhaen mendahului manis bicara
Dengarlah pesanan-pesanan ini
Wahai penaung nusa bangsa
Andai kau ingin memahami
Erti keindahan perpaduan kita
Kelompok yang jitu lagi kan tersungkur
Ini kan pula bagi yang tidak sepakat dan sekata
Pekat kelabu asap berkepul
Datangnya dari mana-mana
Namun jangan gelap pandanganmu
Oleh anasir-anasir itu
Adakah hidup pengertian itu?
Perpaduan seperti apa yang dimahukan?
Genggam tanganmu
Rapat erat bersama yang lain
Tekad perpaduan yang jitu
Hanya dirasai apabila bersama
Tidak sesekali bercerai roboh merata-rata

SAJAK INDAH SEPERTI NAMANYA
Oleh: Stephanie Juanita anak Ahlee

Kegembiraan raut-raut wajah
Pada setiap perarakan
Tanpa mengira hari apakah
Mengkagumi aku, rakyat biasa
Yang hadir bersaksikan
Hujan turun dari syurga

Lalu, titisan-titisan itu
Memeluk setiap insan
Bersama harapan, sungguhpun
Kita berlainan kaum dan budaya
Tetapi masing-masing
Mengingini sebuah penyatuan
Membentuk identiti Malaysia bersama
Penjalin kekuatan segenap suku bangsa
Yang cukup indah
Seperti namanya, perpaduan.

SAJAK INI HALAMAN KITA
Oleh: Mohamad Paris bin Arshad

Melangkah ruang perjuangan
tegar mengumam sabar
setia reranting hasrat
melentur arah sepakat
tegak pepohon ukhwah
berperdu nusa bermaruah
menidak lelah pasrah
lalu
musim menganjak zaman
singgah beburung sombong
kuku mencalar noda
paruh bersumbing riak
suara bertingkah janji
mata meliar cemburu
kepak menyimbah sejarah
merona walang-menjemput geruh
dan
relakah kita warga setia
melihat sandiwara beburung
bercanda di ruang halaman
dari pohon ke pohon
mencebek dalam senyum
menabur najis kebencian
kerana
ini halaman kita
berwadah muafakat
citra bangsa berhemah.

SAJAK JAMBAK PERPADUAN
Oleh: Samiron bin Rahmat

Saudara,
salam tanpa warna
dari ceruk serata negara
buat kalian di dalam kesejahteraan
masyarakat majmuk tiada perbedaan.

Saudara,
dasar perpaduan lestarikan kota
biar berbilang bahasa dan bangsa
pemangkin laras kemajuan
intergrasi nasional jadi tujuan.

Saudara,
singkaplah lipatan sejarah
pimpinan kaum tidak berbantah
hambat penjajah halang penjarah
mengibar jalur gemilang gah.

Saudara
suku di sini, ras di sana
laksana ikatan bersimpul mati
bertaut bak sejambak kunci
jauh di sempadan dekat di hati.

Saudara,
setiap bangsa pelbagai pesona
raikan perbezaan terima persamaan
diikat padu berpisah tiada
negara dibina madani tercipta.

Saudara
tuntas enam dekad cantuman lahan
tiada retak barang secalar
tanda perpaduan tiada tercemar
gemilang Malaysia di puncak persada.

Saudara
kita bersaudara.

SAJAK JAMBAK PUTIH
Oleh: Ramle bin Ismail

Inilah mercu tanda dibina berkurun lama
Dengan air mata sabar
Dan keringat tabah memercik di dada
Diadunnya keluli bersulam besi putih berkilau
Pilihan bijaksana tukang terdahulu sebelum kita.

Tiang teguh terpacak kukuh
Konkrit bertetulang gagah tersergam
Tempat kita menyeberang usia
Ke desa indah seni budaya.

Jambatan putih ini,
Lintasan kita mengangkut kedamaian
Jalan kita memikul keamanan
Laluan kita memunggah kemakmuran,
Menyemai rezeki di sawah usaha
Melimpah ruah menuai tuah.

Di daerah kesayangan ini
Kita bebas menyeberang sungai perbezaan
Kau di seberang aku di sini
Kita bertemu di laman sejahtera sentiasa

Biar diterjah banjir dugaan
Biar dirempuh taufan ragu
Jambatan putih ini
Hendaknya tetap teguh utuh
Tidak retak membengkak risau
Tidak runtuh berselerak muafakat
Jambatan putih ini
Penghubung kita warga pelbagai bangsa
Saling toleransi dan percaya tanpa curiga

SAJAK JATA PERPADUAN
Oleh: Mohd Izani bin Che Jaafar @ Mohd Zainal

Perpaduan itu penyatuan toleransi harmoni
Harmoni itu seimbang dan serasi
Malaysia berbilang bangsa mampu mendepani
Rukun Negara tunjang keamanan bestari.

Malaysia contoh etnik klasik Negara
Etnik bangsa bersatu maju bersama
Bahasa dialek bukan ancaman nusa
Teguh Kita bangkit membina sejarah Negara.

Melayu bangsa tamadun pemula
Cina India aman berpayung diraja
Tiang bangsa titik keteguhan Jata
Bercerai runtuh tiada kompromi laksana.

Kejujuran itu ikhlas berbangsa mulia
Amanah itu tanggungjawab sebaik-baiknya
Bertanggunjawab membina bangsa negara
Hormat menghormati itu kesopanan dan kesusilaan bersama.

SAJAK JIWA MADANI, PERPADUAN ABADI
Oleh: Lydia Jane anak Masam

Dalam jiwaku yang penuh Madani,
Tersulam benang kasih insani,
Bersama maju kita melangkah, tanpa sepi,
Mengukir perpaduan, erat di hati.

Madani itu jiwa yang damai,
Hidup bersatu, tiada yang terabai,
Melayu, Cina, India, dan pelbagai bangsa,
Hidup dalam kesejahteraan, berkongsi rasa.

Perbezaan itu indahnya mewarnai,
Madani jiwa, menenun harmoni,
Agama dan adat harus kita hormati,
Agar perselisihan tidak akan terjadi.

Bersama kita bina jambatan yang nurani,
Menghubungkan hati, menyemai bakti,
Dalam perpaduan, tiada juga sempadan,
Segala rintangan pastikan atasi dengan iman.

Jiwa madani itu bebas dari prasangka,
Tiada benci, tiada dendam yang membara,
Hanya kasih sayang yang penuh keikhlasan,
Marilah menuju kejayaan dengan ketulusan.

Madani itu jiwa yang luhur,
Teguh berdiri dalam ikatan jujur,
Perpaduan jiwa, asas kebahagiaan,
Kita bina Malaysia dengan keadilan.

SAJAK KAMI TIGA SEKAWAN
Oleh: Ismail bin Hashim

Kami tiga sekawan
Sudah tidak kekuk lagi bertegur sapa
Di waktu senggang kita sering duduk
Semeja berbicara memesankan nasi lemak
Mi goreng mamak dan mi hailam
Dan pesanan minuman mengikut citarasa
Dan mengutamakan kebersihan

Mei Ling , Sarojini dan Dahlia muncul
Di pasar ramadan memilih anika makanan
Berbuka puasa menjadi kegemaran
Dalam diam-diam ubi perpaduan terjalin
Muhibbah terungkap menjadi pemangkin

Perpaduan kami bertiga akan
Sentiasa disirami dan dibaja setiap hari
Budaya antara kaum sudah pun
Mekar kembang serumpun

Kami sedia menjaga perpaduan ini
Menuju ke puncak mendukung
Cita-cita yang harmoni
Dalam kehidupan berbilang kaum
Menjadi penampan yang tersusun
Menjunjug perpaduan dalam ikatan serumpun.

SAJAK KEMAKMURAN INI MILIK KITA
Oleh: Khairulazman bin Dollah

Kita generasi hari ini
Telah membina satu bangsa yang gah
Jalinan Muhibah telah tercapai
Cita Aspirasi telah digapai
Kerana apa kita mahukannya?
Untuk memupuk cinta dan kasih
Kukuhkan jiwa perpaduan kaum
Mengembleng anutan Rukun Negara
Bagai bunga yang kembang mekar .

Kemakmuran ini milik kita
Di bina dengan permuafakatan
Tadahan kudrat berbilang bangsa
Kedua-dua tapak kaki dipijak
Atas dasar semangat setia kawan
Tanpa sensasi dan ragu
Kerana kita arkitek
Pengubah masa depan.

Seru bangsa yang ada
kumpulkan tenaga bersama
Pacu kebijaksaan yang bertakhta
Putar untuk dipersembahkan
Agar corak acuan Pembina Malaysia
Kian memaju ke puncak jaya.

Harumkan bumi bertuah ini dengan satu wadah
Satu suara dan satu jiwa.

SAJAK KEPELBAGAIAN ITU KEKUATAN
Oleh: Masriyah binti Misni

Kepelbagaian yang kita ada
Punyai sejarah yang panjang lagi unik
Kisah perjuangan dan pengorbanan
Diiringi juraian air mata juga darah
Bukan suatu perjalanan mudah
Dipenuhi liku ranjau, lelah tanpa gundah
Namun tercapai hasil permuafakatan
Pemimpin politik dan tokoh masyarakat
Pelbagai kaum nan berjiwa patriotisme.

Seharusnya kita mempelajari
Memahami dan mengambil teladan
Akan peristiwa sejarah yang berliku
Perpaduan serta keharmonian kaum
Kan terus dirasai dan dinikmati
Hingga akhir nanti.

Kegagalan dan kejahilan
Memahami sejarah silam
Bakal menjerumuskan watan
Dalam kancah persengketaan
Nan merugikan.

Walau kita berbeza
Tetap teguh bersama
Seharusnya diangkat bersama
Budaya, adat resam, bangsa dan agama
Tanpa dicengkam rasa curiga
Kerana perbezaan telah menyaksikan
Pelbagai kisah indah tercipta
Di celah liku kehidupan masyarakat
Lantas merakam pelbagai detik manis
Perpaduan yang amat dibanggakan
Meraih kekuatan dalam kepelbagaian.

SAJAK KERANA MU PERPADUAN
Oleh: Suriani binti Othman

Di tanah berdaulat, kita berpijak,
Berbilang kaum, satu jiwa terjalin,
Lautan warna, harmoni terbit,
Cinta dan kasih, tidak pernah pudar.

Lautan budaya, sungai tradisi,
Setiap warna, melodi harmoni,
Dalam satu tarian, langkah seirama,
Perpaduan kita, jiwa bangsa.

Semangat jiwa, bersatu hati,
Menjadi jambatan, memupuk harmoni,
Kekayaan budaya, warisan kita,
Perpaduan kaum, kekuatan tak terputus.

Di setiap sudut, kita bersemangat,
Kejayaan bersama, tak pernah terpisah,
Dalam cabaran, kita berpegang,
Perpaduan kaum, tiang negara.

Maju bersama, kita capai puncak,
Dalam kebersamaan, satu tujuan,
Malaysia, tanah air berharga,
Menuju kejayaan kerana mu perpaduan.

.

SAJAK KITA
Oleh: Juriah binti Athman

Di bawah langit biru ini kita berdiri
Mewarnai dunia dan segala isi
Bersama kita bersatu hati
Berkongsi cita, impian dan harapan
Menjalin persaudaraan tanpa sempadan

Setiap warna segenap suara
Biar beza kulit dan kepercayaan
Bersatu padu tiada yang terpisah
Inilah kekuatan dalam kepelbagaian
Bersama melakar kejayaan nan indah

Dalam suka dan duka
Bersama kita hadapi semua
Menghulur tangan memberi sokongan
Walau badai datang menjengah
Kita tempuh tanpa goyah

Usah biar perpecahan menyentuh
Bersama kita tangkis semua jatuh
Dengan jitu kita susun langkah
Mencipta kemenangan penuh sejarah
Demi masa depan yang lebih cerah

SAJAK KITA ITU SATU
Oleh: Fatin Juzaili binti Johari

Di bawah langit memutih yang sama
Kita bersimpuh
Di bawah pohon keamanan nan hijau
Kita berteduh
Kita berkongsi cerahnya suria yang sama
Juga bulatnya bulan yang bercahaya
Merah darah warna mengalir
Tiada lainnya
Utuh berpegang tangan
dengan rasa cinta sekata
Biar bezanya budaya dan bahasa
Namun indah kasih terjalin

Jangan disemai benih permusuhan
Jangan dibajai akar persengketaan
Usah disimpan bara terpendam
Kelak menyala api berdendam

Keharmonian itu sumbu perpaduan
Memupuk perpaduan suatu amanah
Amanah itu suatu tanggungjawab
Berat dan beban itu pasti
Namun tetap dijaga dilaksana
Demi warisan, demi negara

Jika bercerai kita roboh,
Maka bersatulah, kita pastu teguh!
Kita itu satu…

SAJAK KITA SEJIWA
Oleh: Zuliana binti Talib

Ketika aku melewati ruang selera itu
Kulihat teman-teman akrabku
Berbaju kurung, bercheongsam dan bersari indah
Menikmati sarapan sama citarasa
Sambil berbicara seia sekata

Ketika aku melewati arena balapan itu
Kulihat pelari tangkas penuh tenaga
Bersaing hebat menggalas harapan negara
Ketika itu juga teman-teman akrabku tadi
Bersorak penuh semangat
Sama mengibar Jalur Gemilang

Ketika aku melewati arena seni itu
Kulihat teman-temanku itu
Mengatur langkah tarian asli, kipas dan baratham
Di pentas itu juga seia melagukan
Negaraku bergema dihayati bersama

Ketika aku melewati anak-anak kecil itu
Di sekolah tempat aku dan teman-temanku menimba ilmu
Melalui hari penuh bermakna
Kini menjadi tugas kami
Memberikan didikan kepada generasi baru
Demi membina negara yang harmoni dan Makmur

Kita sejiwa
Berpadu tanpa mengira bangsa
Satu cita demi Malaysia
Kekalkan negara makmur dan harmoni
Lestarikan perpaduan ini

Kita sejiwa
Perpaduan dalam kepelbagaian
Kesatuan ini perlu dipertahankan
Tali pengikat kita bersama
Demi negara tercinta

SAJAK KUASA PERPADUAN
Oleh: Joanna Maju anak Stephen Rungan

Hidup rukun itu seharusnya,
Dijadikan amalan zaman-berzaman,
Segala perbezaan kita singkirkan,
Belajar menerima dan menghayati keunikan sesama kita.

Terbit perpaduan di antara kita kerana kasih,
Tiada kata hanya engkau, dia tetapi kita dalam setiap perkara,
Demikianlah kita menjadikan hidup lebih bermakna mendiami bumi yang fana ini.

Bukan nama sendiri yang harus kita ukir,
Bukan hanya maruah diri yang harus kita bela,
Tetapi maruah negara Malaysia yang kita cintai ini.

Biar mata-mata yang menyaksikan,
Bibir-bibir tidak berhenti mengatakan,
Cemburu mereka dengan kesatuan di antara kita.

Maka wahai anak bangsa berbanggalah,
Walau wujud perbezaan antara kita
Namun kerana kuasa perpaduan
Tulus iklas dari hati kita pertayangkan,
Ini bukan sendaloka semata-mata.

SAJAK LAKARAN POTRET BANGSA DALAM WARNA PERPADUAN
Oleh: Sharil Nizam bin Sha'ri

Ketika dikau
Mengenggam pena sukma
Segala terbayang cerita
Coretan penuh rasa
Menuntut isi hati
Mahu dilukis
Dalam potret bangsa.

Saat berdiam mencari ilham
Memilih warna kedamaian
Berfikir cari kemakmuran
Meronta-ronta mencalit
Wajah kebahagiaan.

Sayang tidak ternoktah
Genggaman penamu kian longgar
Kaku segalanya
Berlaku selamanya
Sudah lupus sudah luput
Tinggal hanya bongkah kenangan
Dalam pusara sepi bangsa.

Pejamkan mata kalbumu
Kertas putih itu
Setia menanti kasihmu
Kembali kepada akar bangsamu
Berteduh bawah citra perpaduan
Pasti terpancar indah
Sebuah potret bangsa nurani suci.

SAJAK LAPISAN WARNA SUKU MALAYSIA
Oleh: Rabiatul Adawiyah binti Ahmad Shukri

Lapisan putih gading, sawo matang dan cokelat gelap,
Andai disiat, menitiklah titisan merah identik,
Lalu tumpah ke tanah yang sama.

Lapisan warna itu,
Bila zahirnya cairan,
Mudah untuk melarut.
Bila zahirnya jasad,
Tidak mudah untuk beraduk.

Aku lahir di tanah ini,
Dia, kamu dan mereka juga sama.
Muhang oku dika, Vanakkam.
Ni hao, apa khabar.
Tika di tanah ini,
Aku bahasa aku,
Kamu bahasa kamu.
Tika di tanah asing.
Tiada dipandang aku atau kamu tapi hanya kita.
Leluhur suku Malaysia.

Merdeka hari ini berbayar,
Harganya keringat pahlawan.
Kemakmuran hari ini tidak mudah,
Bajanya darah kesatuan.

Tunku Abdul Rahman mengorak langkah kebebasan.
Tun Tan Cheng Lock bersungguh mengikat perpaduan.
Tun VT Sambanthan berani dalam pergelutan.
Berdiri suku lain dalam perikatan,
Berbeza warna, namun matlamat seia sekata.
Tiada kau suku kau, aku suku aku.
Hanya suku Malaysia.

SAJAK LAYAR PERPADUAN
Oleh: Mohd Fadzly bin Miswan

Terhampar warnaan
Pada panji pengertian
Merah keberanian
Juga putih kesucian
Dilatari biru perpaduan
Dan dirgahayu kesetiaan
Membentuk warita coretan
Kekal ia dalam kibaran.

Umpama bumbu diaduk
Dalam resipi masakan,
Setiapnya ada keindahan
Bergilir menyatu kehidupan
Bersama dinikmati perbezaan
Tanpa wujud perbalahan.

Begitu harmoni
Menyemarak pertautan bangsa
Sekalipun, berbeza adat budaya
Disantuni ketidaksamaan
Terkikis durjana perpecahan.

Cerita kita tentang perjuangan
Memacak layar kesatuan
Walau dirintang deras bengawan
Dan bersiur persimpangan,
Tetap mendayung kejayaan.

SAJAK LAYARAN KASIH DI SUNGAI PERPADUAN
Oleh: Ruziani binti Yahya

Sungai perpaduan utuh membiru
Dibentengi tebing dan bebatuan
Kukuh menahan gelora dan ombak
Yang membadai persefahaman
Dan cuba merungkai persahabatan
Juga cabaran gelombang menerjah kerharmonian
Kita bersama-sama membina istana kehidupan
Dari kemilau pepasir putih berteraskan kejujuran
Arus toleransi mengirimi kiambang kasih-sayang
Bertaut jemari tulus mengiringi indah senyuman

Kau dan aku
Kita bersatu di telukan membina pengharapan
Bakau kukuh menjadi tunjang kesetiaan
Kita menyerah diri juga menabur bakti
Meski berbeza budaya
Meski bicara lain bahasa
Meski juadah berlainan selera
Sungai itu telah menyatukan kita
Dalam alir yang sama
Yang bersikulipat alur sejarahnya
Kita layarkan kasih di sungai perpaduan ini
Diatas bahtera harmoni kasih pertiwi.

SAJAK LIDI NAN SEIKAT
Oleh: Zaliha binti Senik

Lidi nan seikat itu kuat pegangannya
Umpama insan alur budaya berbeza
Jika tersulam hatinya
Pasti tak terlerai ikatan
Walau gunting tajam tersembunyi
Di lipatan perca kain bersisa

Pelajarilah makrifat lidi nan seikat
Jika tunggal adanya
Patah riuk walau dibengkok jari sebatang
Jika dihimpun bersama
Parang yang tajam pun berkali pada tetaknya

Jadilah seperti lidi nan seikat
Kuat sepakat muafakat
Walau dari pelepah berbeza
Tetap bersama utuh
Bersatu berpadu saling melindung
Sepakat seikat beroleh berkat

SAJAK MAHAR PERPADUAN
Oleh: Rozana binti Khamis @ Abu Bakar

Merdeka ini kerana simboliknya sebuah ideologi
Yang ranahnya dihuni berbilang bangsa
Sedia setia
Sudi bersama
Sanggup berjuang
Rela berpadu tenaga
Menerjang apa juga ranjau tak terjangkau

Bersatu itu tinggi nilainya
Tidak setolok nilaian ringgit
Tidak sebanding cicin emas bertatah permata berlian
Tidak semegah pencakar langit yang gagah menghiasi sebuah bandaraya
Tidak seluas hamparan lautan
Tidak juga setinggi puncak Gunung Tahan nan berdiri teguh memasak bumi
Tidak juga seindah Pulau Perhentian yang menggamit petandang

Bersatu itu tinggi nilainya
Perlukan pengertian
Perlukan pengorbanan
Perlukan perjuangan
Perlukan persaudaraan

Maharnya adalah kesatuan
Maharnya adalah kesetiaan
Maharnya adalah kejujuran
Maharnya adalah keteguhan
Maharnya adalah muafakat

SAJAK MALAYSIA TERCINTA
Oleh: Abdul Al Jabbar bin Abdul Rahim

Negara tercinta
Rakyat berbilang bangsa
Hidup Bersatu hati aman Sentosa
Menjadi warisan yang amat berharga
Rakyat Malaysia hidup bahagia
Jadi Hasrat dan pegangan kita.

Negara tercinta
Memahami budaya berbilang bangsa
Bergerak seiring bersama-sama
Hormat-menghormati tunjang kekuatan
Tekad perpaduan memenuhi harapan
Amalan kerjasama menjadi pegangan.

Ayuh Malaysiaku
Bersama kita kekalkan kemakmuran
Eratkan hubungan kukuhkan silaturahim
Sentiasa padu semangat kebersamaan
Dibawah satu bumbung perjuangan
Memajukan Malaysia bumi bertuah.

SAJAK MALAYSIA, TANAH PERPADUAN
Oleh: Azlinda binti Mat Lazim

Dalam pelukan lembut fajar, kita berdiri,
Sebuah dewangga yang dijalin oleh banyak tangan.
Dari puncak Kinabalu hingga ke pantai Langkawi,
Bersama kita bangkit, dalam harmoni yang berwarna-warni.

Dengan hati bersatu, kita raikan,
Gema suara yang berbeza,
Dalam setiap senyuman, sebuah cerita terungkap,
Dalam setiap tradisi, semangat kita terpegang.

Dari pasar yang sibuk hingga ke sungai yang tenang,
Kita mengejar harapan, kita menganyam impian.
Dalam warna bendera kita, bangga dan terang,
Kita temui kekuatan, kita tuntut cahaya.

Ketika rentak gendang bergema, lagu kita menjulang,
Melodi kedamaian yang abadi,
Bersama kita berdiri, walau cabaran menduga,
Di tanah merdeka yang kita cintai.

Jadi, mari kita nyanyikan, mari kita suarakan,
Sebagai satu bangsa yang berdaulat,
Untuk Malaysia, rumah kita, hati kita telah menang.

Dalam setiap langkah ke hadapan, kita hormati masa lalu,
Dengan cinta dan hormat, ikatan kita akan kekal selamanya.

SAJAK MENGANYAM KEHARMONIAN BANGSA
Oleh: Ruzilawati binti Man

Menelusuri batas-batas waktu
Kamilah empunya tanah pusaka bertuah
Wasiat leluhur pertaruh nyawa bermandi darah
Azam digenggam walau sejengkal tanah tidak akan diinjak hina.

Anak-anak bangsa Malaysia
Nyaring melagukan irama serupa
Lagu cinta akan watan pusaka
Warna kulit paras rupa beza tutur bicara
Menambah keindahan pancawarna negara bangsa.

Ibarat minyak ditatang sempurna rentak langkah diatur seia sekata
Emas sebutir dibahagi serupa, beras sekampit sama dirasa
Antara denai dan lorong berliku atau lebuh berturap
Antara rumah besar di tengah kota dan gobok usang di hujung permatang
Sama merasa nikmat kemakmuran.

Kita lupakan beza budaya atau agama
Tumpang berteduh di bawah biru langit yang sama
Kita bangunkan mercu tanda perpaduan pelbagai bangsa
Kita anyam keharmonian dalam warna-warni bahagia.

Inilah tanah kita
Tinggalan moyang sejak dahulu kala
Inilah pusaka kebanggaan untuk diwariskan
Buat generasi akan datang membina peradaban gemilang.

SAJAK MENYATU BANGSA MEMBITARA BAHASA
Oleh: Mohd Saipuddin bin Suliman

Perpustakaan Negara terumbu ilmu,
Menghimpun segenap bangsa dan nusa,
Lautan buku terapi minda,
Ilmu dipukat inteligensia diangkat.

Dewan Bahasa meladeni aksara,
Sirna bahasa ghaiblah bangsa,
Ombak badai tekal disantuni,
Dengan sastera indah diselami.

Membaca itu sumber pengetahuan,
Menyatu minda rakyat dan taulan,
Meneroka falsafah ilmu terkini,
Menambah hikmah membunga budi.

Tatkala bahasa memesrai budaya,
Terpelihara warisan lestari peradaban,
Unggul warisan kukuhlah bahasa,
Segenap perkataan tersulam makna.

Budaya dan bahasa payung perpaduan,
Menjadikan manusia beradab sopan,
Di perpustakaan janji kita bertemu,
Di DBP nanti puisi dijamu.

Setiap bangsa marilah menyatu,
Menukang karang membudaya ilmu,
Agar gemilang generasi mendatang,
Bersatu melayari kapal perpaduan.

SAJAK Menyirat Persefahaman
Oleh: Zurhan bin Bakar

Detik-detik yang megah terlakar
Dalam catatan lembaran sejarah
Meriwayatkan pelbagai rencah
Rintis-rintis laluan perit perjuangan
Ke arah mencapai kemerdekaan
Bukti tautan semangat perpaduan
Untuk realisasikan satu cita-cita
Membina teguh negara bangsa

Iktibar silam yang perlu diangkat
Coretan zaman suka duka rakyat
Liku-liku tekad satukan masyarakat
Menghadapi segala halangan
Menempuh setiap rintangan
Menongkah segenap cabaran

Kukuhkan muafakat dan toleransi
Titik persamaan segera dicari
Mengiktiraf segala perbezaan diri
Menegak bersama satu identiti

Dengan sulaman seni dan budayanya
Dengan anyaman tradisinya
Dengan jalinan warisannya
Segalanya disirat dengan persefahaman
Segala kepelbagaian setuju diraikan
Lahirlah negara unik dan istimewa
Hebat dan gemilang di persada dunia.

SAJAK Menyuburkan Perpaduan dalam Kepelbagaian
Oleh: Raja Mahani Binti Raja Mohamed Ali

Di bawah naungan Raja berdaulat
Berlangitkan awan kelabu
Bertanahkan bumi bertuah
Berpaksikan janji setia
Bertunjangkan luhur budi dan susila
Berlandaskan seia sehati dan sejiwa

Di sini!
Di bumi bertuah Malaysia
Setiap perbezaan membina kekuatan
Teguh bagai karang
Bebas bagai layang-layang

Tiada henti!
Penuh kompromi
Menjadi satu dalam pelbagai warna
Saling melengkapi
Saling merai
Keutuhan budaya dikunci rapi

Dalam harmoni
Disyukuri
Dalam kepelbagaian budaya
Dinikmati
Dalam pelukan kasih mesra
Kita berjanji
Mempertahankan bangsa
Saling menghormati

Di lembah hijau ini pohon rendang berdiri
Di lautan biru ombak berlari
Bumi Malaysia harta abadi
Cabaran mendatang sama dihadapi
Perpaduan menjadi kunci
Ikrar dimeterai demi pertiwi

SAJAK Menyulam Muafakat
Oleh: Muhammad Asri bin Karim

Terbentang luas tikar kemajuan negara,
Bersulam muafakat, toleransi antara kaum,
Semarak kasih di jiwa diikat tali perpaduan,
Jadi cerminan bangsa berjaya di persada dunia,
Berkat saling menghormati teguh di sanubari kita.

Setiap jiwa dibaluti rasa bangga,
Hidup serumpun di bawah bumbung yang sama,
Warisan silam lambang peradaban pertiwi,
Silang budaya jadi aspirasi perpaduan nusa,
Terus subur rasa kasih di lubuk hati anak watan.

Kelopak bangsaku terus mekar di perdu sukma,
Tiap kata dan laku memupuk hidup berpadu,
Mewarnai kehidupan di tanah leluhur tercinta,
Menghiasi ceritera bangsa warga muhibah,
Terus menguntum menyulam muafakat bangsa.

Harmoni terasa hidup bersama muafakat jiwa,
Terjalin ikatan mesra dan budaya santun kita,
Berkongsi warisan silam adat berzaman,
Jadi warisan pusaka berharag dari nenek moyang,
Bagai adat dikelek budaya dijunjung.

Tamadun bangsa dibina lambang kemegahan nusa,
Hasil sulaman muafakat dalam hidup warganya,
Rencam tradisi budaya tiada dilupa,
Perpaduan itu tiang seri harmoninya negara,
Unik tersendiri, tampak menarik dan variasi budaya.

Nilai kekayaan warga tersemat satu hati di jiwa,
Pelihara ikatan muafakat tidak terlerai di arus masa,
Semai di lubuk jiwa anak watan bumi merdeka,
Kukuhkan perpaduan, kemakmuran negara terpelihara,
Hargai rasa kekitaan, hargai rasa kebersamaan.

SAJAK MERDEKAKAN PERPADUAN
Oleh: Nurulherina binti Burhanuddin

Malaysia negaraku yang tercinta
Bebas merdeka aman dan sentosa
Bersatu padu tidak mengira warganya
Kekal bertaut tatkala gelombang melanda

Pelbagai kaum bangsa dan agama
Berdiri megah dibawah payung negara
Teguh berdiri menuju jaya
Tidakkan gentar walau apa pun jua

Bersama mencorak masa hadapan
Memacu ekonomi mampan tanpa halangan
Terus meluncur tanpa sekatan
Mantapkan harmoni dan perpaduan

Jalinan rasa berkasih sayang
Tidakkan luntur walau dihalang
Tidak terlindung dengan bebayang
Menjadi tonggak terus gemilang

Perpaduan harus dipertahankan
Walau dihempas ombak dan badai
Usah mengalah dan terus melangkah
Demi negara yang tercinta, Malaysia

Sama-sama berganding bahu
Jalinan ukhwah saling membantu
Terus mara tidakkan jemu
Menyahut perpaduan dengan berilmu

SAJAK MEWARISI SEMANGAT PERPADUAN PADI
Oleh: Norazuwah binti Muhamad Mokhni

Atas relung tanah ini,
Butiran benih berserakan seluas hamparan bendang,
Menyemai bibit persefahaman,
Bercambah rumpun persaudaraan,
Sedari akar telah ditanam semangat jitu bersatu,
Berbaris selari dalam tapak semaian,
Lambang kesepakatan,
Sehaluan menaruh cita dan harapan.

Berdirinya tegak tak mudah rebah,
Kerana kukuh batasnya benteng bertahan,
Menangkis provokasi ancaman luar,
Bahkan digugat seteru yang tumbuh rapat,
Lekas dihapus rumpai pengkhianat.

Biarkan ia membesar matang,
Ditabur baja, kian subur dan tegap tangkainya,
Buah berisi tidak hampa.
Besar baktinya hingga terlerai,
Meski terpisah jasad dengan nyawa,
Asalnya padi menjadi beras berbudi.

Kita warisi semangat padi,
Semakin berisi semakin tunduk,
Ilmunya tinggi bahasanya santun,
Cerminan negara bertamadun.
Ada persamaan saling meraikan,
Andai berbeza kita hormati,
Lantaran bersatu maanfaat terhimpun,
Menzahirkan toleransi, sahsiah terpuji,
Perkukuh prinsip dan jati diri,
Teras perpaduan Masyarakat Madani.

SAJAK NAFAS PERPADUAN
Oleh: Siti Saádah binti Saidin

Di tanah ini,
Tempat berakar seribu jiwa,
Pelbagai kaum bersua muka,
Walau berbeza wajah juga agama,
Namun kita punya satu rasa,
Punya satu jiwa merdeka.

Di bawah langit biru Malaysia,
Bukan sekadar tanah yang dipijak,
Tapi tempat kita bersama tegak,
Menjahit perbezaan dengan benang mesra,
Menganyam impian satu bangsa.

Lihatlah,
Burung terbang tak kenal warna sayap,
Di awan tinggi, mereka bebas lepas,
Kita juga begitu,
Bebas dalam persahabatan,
Beriringan walau berbeza tujuan,
Kerana kita punya satu impian,
Negara perpaduan penuh harapan.

Perpaduan bukan sekadar kata,
Ia nadi kepada bangsa,
Dalam kebersamaan, ia mengukuh,
Menangkis segala badai yang meruntuh,
Senafas kita bersatu teguh.

Mari kita genggam erat tangan,
Sebulat hati kita bina negara,
Apa- apa halangan kita rempuh,
Agar perpaduan kita teguh,
Menjulang sejahtera selamanya.

SAJAK OBOR PERPADUAN INI
Oleh: Stainly anak Albert Aggu

Obor perpaduan ini
Sudah dinyalakan sedari dulu
Oleh nenek moyang kita
Sebelum negara mendapat nama
Jika tidak…
Mana mungkin kita dapat
Merempuh kawat berduri
Tanpa tumpahan darah
Menenun songket tenunan tiga
Bersatu membina negara bangsa
Meski terpisah dek Laut Champa

Obor perpaduan ini
Biarlah terus menyala
Mungkin ada kalanya
Obor ini selemau puntung di dapur
Namun…
Tiuplah dan terus tiup
Wahai wargaku
Agar apinya berdaun kembali
Kerana tiada yang lebih indah
Bila melihat negaraku maju makmur
Hasil perpaduan rakyat jelata.

Obor perpaduan ini
Akan diwariskan buat kawula muda
Umpama lari berganti-ganti
Agar ia terus menyala sampai bila-bila
Sesungguhnya…
Perpaduan tiada dijual beli
Perpaduan perlukan toleransi
Perpaduan menjadikan susu penyedap kopi
Perpaduan menjadikan suara seindah melodi
Perpaduan menjadikan warna seindah pelangi.
Perpaduan menjadikan negara aman, makmur, *pegari.*

SAJAK PATAH SAYAP PERPADUAN
Oleh: Muhamad Ridzuan bin Mohamad Razani

Dalam gemuruh suara, kita terjarak,
Rindu akan senyuman, tiada terungkap,
Luka di jiwa, merintih duka,
Perpaduan pudar, kesayuan terasa.

Anak bangsa terasing, mula beranjak,
Di manakah persahabatan, bersatu tiada?
Menyayat hati, memandang jurang,
Antara kita, hampa menanti.

Di tengah hiruk-pikuk, sunyi menanti,
Harapan pudar dalam kabut nyata,
Dengan budi bahasa, kita eratkan,
Keberagaman, keindahan terpendam.

Mari kita jalin, taut kembali,
Untuk masa depan mendatang,
Jangan biar terperangkap sepi,
Menuju kejayaan, menyemai kasih sejati.

Dengan tekad yang kukuh, kita melangkah,
Menggapai cita, penuh harapan megah,
Di atas asas cinta, kita bersatu,
Menuju perpaduan, Malaysia Madani.

SAJAK PELANGI PERPADUAN
Oleh: Nur Kamaliah binti Mohamed Sujari

Indah pelangi di langit senja,
Warna-warna saling menghormati,
Hidup harmoni berbilang bangsa,
Berbeza pandang, seiring hati.

Bahasa, budaya mekar mewangi,
Tanda jiwa merdeka bersatu,
Dalam kepelbagaian kita berdiri,
Perpaduan teguh, tiada yang jemu.

Sungai tenang, memukau pesona,
Jangan dicemar arus durjana,
Ombak idealogi cuba menggoncang,
Namun jiwa bersatu tetap membenteng.

Kesatuan hati kita kukuhkan,
Bersama membela tanah warisan,
Perpaduan bangsa jadi mercu,
Merdeka di jiwa, selamanya padu.

SAJAK PELANGI PERPADUAN
Oleh: Nurul Haniza binti Abdul Ghani

Pelangi petang di kaki bukit
Menjadi saksi sebuah perpaduan
Berbeza bangsa berbeza budaya
Tiga sekawan mencipta kenangan
Dalam renyai gerimis petang
Jalan berpimpin tangan
Mengukir manis senyuman
Mengcengkam kemas jiwa perpaduan

Dalam renungan penuh makna
Akrab rasa cinta menyatu rasa
Demokrasi luar biasa
Membekas dalam jiwa merdeka
Gerimis luka dan sengketa
Terpadam dibadai api cinta
Dan..muncullah pelangi perpaduan
Mencetus kebanggaan bangsa Malaysia

Tanah ini milik kita
Demokrasi ini milik kita
Perpaduan ini milik kita
Dan kitalah yang mempertahankannya
Merdeka jiwa bangsa
Tidak hanya pada kata-kata
Seantero dunia menjadi saksinya
Perpaduan Malaysia
Indahnya luar biasa

SAJAK PELANGI PERPADUAN
Oleh: Tilakawathe a/p Balakrishnan

Di tanah bertuah, beraneka warna,
Pelbagai budaya berpadu mesra,
Dalam perbezaan, kita temukan,
Satu hati, satu cita, tiada batasan.

Dari Utara ke Selatan, kita melangkah,
Rasa hormat, saling menghargai,
Tradisi berbeza, namun satu arah,
Menyatu dalam harmoni, seia sekata.

Aroma makanan, bercerita rasa,
Nasi lemak, roti john, laksa,
Kepelbagaian ini, kekuatan kita,
Di bawah satu bendera, kita bersaudara.

Melangkah ke depan, tangan bergandeng,
Mewujudkan harapan, membina bangsa,
Dalam pelangi perpaduan yang indah,
Malaysia, tanah air kita bersama.

SAJAK PERJUANGAN
Oleh: Norafiza binti Rapiee

Kini…dunia semakin tenat,
Perselisihan…perbalahan..semakin berleluasa,
Saling menuding jari menyalahkan sesama sendiri,
Hingga Mencetuskan huru hara,
Menyaksikan kehancuran sebuah negara.

Semangat Perpaduan,
Ke manakah menghilangnya ia,
Yang Dulunya diangkat, dijulang, dilaung,
Kini… telah menjadi satu perkataan asing.

Tidak penatkah kalian?
Saling bertelagah, saling menyalahkan?

Apakah kalian lupa?
Perjuangan dulunya,
Demi menjamin hak dan tanggungjawab bersama,
Dalam memastikan kemakmuran negara.

Ayuh…Bangkitlah wahai rakyat MALAYSIA,
Tanpa mengira bangsa, agama, dan keturunan
Bangkit lah..
Seru lah kembali semangat yang semakin hilang,
Yang semakin pudar dalam diri kalian.

Marilah kita bersama bergading bahu,
Menjulang kembali semangat perpaduan,
sepakat membentuk perasaan cinta dan bangga,
Demi negaraku MALAYSIA..

Perpaduan, perpaduan, perpaduan.

SAJAK PERMUAFAKATAN TONGGAK KEMERDEKAAN
Oleh: Halizah binti Hadiman

Jiwa merdeka membina perpaduan
Pada setiap kaum bersepadu
Menyatukan agama yang berbeza
Serta bangsa di segenap pelusuk.

Tidak mudah untuk bersatu padu
Ia memerlukan toleransi utuh
Pada hati yang bersih
Buangkan segala titik hitam!

Binalah muafakat yang kukuh
Tangan bersambut dengan keyakinan
Gilis pancaroba yang merosak maruah
Demi anak bangsa yang kita sanjungi.

Permuafakatan tonggak kemerdekaan
Itulah falsafah yang menjadi keagungan
Tidak lentur dimamah usia
Demi Negara Malaysia tanah air tercinta.

SAJAK PERPADUAN ABADI
Oleh: Muhammad Zulhusni bin Zakaria

Di bawah langit biru dan emas,
Sungai mengalir, gunung teguh di batas,
Tanah penuh warna, kaya dan luas,
Malaysia berdiri, gagah dan ikhlas.

Dari pantai bertemu lautan biru,
Ke jalan-jalan kota tak pernah lesu,
Melayu, Cina, India bersatu,
Bersama tenun kain yang padu.

Dalam setiap doa, setiap lagu,
Semangat bersatu, semua bersetuju.
Walau lain bahasa, budaya bersulam,
Perpaduan hati kian mendalam.

Bukit menjulang, badai mendatang,
Namun bersama kita akan tetap gemilang.
Ikatan erat, terjalin rapi,
Perpaduan di Malaysia abadi.

SAJAK PERPADUAN ADALAH ANUGERAH
Oleh: Emilia binti Ishak

Bersama kita ukir sejarah,
Meniti zaman membina maruah,
Dalam perpaduan tercipta indah,
Kekuatan bangsa tak pernah goyah.

Setiap langkah penuh azam,
Bawa negara ke puncak termuka,
Tiada yang tersisih, Tiada yang terpadam,
Semua bersama menggapai bahagia.

Tangan bersatu hati berpadu,
Menyulam impian, merangkai restu,
Melayu, Cina, India dan serumpun,
Bersama hadapi segala cabaran.

Negara ini tanah bertuah,
Perpaduan kaum menjadi anugerah,
Selagi kita bersatu padu,
Kemakmuran pasti terus megah.

SAJAK PERPADUAN BENIH KEMAKMURAN
Oleh: Noorasmah binti Karim

Di bumi bertuah ini
Dengan rahmatNya kita bernafas lega
Dek arus kemodenan dan kemajuan
Tercipta keharmonian lantaran pelbagai kaum dan budaya
Berpegang pada rasa cinta yang sama
Hidup rukun berbumbung langit yang sama
Berpijak nyata di tanah merdeka
Biarpun rupa tak sama
Mesranya kita bagai saudara
Bumi bertuah ini laksana cermin
Terlihat pantulan diri
Pada setiap wajah ada jiwa kita
Serumpun bak serai sesusun bak sirih
Dalam hati terbit perpaduan nan abadi
Sakit sama mengaduh luka sama menyiuk
Moga perpaduan ini terus kekal
Menyemai benih-benih kemakmuran.

SAJAK PERPADUAN
Oleh: Mohd Endy bin Ismail

Perpaduan…
Perpaduan warisan negara tua
Bersatu bangsa kecap merdeka
Sejarah tercipta menempah nama
Suara keramat menjulang Malaysia
Perpaduan bangsa mengatasi segala
Agama dan budaya pemangkin cita
Menjana asa ke arah yang sama
Kelak manfaat berkongsi rasa
Perpaduan agenda dulu kini dan selamanya
Tanya hati megapa dulu boleh bersama
Pinggirkan bahasa dan warna kulitnya
Perlembagaan tersemat di dada jemala
Perpaduan nadi setiap negara
Dicanang dunia pada zamannya
Santuni insan saranan sang pencipta-Nya

SAJAK PERPADUAN CINTA NYATA
Oleh: Suriani binti Othman

Dalam taman beraneka warna,
Budaya kita berlipat ganda,
Berpegang tangan, hati bersatu,
Menggapai harapan yang abadi.

Lautan luas menyatukan kita,
Gelombang berbeza, arah seirama,
Di bawah langit yang sama,
Kita bina dunia penuh cinta.

Bersama dalam perbezaan,
Setiap suara ada makna,
Membangun titian pemahaman,
Menjaga harmoni, takkan pudar.

Kita adalah benih peradaban,
Tumbuh subur dalam kasih sayang,
Perpaduan ini, sumber kekuatan,
Menjadi madani, sejahtera dan aman.

Dalam langkah kita yang seirama,
Bina harapan untuk semua,
Demi masyarakat yang adil,
Kita semua berhak bersuara.

Mari kita jalin tali persahabatan,
Membangun masa depan yang gemilang,
Dengan cinta dan saling menghargai,
Perpaduan madani, cinta yang nyata.

SAJAK PERPADUAN DALAM HARMONI
Oleh: Tilakawathe a/p Balakrishnan

Di tanah ini, kita berdiri teguh,
Beraneka rasa, satu tujuan,
Bersatu padu, tanpa ragu,
Bersama membina impian.

Pelbagai warna, budaya, dan bahasa,
Seperti pelangi yang bersinar,
Dalam pelukan kasih yang mesra,
Kita ukir sejarah, takkan pudar.

Tiada lagi dinding, hanya jembatan,
Menggapai tangan, saling memahami,
Dalam keragaman, ada keindahan,
Perpaduan kita, kekuatan abadi.

Marilah bersama, kita melangkah,
Menyemai kasih di setiap hati,
Dalam perpaduan, kita bahagia,
Satu bangsa, satu jati diri.

SAJAK SAHMURA MADANI
Oleh: Suhairi bin Rosle

Ombak di pantai memukul lembut
Beting-beting pasir halus
Diinjak ramai meraikan damai alam
Sedamai hati ini melakar kembang di jiwa

Dek perpaduan utuh yang dikecapi
Memangkin hidup harmoni
Jadi sahmura berkilau seantero dunia

Malaysiaku, berbilang bangsa
Rukun dan penuh cinta sesama bangsa
Hidup bagai bersaudara
Berfikiran jernih tiada curiga

Meski anasir liar cuba menggugah
Sahmura madani ini tak akan mudah retak
Pastinya akan ditangkis bersama
Demi harmoni yang tak mampu dijual beli.

SAJAK PERPADUAN DALAM SANUBARI
Oleh: Bani Adha binti Sabri

Di sinilah tanah leluhur berdiri,
Tempat hati bersatu tanpa perit
Dari timur hingga ke ufuk barat,
Segala bangsa berkongsi semangat.

Warna kulit, bahasa, dan adat,
Bukanlah penghalang, bukan juga sekat,
Kerana darah kita mengalir sama,
Walau rupa dan lidah berbeza jua

Di bawah langit satu, kita bernaung,
Bersama menjunjung harapan agung,
Tiadalah darjat memisah jiwa,
Saling menghormati, saling setia.

Burung di hutan berterbangan bebas,
Tidak membezakan yang kaya atau lemas,
Begitu kita, umpama pohon rimbun,
Akarnya kukuh, tak gentar dilambung.

Setiap insan, dari desa ke kota,
Menganyam silaturahim tanpa kira fahaman,
Sebuah cinta yang tak lekang dek masa,
Perpaduan bangsa, segalanya tiada batasnya.

Biarlah ribut melanda di luar,
Di dalam jiwa, kasih tetap mekar,
Satu hati, satu nadi bergetar,
Perpaduan ini takkan pudar.

Oh, tanah air yang bertuah,
Kami bersumpah dengan jiwa gagah,
Menjaga perpaduan bak permata,
Untuk masa depan yang sempurna.

SAJAK PERPADUAN DEMI NEGARA
Oleh: Nur Aina Amirah binti Jamriy

Tenang, aman dan bahagia,
Itulah negaraku Malaysia,
Bumi bertuah bumi barakah,
Aku berbangga dengan negaraku,
Penuh dengan keunikan adat dan budaya.

Bersatulah generasiku demi memartabatkan negara maju,
Kenangilah jasa perwira sanggup mempertahankan negara,
Kerana mereka kini kita Merdeka,
Ingatlah jangan mudah kita bersengketa.

Berbilang kaum bersatu dibawah satu naungan,
Setia pada raja yang berdaulat,
Rukun negara menjadi matlamat,
Hikmah perpaduan dalam masyarakat.

Negaraku Malaysia,
Jauhilah segala permusuhan,
Hindarilah sebarang provokasi,
Hiduplah dengan bertoleransi,
Pasti negara akan dihormati.

SAJAK PERPADUAN DI BUMI BERTUAH
Oleh: Nor Asy Shifa binti Othman

Di bawah langit biru nan terbentang,
Malaysia terlukis dengan kasih dan sayang,
Di antara banjaran dan sungai mengalir,
Bersatu hati kita tanpa pernah mungkir.

Pelbagai wajah, pelbagai cerita,
Namun satu nadi, satu jiwa kita,
Merentas laut, gunung, dan desa,
Perpaduan inilah nyawa bangsa.

Dalam keringat meneruskan perjuangan,
Tercipta amanah untuk generasi akan datang,
Menganyam tenang, menenun harapan,
Setiap langkah membina kejayaan.

Tiada yang terpinggir, tiada yang tersisih,
Harmoni bersemi, bangsa gagah berdiri,
Inilah cinta kita, tanah bertuah,
Malaysia tercinta, perpaduan takkan punah.

Dalam nyanyian hujan, dan tarian angin,
Kita berpegang, tidak pernah goyah,
Walau diuji ribut atau gempa,
Kukuh berdiri di bawah satu payung merdeka.

Anak-anak bangsa berlari riang,
Menyulam mimpi di tanah pusaka,
Dengan perpaduan, kita terus berjuang,
Malaysia makmur, milik bersama.

SAJAK PERPADUAN DI BUMI KITA
Oleh: Nurul Sakinah Aishah binti Razak

Di sini kita berdiri, beraneka ragam,
Warna kulit dan budaya, satu ikatan,
Rasa kasih dan hormat, tiada sempadan,
Perpaduan di bumi ini, lambang kesatuan.

Dari puncak gunung hingga ke lautan,
Berbilang bahasa, satu tujuan,
Di pasar, di jalan, kita bertemu,
Senyum mesra, hati bertaut jitu.

Tradisi ditenun, bersama kita hargai,
Di majlis sambutan, semua beramai,
Satu keluarga, tanpa rasa asing,
Perpaaduan kukuh, tiada yang terasing.

Dari merdeka kita bediri,
Pejuang yang gagah, kita terus berdiri,
Setiap pengorbanan, menjadi saksi,
Perpaduan berharga, warisan abadi.

Masa depan cerah menanti kita,
Dengan tangan bergandingan, kita bina,
Perpaduan ini, tiang negara,
Kita bersama, selamanya.

Bersama kita jayakan, impian yang satu,
Dalam perpaduan, kita teguh bersatu,
Bumi bertuah, aman makmur,
Perpaduan kita, tiada yang lebih berharga.

SAJAK PERPADUAN DI BUMI MALAYSIA
Oleh: Mohd Ikhwan bin Mohd Marzuki

Di tanah air yang luas terbentang,
Bersatu padu tanpa curiga,
Dari Utara ke Selatan, Timur ke Barat,
Kita berdiri, bangsa merdeka.
Melayu, Cina, India, dan Serani,
Iban, Kadazan, suku permai yang berseri,
Bersama kita jalin simpulan ikhlas,
Kebersamaan yang tiada terbatas.
Tradisi kita pelbagai warna,
Kain songket, Cheongsam, Sari yang indah,
Silat cekak, Tarian Singa, Bharatanatyam,
Warisan bangsa, kita banggakan bersama.
Rendang, Char Kuey Teow, dan Thosai,
Rasa yang kaya, menyatu hati,
Di meja makan, tiada yang terpinggir,
Kita saling hormat, tiada yang tersingkir.
Kita bina hidup penuh toleransi,
Menghargai perbezaan, tiada prejudis,
Bahasa yang berbeza, namun hati satu,
Cinta tanah air, cinta sesama, menyatu padu.
Di bawah satu bendera, kita berdiri,
Perpaduan teguh, tanpa gentar lagi,
Malaysia tercinta, teruslah bersinar,
Dengan kasih dan sayang, kita kekal makmur.

SAJAK SATU MALAYSIA PERPADUAN
Oleh: Hunter anak Mengga

Bumi Malaysia
Tanah tumpah darah tercinta
Pelbagai warna budaya di dalamnya
Damai harmoni, permai sentiasa
Dibawah naungan payung mahkota
Kita bangsa Malaysia
Bakal menerajui dunia.

Pimpinan kita disegani merata
Rakyatnya berpadu dan Bersatu
Melakar Malaysia di pentas dunia
Dengan semangat 1 Malaysia.

Maka!!
Bersatulah bangsaku
Kita kibarkan nama bangsa
Berpadulah bangsaku
Kita gegarkan dunia
Ayuh!!
Kita berganding bahu
Menuju satu Malaysia
Cemerlang, gemilang, terbilang di dunia..

Biarpun kita berbeza adat
Biarpun kita berlainan pendapat
Kita tetap bersatu
Satu hati, satu jiwa, satu rasa
Nikmatnya kita berkongsi Bersama
Kerna kita
Satu Malaysia
Jangan biarkan peristiwa 13 Mei muncul kembali,
Ingatlah.

SAJAK PERPADUAN
Oleh: Ida Syazana binti Zainal

DI bawah langit biru, kita bersatu padu,
Bagai aur dengan tebing saling melengkapi
Pelbagai warna budaya satu jiwa yang sama
Perpaduan kita teguh tiada berppecah belah lagi

Berkongsi kisah budaya saling menghargai
Lautan memisah namun jiwa tetap Satu
Langkah seiring menggapai cita menggunung
Perpaduan ini benteng kekuatan kita

Bagai pinang dibelah dua hati saling bergetar
Dalam rencah kehidupan kita saling mengerti
Dari utara hingga selatan tiada jarak memisah
Seperti buih di lautan satu takkan terpisah lagi

Harmoni kita cipta bak lagu berirama
Bersama menempuh badai seiring dalam langkah
Kita berjerih payah bagaikan pahat dan kayu
Membangun malaysia tanah air tercinta

Jangan mudah terpedaya oleh gemersik sumbang
Kita ibarat satu pasukan berjuang tanpa pasai
Dalam ikatan kasih kita terus melangkah
Perpaduan ini utuh serumpun bak serai sesusun bak sirih

Oh, ibu pertiwi tempat kita bernaung
Semoga perpaduan ini terus utuh berkekalan
Dengan semangat waja kita harungi cabaran
Malaysia bersatu indah budi pekerti terjulang

SAJAK PERPADUAN INI KITA PINJAM
Oleh: Stainly anak Albert Aggu

Perpaduan ini kita pinjam
Dari anak cucu kita
Aku suka perpaduan ini
Ia memberkas insan di buana
Kerananya watanku futuristik
Ekonomi berkecambah negara makmur
Dituntun pemimpin jujur berkarisma
Rakyat hidup rukun damai
Sedamai hidup sang mergastua
Hidup selesa di hutan luas
Lantanilah perpaduan ini.

Perpaduan ini kita pinjam
Dari cicit piut kita
Jaga, jangan kehilangan
Ianya tiada dijual beli
Bila hilang, tiada galang ganti
Jangan menyerahkan perpaduan
Yang sudah rosak, koyak, rabak
Kepada cicit piut kita
Menyesal dahulu pendapatan
Menyesal kemudian tiada berguna
Lantanilah perpaduan ini.

Perpaduan ini kita pinjam
Dari oneng-oneng kita
Jaga, jangan kehilangan
Kerana memang tradisi orang kita
Hormat sesama tanpa syarat
Hidup aman dalam kepelbagaian
Indah meriah dalam kemajmukan
Biarlah perpaduan ini
Dikembalikan buat oneng-oneng kita
Keadaannya tetap purnama paripurna
Lantanilah perpaduan ini.

SAJAK PERPADUAN ITU HARGA MATI
Oleh: Mohassan bin Borhan

Perpaduan itu ‘harga mati’
Tiada tawar-menawar
Hatta seinci
Biar bercerai jasad dan nyawa
Nilainya tiada tara
Menjadi kunci kemakmuran dan kesejahteraan
Di bumi majmuk Malaysia bertuah ini

Singkaplah sejarah silam
Derita sengsara datuk nenek dan moyang
Berpayung penjajah, bahagianya diragut
Pertiwi bermandi keringat
Kudrat diperah dan hasilnya rakus dibawa lari
Kita berlutut di bumi sendiri
Bagaikan ayam di kepuk kelaparan
Itik di air kehausan
Sudahnya mati bergelimpangan

Justeru,
Kini merdeka yang kita kecap
Genggamlah usah tiris
Biar beribu aksara ditutur,
Bahasanya biarlah satu
Biar budaya rencam di alun dilagu
Budaya bangsa senegara
Harus satu mekar menyubur

Berbaiahlah kita kepada rukun yang lima
Kepada tuhan suburkan iman
Kepada raja dan negara limpahkan kesetiaan
Luhurnya perlembagaan garis sempadan
Usah dicabar kedaulutan undang-undang
Sopan dan susila
Hiasan peribadi

Inilah kekuatan menjadi azimat
67 tahun mengecap nikmat

Ayuh, kita jahit kemas
Perpaduan ini.

SAJAK PERPADUAN ITU NYAWA
Oleh: Mohamad Khizar bin Awang

Tempat kita berdiri di tanah ini
Berbeza rupa bahasa hati
Di bawah langit yang satu
Bersama kita berdiri berpadu
Bukan warna kulit jadi penghalang
Hati terbuka tangan terhulur
Kekuatan kita gendong bersama.

Kita melangkah seiring di jalan ini
Beriringan sama dalam rentak
Lukisan hidup warna perbezaan
Mewarnai cinta dan rasa
Akarnya satu pohon adalah kita
Menyerap kekuatan dari bumi sama
Tidak goyah tetap teguh.

Selagi tangan saling menggenggam
Selagi hati terus berazam
Kan kekal abadi perpaduan
Membawa ke puncak harmoni negara
Setiap kuntuman senyuman dihulurkan
Setiap terkhilaf perselisihan tidak tersengaja
Tersirat kekuatan gagah bangsa
Menghadapi dunia tanpa gundah gulana.

Perpaduan nyawa kita
Menyentuh semua denyut nadi
Dalam keragaman ditemui cahaya
Bangunkan tanah air kekal berjaya.

SAJAK PERPADUAN JIWA KITA
Oleh: Mohamad Safuan bin Abdul Rahim

Perpaduan jiwa kita,
Dicipta tuhan yang maha esa,
Lelaki dan perempuan hidup berpasang,
Berbilang bangsa bersuku puak,
Supaya jiwa saling berkenal-kenalan,

Perpaduan jiwa kita,
Hidup bagai menyemai benih,
Mati bagai menuai hasil,
Yang ditinggal menjadi waris,
Pusaka diturun temurun,
Supaya jiwa kekal sentosa harmoni ,
Tubuh yang kuat terus bertahan,
Dengan usaha darah dan keringat.

Perpaduan jiwa kita,
Bagai aur dengan tebing,
Raja dan rakyat berpisah tiada,
Rukun terbina menambah yakin,
Amalan terpasak sepanjang hayat,
Tertib mengikat rukun amalan,
Menambah berkat bertambah mutu,
Biar hidup berjasa mati bahagia,
Kepada tuhan kita berdoa dan berserah,
Semoga perpaduan terus tertegak,
Dalam jiwa Malaysia Madani.

SAJAK PERPADUAN KAUM
Oleh: Sharifah Ashiken binti Syed Abu Bakar

Negara Aman Perpaduan Harmoni,
Baik Dalam Negara Mahupun Negeri,
Rakyat Berganding Bahu Bersatu Hati,
Demi Kasih Sayang Saling Mencintai.

Tiada Sengketa Dan Tiada Benci,
Bekerjasama, Tolong – Menolong, Sungguh Toleransi,
Menjaga Hati Sanubari Jua Sentiviti,
Agar Budaya, Bangsa, Agama Saling Mempercayai.

Melayu, Cina, India Dan Juga Benggali,
Saling Memupuk Silaturrahim Yang Harmoni,
Setiap Perayaan Saling Sama Dirai,
Supaya Menjadi Budaya Murni Sejati.

Biarpun Kita Berbeza Adat,
Biarpun Kita Berbeza Pendapat,
Kita Tetap Satu,
Satu Hati, Satu Jiwa, Satu Rasa,
Nikmatnya Kita Kongsi Bersama,
Bersatu Hati Dalam Membentuk Perpaduan,
Seperti Sejenis Ikatan Persaudaraan.

Jika Bercerai Roboh, Bersatu Kita Pasti Teguh,
Laksana Ikatan Keakraban Persaudaraan,
Kita Adalah Insan Perpaduan,
Kita Adalah Insan Satu Gagasan,
Kita Adalah Insan Satu Malaysia,
Berganding Bahu Tanpa Mengira Keturunan Dan Bangsa,
Bersatu Hati Dalam Bermuafakat,
Demi Negara Yang Tercinta,
Kita Semua Satu Malaysia!!

SAJAK PERPADUAN KAUM SATU JIWA SATU RASA
Oleh: Suriani binti Othman

Dalam satu bumi, kita berpijak,
Pelbagai kaum, beraneka rasa,
Dalam perbezaan, kita bersatu,
Menggapai cita, membangun bangsa.

Kita bagaikan pelangi di langit,
Setiap warna, kekuatan tersendiri,
Bersama kita ciptakan harmoni,
Dalam cinta, tiada yang terasing.

Dari utara hingga selatan,
Suara kita melangkah seirama,
Saling menghargai, saling mendengar,
Perpaduan kaum, satu jiwa, satu rasa.

Mari kita berganding bahu,
Ruang perbezaan, jadi keindahan,
Dalam setiap langkah, kita mengorak,
Masyarakat madani, cita yang kuat.

Semangat ini takkan pudar,
Kita maju dalam satu tekad,
Dengan perpaduan, kita berdiri,
Menuju masa depan yang gemilang.

Kita sama-sama rintangi cabaran,
Dengan kekuatan dan saling memahami,
Demi semangat perpaduan kaum,
Mendabik harapan, menembus kedamaian.

SAJAK PERPADUAN KITA
Oleh: Norzawahir binti Mohd Hafiz

Di tanah Merdeka ini,
Kita teguh berdiri bersama,
Walau berbeza warna, rupa dan budaya,
Namun hati kita tetap sehaluan,
Kekal dalam satu irama.

Langit biru girang menyapa siang,
Ombak laut lembut menyapa Pantai,
Tiada yang tersisih,
Tiada yang terpinggir,
Dalam tangan kita berpaut bersatu kasih.

Tiada dinding yang mampu memisah,
Tiada jurang yang tak dapat kita langkah,
Selagi ada kesetiaan,
Dan cinta pada watan,
Kita akan tetap teguh bersama,
Meneruskan perjalanan,
Di atas bumi nan satu.

Kerana perpaduan itu,
Ketulusan kita,
Kekuatan kita.

SAJAK PERPADUAN TITIAN
Oleh: Vijayah Santhi a/p Ambalazan

Di celah kepelbagaian kita hidup,
Seperti sungai yang tak pernah kering,
Alirannya menyatu di muara,
Menghubung hati, memeluk jiwa.

Perpaduan bukan sekadar lafaz,
Ia nadi yang menggerakkan langkah,
Setiap langkah menuju impian,
Membangun negara penuh keimanan.

Berbeza budaya, tak pernah memisah,
Hati kita erat, saling menyantun,
Meniti hari, membina sejarah,
Perpaduan ini, tiang yang kukuh, tak tergoyah.

Dalam susah, kita saling mendukung,
Dalam senang, kita berkongsi untung,
Tiada ruang untuk benci tumbuh,
Hanya cinta yang mekar dan subur.

Titian ini kita bina bersama,
Dari utara hingga ke selatan,
Selagi tangan bersambut erat,
Malaysia aman, perpaduan kuat.

SAJAK PERPADUAN KITA KUNCI BAHAGIA
Oleh: Mohassan bin Borhan

Usah kau canang polemik murahan
Kelak membakar hangus bunga persefahaman
Usah kau bangkitkan hak keistimewaan
Kelak mencetus marak api persengketaan
Usah dipertikai duduk mulianya bahasa kebangsaan
Kelak lebur hancur sebuah kedamaian
Lenyap perpaduan.

Apa kau sudah lupa Selasa, 13 Mei 1969?
Lidah tidak bertulang lancang menghina pertuanan
Kata nista berhamburan di kiri kanan jalan
PENYAPU diusung lambang penyingkiran
Lenyap perpaduan.

Apa kau sudah lupa 446 tahun dahulunya
Kita pernah dijajah hidup cukup tersiksa
Jiwa raga merana, harta benda entah ke mana
Kudrat diperah semahu-mahunya
Hidup tidak memberi makna
Dirampas segala bahagia.

Hari ini sudah 67 tahun usia
Berkat muafakat itulah kita beroleh berkat
Negara kita berdaulat
Merdeka yang kita kecap
PERPADUANlah tali pengikat.

Justeru
Mengapa harus kita khianati
Sebuah permuafakatan suci?
Ayuh kita cipta kedamaian
Usah beritngkah
Terima perbezaan raikan persamaan
SATU negara, SATU bahasa, SATU budaya
Sederap melangkah kita bangunkan bangsa dan nusa
Berdiri sama tinggi duduk sama rendah di persada dunia
Percayalah
Perpaduan kunci bahagia.

SAJAK PERPADUAN MALAYSIA
Oleh: Azlinda binti Tuah

Berabad lamanya sejarah bertamu,
Seiring Melayu, Cina, dan India berpadu,
Bumi bertuah ini jadi saksi,
Daripada penjajah kami berdiri.

Tanah merdeka, bukan pemberian,
Bukan juga janji tanpa pengorbanan,
Daripada Melaka hingga ke Malaya,
Pahlawan bangsa meniti luka.

Di balik bayang-bayang penjajah kejam,
Tunku melaungkan merdeka dalam diam,
Pahlawan bukan bersenjatakan tombak,
Tetapi bersatu, mengharungi gelombang ribak.

Kini kita berdiri teguh bersama,
Malaysia bahtera yang utuh sentosa,
Di bawah satu bendera, satu jiwa,
Melayu, Cina, India dan semua.

Semangat perpaduan terus dihidupkan,
Jalur Gemilang megah dikibarkan,
Pahlawan bangsa pelbagai warna,
Membina Malaysia untuk selamanya.

Mari kita genggam erat tangan,
Bersatu hati, kukuh di awangan,
Kerana sejarah mengajar satu hakikat,
Perpaduanlah kunci kemerdekaan yang kekal erat.

SAJAK PERPADUAN MALAYSIA MADANI
Oleh: Zaiton binti Manangin

Tanah airku
Dahulu aku mendengar
Cerita tentang keperitan, perjuangan dan tentang kejayaan
Dalam mencapai kemerdekaan negaraku
Hari ini...
Kami mewarisi apa yang kau tinggalkan
Tetap bersama tidak akan bercampera
untukmu Malaysia
Di meja itu
Kulihat para sujana duduk bersama
Berbicara dalam satu bahasa
Bahasa yang menyatukan kita semua
Bahasa kita
Mereka menjadi satu
Dalam meneruskan perjuangan
Yang engkau amanahkan
Menjaga keamanan, keselamatan dan kedaulatanmu Malaysiaku
Berkuncikan perpaduan
Kejayan demi kejayaan kau raih
Benarlah kata pepatah
Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh
Telah kau buktikan pada dunia
Dengan warna warni Malaysia hari ini
Wahai adik-adikku,
Engkau adalah pewaris
Jangan sesekali kau hancurkan
Jalinan hubungan antara kita hari ini
Jangan sesekali kau menyimpan kesumat
Jangan kau bezakan kepekatan bahasa dan warna kulitmu dengan mereka
Kau harus ingat kita tetap satu selamanya...

SAJAK PERPADUAN MALAYSIA
Oleh: Nor Afiza binti Madirah

Hidup mati ketentuannya
Jangan leka menumpu usaha
Perpaduan masyarakat jangan dilupa
Kelak bersatu dalam Malaysia

Mati jiwa jangan diikut
Nyawa masih perlu diturut
Perpaduan jiwa harus menyatu
Kelak negara Malaysia dijunjung

Ketentuan Dia perlu redha ku
Usah lepaskan peluang menyatu
Perpaduan negara Malaysia bersatu
Kelak Malaysia bersatu dan jitu

Perpaduan masyarakat, jiwa juga negara
Kelak Malaysia akan disebut,
Negara perpaduan kita diseru,
Sejahteralah perpaduan Malaysia negaraku.

SAJAK PERPADUAN MENZAHIR KEGEMILANGAN
Oleh: Hanom binti Ibrahim

Merentas perjalanan
Tanah bertuah berbilang bangsa
Penyatuan menjalin keharmonian
Tidak kering menimba sejarah
Pertemuan beza budaya, warna dan rasa.

Suara langit cerah pelangi bersinar
Nubari bersatu kejiranan erat mesra kasih
Nasi lemak pedas sambal hinggalah dim sum
Di lidah hidangan bercerita akan nikmat
Dari senyuman tulus hingga hangat pelukan.

Teras perpaduan menzahir kegemilangan
Kasih sayang cinta tanah air cerminan generasi
Dalam banyak perbezaan ada jiwa membela
Berdiri sama rata menjaga warisan
Bersatu menggenggam perpaduan.

SAJAK PERPADUAN MELEWATI NADA ZAMAN
Oleh: Bani Adha binti Sabri

Kita berjalan di kota sibuk,
Dikelilingi dinding kaca dan cahaya,
Namun hati kita sama berdenyut,
Rentak yang tak pernah pudar.

Dalam bas dan tren penuh sesak,
Kita bertukar pandang, tiada kata,
Tapi ada rasa yang menyatukan,
Bahawa kita sama, manusia biasa.

Di sini, tiada garis pemisah,
Warna kulit atau asal usul,
Kita berkongsi langit dan tanah,
Mimpi yang sama, harapan yang tulus.

Bersama kita bina impian,
Walau dalam bahasa yang berbeza,
Dari Utara hingga Selatan,
Semangat bersatu tak pernah lena.

Lagu perpaduan bukan sekadar gema,
Ia hidup dalam kerja tangan kita,
Dalam peluh yang mengalir bersama,
Kita ukir masa depan yang tak ternilai harganya.

Di medan kota atau desa,
Kita berpadu dalam tindakan nyata,
Tak perlu teriak, tak perlu jerit,
Cukup hanya saling mengerti, saling hormat.

Wajah-wajah berbeza, tapi senyuman sama,
Dalam kedai kopi, kita duduk setara,
Merayakan hidup dalam damai,
Tanpa prasangka, tanpa kebencian.

Ini zaman kita,
Zaman di mana perpaduan tak lagi mimpi,
Ia adalah realiti yang kita cipta,
Hari ini, esok, dan selamanya berdiri.

SAJAK PERPADUAN MERENTAS GENERASI
Oleh: Bani Adha binti Sabri

Dulu, di kaki gunung dan lembah,
Nenek moyang bersatu tanpa megah,
Bersama di ladang, menanam benih,
Saling bergantung, saling merintih.

Di kampung kecil, pelita menyala,
Perpaduan terjalin mesra di dada,
Bersama menganyam tikar, mengait jala,
Tanpa kira darjat, tanpa sengketa.

Anak-anak berlari di padang,
Tiada beza warna atau pangkat,
Hanya tawa dan mimpi gemilang,
Di bawah satu langit, bernafas erat.

Namun, kini dunia berubah cepat,
Kita di tengah kota, langkah padat,
Perpaduan masih ada, namun beda,
Dalam teknologi, di skrin maya.

Dulu tangan berjabat, erat dan setia,
Kini jari menari di papan rata,
Pesan perpaduan dalam mesej ringkas,
Walau jauh, jiwa tetap terhubung jelas.

Dulu, kita duduk di serambi rumah,
Bercerita tentang hidup, tentang susah,
Kini di meja kafe kita bertemu,
Diskusi tentang dunia dan ilmu.

Perpaduan dulu penuh bersahaja,
Dalam kesederhanaan, hidup bersama,
Kini, lebih kompleks, lebih berdiri,
Namun semangat itu tetap bersemi.

Tangan yang dulu menanam padi,
Kini memegang teknologi tinggi,
Namun perpaduan kekal abadi,
Di hati, ia sentiasa berseri.

SAJAK PERPADUAN
Oleh: Nur Atia Shahirah binti Mustapha

Wahai saudara seisi alam,
Di bawah langit biru terbentang luas,
Kita semua bersatu dalam naungan tanah tumpah,
Tiada jurang, tiada darjat, hanya satu suara,
Mengalir sebatang sungai perpaduan suci.
Dari gunung tinggi hingga lembah rendah,
Berpautlah kita pada akar yang satu,
Demi kebahagiaan bersama nan abadi,
Dalam sukma sekalian insan bersemadi,
Bersatu padu umpama hujan dan bumi.
Tiada batas bangsa, tiada beza warna,
Hidup sekata, sepakat budi dijunjung,
Tiap bicara bersulamkan kasih mesra,
Tiap langkah bersama menuju masa depan,
Negeri tercinta ini jadi saksi perpaduan.
Adat resam dan bahasa bersulam menjadi,
Ragam yang pelbagai harta pusaka kita,
Serumpun bangsa berpanji maruah tinggi,
Tiada berkelahi, bersaudara tiada henti,
Menjalin tenunan cinta pada nusa.
Wahai angin nan bertiup lembut,
Sampaikanlah amanat perpaduan ini,
Bahawa kita teguh, takkan terbelah,
Bagai pepohon besar yang berdiri megah,
Menghadapi badai dengan akar tak patah.
Moga senja esok masih bersama kita,
Menganyam hari depan dengan damai,
Dalam kalbu terpahat kesatuan murni,
Perpaduan kita kekal tiada mati,
Sehingga dunia akhir nanti.

SAJAK PERPADUAN RAKYAT
Oleh: Mohd Jais bin Ismail

Di bawah satu bumbung
Anak aneka rumpun bangsa
Belajar A, B, C bersama
Mengenal 1, 2, 3 bersama
Bermain tiada halangan
Kawan berpadu hidup bersatu.

Bertemu di jalanan bertegur sapa
Terpandang di kedai senyum ceria
Terserempak di taman hilai tawa gembira
tersimpul ikatan kekitaan berlainan bangsa.

taman perpaduan bukan fantasi
Harapan nyata jadi realiti
Jalinan mesra gapai impian
Hidup harmoni tanpa prasangka.

Menara gading zahirkan ilmuan
Pelbagai rupa bangsa jalan seiring
Teroka ilmu ke ambang jaya
Curahkan bakti kepada negara
Pupuk jiwa rasa kekitaan
Perpaduan rakyat bukan kepuraan.

Kerajaan perpaduan ilham baginda
Pemimpin disaran ikhlas berkhidmat
Ganding tenaga majukan negara
Kerajaan madani rungkai strategi
Malaysia maju menuju gemilang.

SAJAK PERPADUAN
Oleh: Roanah binti Omar

Aku, kamu dan mereka
Pelbagai warna budaya kehidupan
Harmoni kita cipta
Damai kita cipta
Lahirlah perpaduan.

Aku, kamu dan mereka
Bertoleransi……
Hormat-menghormati
Ziarah menziarahi
Sungguhpun kita berlainan budaya.

Aku …. Melayu
Kamu… Cina
Mereka …. India, Kadazan ,Iban, Bisaya
Berpimpin tangan kita bersama
Bersatu hati itu pasti
Demi negara tercinta.

Berbanggalah
Anak jati Malaysia
Hidup bermuafakat
Dibawah satu rumpun
Kita satu Malaysia
Sehati sejiwa.

SAJAK PERPADUAN SEJATI
Oleh: Mariyah binti Misni

Negara aman perpaduan harmoni
Dalam negara mahupun negeri
Raykat berganding bahu bersatu hati
Atas rasa kasih sayang cinta mencintai.

Tiada sengketa, iri hati jua benci membenci
Setiap bangsa saling mempercayai
Saling menjaga hati dan sensitiviti
Sentiasa bekerjasama dan bertoleransi.

Setiap kali menjelang perayaan
Semua bangsa turut meraikan
Tanpa rasa sangsi mahupun mencurigakan
Memupuk perpaduan sejati jadi amalan.

Marilah kita bina sebuah negara
Atas nama demokrasi yang hakiki
Tiada siapa antara kita yang dilupai
Saling tunduk patuh undang-undang dihormati.

Wujudkan sebuah negara bangsa yang harmoni
Dengan satu harapan sejati lagi suci murni
Rakyatnya teguh berjati diri
Atas nama perpaduan sejati yang realiti.

SAJAK PERPADUAN
Oleh: Suhil Khan bin Sharifullah

Bumiku Malaysia
Tanah tumpah darah tercinta
Pelbagai warna budaya di dalamnya
Damai,harmoni, permai sentiasa
Di bawah naungan payung mahkota
Kita bangsa Malaysia
Bakal menerajui dunia.

Pimpinan kita disegani merata
Rakyatnya berpadu mencipta sejarah
Melakar Malaysia di pentas dunia
Dengan semangat
Satu Malaysia

Maka!
Bersatulah bangsaku
Kita kibar nama bangsa
Berpadulah bangsaku
Kita gegarkan dunia
Ayuh!!
Kita berganding bahu
Menuju satu Malaysia
Cemerlang, gemilang, terbilang di dunia...

Biarpun kita berbeza adat
Biarpun kita berlainan pendapat
Kita tetap satu,
Satu hati, satu jiwa, satu rasa
Nikmanya kita kongsi bersama
kerana kita satu
Satu Malaysia

SAJAK PERPADUAN
Oleh: Surnati binti Jumion

Jangan biarkan peristiwa 13 Mei muncul kembali,
Ingatlah,
Bersatu hati dalam membentuk perpaduan,
Demi kemajuan Negara tercinta.
Malaysia, negaraku tercinta
Sabah
Tempat tumpah lahirku
Berbilang bangsa kaum, adat dan agama
Iayu nyata
Aman dan tenteram impian dan harapan
Kenyataan berada ditangan
Menjadi visi dan misi
Setiap insan yang bergelar
Peribumi dan anak jati
Malaysiaku pertiwi
Apalah erti kemerdekaan
Buah hasil perjuangan
Insan-insan setia dan berjasa
Andai hati, fikiran dan jiwa masih lagi dijajah
Hingga menjadi penunggang agama
Kini masyarakat harus memilih
Menjadi benteng untuk bertahan atau meninggalkan tanpa
Jejak
Sia-sialah pengorbanan
Insan-insan yang berjasa dan terkorban
Bersatulah wahai anak bangsaku
Bersatu teguh, bercerai roboh
Jangan hanya kata-kata peribahasa
Jadikan ia langkah pertama
Yang akan menyatukan negara bangsa
Berbilang kaum dan budaya
Dalam satu kata bermakna iaitu
Perpaduan

SAJAK PERPADUAN
Oleh: Nur Syahida binti Lokman

Dalam satu bumi yang indah,
Memayungi kita semua, tanpa mengira bentuk rupa.

Bersama mengukir cita-cita,
Membina negara, bersatu hati dan tenaga.

Berbeza bahasa, budaya, agama,
Namun hati kita malar,
Menghormati, memahami, menyantuni,
Bersatu padu demi permuafakatan.

Kita kebal kerana bersatu,
Mengulit impian dalam satu padu,
Perpaduan itu pengikat negara,
Tanpanya kita hanyut tiada bersama.

Berlainan adat, berlainan bahasa,
Namun harapan kita tetap sama,
Negara molek, rakyat terbaik,
Inilah masa depan kita bersama.

Menghormati, memahami, penuh setia,
Hidup tenang tanpa berlawanan,
Perpaduan itulah tegap di mata kita,
Mengharungi onak duri, bergegas bahu bersama.

Walau dugaan datang meronta,
Kita tetap padu, tetap yakin,
Di bawah kibaran megah bendera
Penyatuan tetap terjalin

Dengan perpaduan kita mengorak langkah,
Mencanak puncak kejayaan yang terbilang,
Negaraku wahai Malaysia,
Kerana perpaduan aset negara.

SAJAK PERPADUAN TEGUH
Oleh: Wan Nur Syamimi binti Wan Sajiri

Di tanah air tercinta, Malaysia nan indah,
Tumbuh semangat perpaduan yang gagah,
Beraneka kaum, berbeza budaya,
Namun bersama membina harmoni sempurna.

Melayu, Cina, India dan pribumi,
Berpadu mesra dalam satu harmoni,
Bahasa dan adat tidak jadi pemisah,
Kerana hati kita bertaut tak goyah.

Dalam perayaan, dalam kesukaran,
Kita bersama, menghulur bantuan,
Tiada yang tersisih, tiada yang terpinggir,
Semua dihargai, semua diperhitung adil.

Dari Utara ke Selatan tanah bertuah,
Semangat perpaduan makin meriah,
Di pasar, di sekolah, di tanah lapang,
Kita bertegur sapa, tiada rasa bimbang.

Jiran berbeza, namun bagaikan saudara,
Bersama melangkah, kita tak kira,
Setiap detik sejarah yang kita bina,
Adalah lambang perpaduan bangsa kita.

Mari kita eratkan silaturahim,
Membina Malaysia, negara dihormati,
Perpaduan ini warisan terindah,
Untuk masa depan yang aman, sejahtera, megah.

SAJAK PERPADUAN TITIAN
Oleh: Vijayah Santhi a/p Ambalazan

Di celah kepelbagaian kita hidup,
Seperti sungai yang tak pernah kering,
Alirannya menyatu di muara,
Menghubung hati, memeluk jiwa.

Perpaduan bukan sekadar lafaz,
Ia nadi yang menggerakkan langkah,
Setiap langkah menuju impian,
Membangun negara penuh keimanan.

Berbeza budaya, tak pernah memisah,
Hati kita erat, saling menyantun,
Meniti hari, membina sejarah,
Perpaduan ini, tiang yang kukuh, tak tergoyah.

Dalam susah, kita saling mendukung,
Dalam senang, kita berkongsi untung,
Tiada ruang untuk benci tumbuh,
Hanya cinta yang mekar dan subur.

Titian ini kita bina bersama,
Dari utara hingga ke selatan,
Selagi tangan bersambut erat,
Malaysia aman, perpaduan kuat.

SAJAK PERPADUAN TUNGGAK NEGARA
Oleh: Zaiton binti Manangin

Negaraku
Seluruh dunia kagum padamu
Kerana kesatuan rakyatmu
Tidak mengenal agama
Tidak mengenal bangsa
Tidak mengenal budaya
Hidup bersama aman dan sentosa

Negaraku
Terima kasih untuk tidur yang lena
Terima kasih untuk kebebasan bersuara
Terima kasih untuk hidup yang sempurna

Negaraku
Janji kami akan tetap bersama
Bersatu hati tidak mengira siapa
Kekalkan perpaduan untuk semua
Kerana perpaduan adalah kekuatan kita

Negaraku
Akan kuceritakan keharmonian kita
Kepada anak cucu kemudiannya
Agar terus terpelihara
Perpaduan, kehormatan dan kedaulatan negara
Dengan cara kami sendiri
Mengangkat tangan syukur dan berdoa
Semoga Malaysia terus menjadi negara yang disegani
Dan dikagumi dunia
Teruskan unggul hari demi hari
Raih kejayaan disetiap segi
Inilah Malaysiaku..Malaysia Madani

SAJAK PERPADUAN TUNJANG KEHARMONIAN NEGARA
Oleh: Siti Aishah binti Roni

Perbezaan bukan untuk dibalas dengan jelingan
Perbezaan jangan dijadikan punca persengketaan
Perbezaan bukan penghalang penyatuan
Perbezaan merupakan satu identiti negara
Keunikan dan keistimewaan menjadi kelebihan
Kepelbagaian harus dijulang dan dirai
Mencorak tinta citra Malaysia

Peristiwa berdarah menjadi sejarah
Betapa hancur ranapnya bangsa kita
Dek kerana perbalahan sengketa
Maruah negara diragut dijerut
Jangan kau rapuh luluh remuk
Terbuai hasutan durjana

Ini membuktikan, betapa pentingnya perpaduan digilap
Penghayatan 5 prinsip rukun
Harus diterap dan diserap dalam jiwa si tua muda
Jati diri warga malaysia
Diangkat dijulang di wacana persada

Walau apa jua warna, walau apa jua coraknya
Walau sejauh mana perbezaan
Kita semua serumpun
Berada di bawah satu sama pohon
Perpaduan menjadi intipati keutamaan
Perpaduan menjadi tunjang berpacak
Kunci utama keharmonian
Megah menyemarak perbezaan
Tunggak kemakmuran negara
Tunggak kedaulatan Malaysia

SAJAK PERPADUAN UTUH
Oleh: Ida Syazana binti Zainal

Di bawah payung negara perpaduan Malaysia bersinar
Dicemburui dunia bak intan yang berharga
Hasil pengorbanan darah pejuang mengalir
Nikmati perpaduan utuh dalam setiap satu jiwa merdeka

Berbagai budaya ibarat pelangi indah berwarna
Setiap warna bersatu melukis kisah yang indah
Di tengah cabaran kita terus melangkah
Perpaduan ini tidak ternilai harganya

Dari sejarah yang kelam kita bangkit berani
Mengukir kejayaan dalam semangat yang padu
Dengan hati yang tulus kita jalinkan kasih yang suci
Malaysia tercinta bukti kita mampu

Dari liku sejarah lahirnya sebuah negara
Kita tempuh bersama tiada ruang terpisah
Hasil ikatan kasih seperti sabut dengan kayu
Perpaduan ini sangat berharga tiada galang ganti

Walau badai melanda kita tetap berdiri teguh
Satu suara bergema tiada ruang untuk goyah
Dalam pelukan kasih kita terus melangkah
Perpaduan ini berharga harta yang tidak ternilai

Pelbagai warna budaya bagaikan bunga beraneka
Setiap kelopak berharga dalam taman kehidupan
Seperti irama lagu harmoni dalam setiap nada
Kita bina kekuatan dalam kasih tiada terperi

Oh, tanah airku tercinta peliharalah segenap hati
Perpaduan ini anugerah terindah nikmatilah sebelum direntap
Dari peluh dan air mata lahirnya sebuah negara
Bersama junjung amanah yang abadi dan mulia

SAJAK PERPADUAN WARISAN KITA
Oleh: Muhammad Firdaus bin Abdul Hamid

Di tanah airku, Malaysiaku yang tercinta,
Warna, bangsa, dan suara yang berbeza,
Tetapi hati kita, satu irama,
Menyulam perpaduan, penuh kebanggaan.

Melayu, Cina, India bersama,
Saling menghormati, penuh kesetiaan,
Tiada lebih, tiada kurang,
Setiap jiwa dikira, tiada yang sia-sia.

Perpaduan kita teguh,
Bina negara, majulah dengan cemerlang,
Bukan sekadar mimpi,
Tetapi realiti, harapan kita.

Lupakan sengketa, bangun dan lawan,
Keharmonian tercipta, kedamaian yang mulia,
Dengan satu suara, ke arah atas,
Dalam perpaduan, tiada yang rosak.

Malaysia maju dengan penuh semangat,
Perpaduan menjadi kekuatan rakyat,
Bersama kita, tidak berbelah bahagi,
Bersatu dalam cinta, di bawah panji-panji yang megah.

SAJAK PERPADUAN
Oleh: Mohamad Zarul Naim bin Mokhtar

Bumiku Malaysia
Tanah tumpah darah tercinta
Pelbagai warna budaya di dalamnya damai, harmoni, permai sentiasa
Di bawah naungan payung mahkota
Kita bangsa Malaysia
Bakal menerajui dunia.

Melayu, India dan Cina kita adalah bersama
jika bercerai kita roboh, bersatu kita pasti teguh
laksana ikatan keakraban persaudaraan kita adalah insan sekelompok
kita adalah insan satu gagasan
kita adalah insan satu Malaysia
berganding bahu tanpa mengira bangsa serta asal usul
bersatu hati dalam bermuafakat
demi negara yang tercinta.

Di sini kami berdiri, penuh bangga
Di tanah air tercinta, pelbagai budaya bersatu padu, semangat merdeka
Di bawah satu panji, Jalur Gemilang.

Bersama-sama, kita teguhkan perpaduan,
Ingatlah,
Jangan biarkan peristiwa 13 Mei muncul kembali,
Di sini bermula, cinta dan cita
Bersatu hati dalam membentuk perpaduan,
Untuk Malaysia, kita berbakti sepenuh jiwa,
Demi kemajuan Negara tercinta.

SAJAK PERTAUTAN JIWA IRAMA KEHARMONIAN
Oleh: Zetty Marline binti Ahmad Zaki

Kita berpijak di bumi yang sama
Di bawah langit biru tak bertepi
Dalam setiap langkah kita menyusun rentak
Sederap meluru menganyam perpaduan
Berganding bahu bergema irama keharmonian.

Lantaran lupa daratan
Sejarah kelam masih mengintai
Diskriminasi dan prejudis tak henti menilai
Kebersamaan menjadi renggang
Tembok keegoan menjadi dinding pemisah
Garis perbezaan antara dua darjat.

Keharmonian jelmaan perpaduan
Bukan sekadar omongan kosong
Hidup berbilang kaum bukan penghalang
Simbol kekuatan membentuk keharmonian
Bersatu kita teguh bercerai kita roboh.

Seikat bak sirih serumpun bak serai
Di tanah bersemi kasih yang kukuh
Di udara berpadu suara tersemat wasilah
Meski pelbagai ceritera tetap bertaut jiwa
Membina Malaysia irama keharmonian
Setiap perbezaan adalah naratif kehidupan
Meraikan perbezaan dalam jiwa yang terbuka
Setiap persamaan adalah simetri
Membentuk spektrum warna pelangi nan indah.

Satu hati satu jiwa menuju visi dan misi yang sama
Satu suara kita layarkan bahtera
Teguh berpegang rukun negara
Adat dikelek hukum dijunjung
Pertautan jiwa akar kekuatan
Bercambah menjadi pohon rendang
Teduhan generasi gemilang sampai nian.

SAJAK POHON MUAFAKAT
Oleh: Nik Noorhafizah binti Hassan

Dari teguh akar perpaduan
Toleransi berselirat mencengkam erat
Kasih sayang menjalar tanah pusaka
Terpasak utuh pohon muafakat
Menghiasi laman rumah kebebasan.

Dari gagah batang kepimpinan
Tertegak luhur teguh undang-undang
Melilit kulit prinsip kebersamaan
Menyokong lapis kebal keadilan
Menghubung akar ke dahan kesatuan.

Dari cabang dahan kesatuan
Berjuntaian indah kepelbagaian budaya
Disokong dahan agama kepercayaan
Menyimpul bentuk ranting kebersamaan
Walau bercabang namun tetap beriringan.

Dari rimbun dedaun peranan
Mencorak urat-urat tanggungjawab
Menghijaukan kemakmuran
Dibentuk sekelumit pucuk generasi
Dibalut selebar dedaun amanah
Memayungi dari bahang anasir
Dan angin sengketa.

Akhirnya mekar bunga kejayaan
Tumbuh ranum buah keharmonian
Mematangkan pohon muafakat
Kesepaduan akar perpaduan
Keteguhan batang kepimpinan
Kekuatan dahan kesatuan
Dan kerimbunan dedaun peranan
Menerbitkan bunga mewangi indah
Menemani manisnya buah bahagia.

SAJAK POHON PERPADUAN
Oleh: Esa bin Salleh

Pohon perpaduan di kebun bonda
Telah kita semai kita tanam bersama
Berbenihkan semangat setiakawan
Berbajakan jujur permuafakatan
Berakarkan ikhlas persahabatan
Berrtunjangkan toleransi persefahaman
Teruslah dipupuk dipelihara
Agar membesar harum berbunga
Indah merendang
Mekar dengan kasih sayang
Subur dengan rasa persaudaraan
Melebat dengan buah kemesraan
Yang ranum dan manisnya
Dikecapi bersama

Pohon perpaduan ini
Menjaganya jangan sesekali
Dibiar rebah tumbang
Dek tangan-tangan si petualang
Pastikan kekal utuh
Teguh kukuh
Merimbun tumbuh
Di bawahnya kita berpayung berteduh

SAJAK POLEMIK PERPADUAN
Oleh: Raja Mahani binti Raja Mohamed Ali

Bila ku dongak ke langit luas
Kusedari
Kita berpijak di bumi yang sama
Kita menelusuri tanah bertuah
Kita nikmati kepelbagaian warna
Simbolik kekuatan negara bangsa

Namun apakah taufan ego dan adu domba
Mencantas segala yang melengkapi kita
Haruskah bila wujud perbezaan
Dimulai dengan tajamnya lidah?
Haruskah bila timbul salah pengertian
Ditamatkan dengan titisan darah?

Lalu
Tika keindahan menjengah
Di mana patriotik dalam jiwa
Di mana rasa kasih sesama manusia
Tidak kira bangsa
Tidak kira budaya
Tidak kira bahasa

Bangkitlah
Bersatulah
Seperti sebuah tali pengorbanan
Takkan terungkai bila disatukan
Takkan terbelit dek ribut keraguan
Mesti diikat dengan jati diri
Kerna kita
Tidak mampu mengangkat senjata
Tidak mampu membeli merdeka
Perjuangan perpaduan
Kelangsungan sepanjang zaman

SAJAK PUSPAWARNA BANGSA MALAYSIA
Oleh: Asrizam bin Esam

Narasi Ranah Merdeka
Puspawarna Warga Berhimpun
Atas Berkat Suvarnabhumi
Bagai Sesusun Beradik
Rencaman Etnik Berpadu Rasa
Meraya Hidup Bersama
Biar Berbeza Warna
Biar Berbeza Budaya
Biar Berbeza Agama
Berbilang Darah Nasab Turunan
Akur Damai Mendukung Santunan

Cubit Peha Tidak Bersakitan
Siul Menghibur Memilin Ikatan
Menjalin Kasih Sebuah Kekeluargaan
Hormat Perteguh Daya Kesatuan
Sedari Bayi Kita Bergandingan
Mengasuh Toleransi Akal Budiman
Membina Indah Bibit Kenangan
Hargai Anugerah Memeran Warisan

Raja Lambang Daulat Persekutuan
Menyatu Hati Dalam Hasrat Dan Visi
Meneraju Berakar Adil Dan Bijaksana
Perkuat Citra Dan Rukun Negara
Dalam Sila-Langkah Kita Berpadu
Gabung-Upaya Memecah Badai
Tidak Ternilai Kunci Kemakmuran
Dirgahayu Menyegar Persahabatan

Kita Adalah Satu
Dalam Rencaman Rona
Dipuncak Gunung Lautan Biru
Jalinan Kasih Tidakkan Pudar
Karunia Jentayu Terbang Tinggi
Gandasuli Mekar Akrab Mewangi
Malaysiaku Tanah Tumpah Pertiwi

SAJAK RANTING BERBEZA AKAR YANG SAMA
Oleh: Nur Sabiha binti Mohd Asri

Di tanah ini, ranting-ranting tumbuh,
Berbeza arah, namun akar tetap satu,
Menjulang ke langit, mencari sinar,
Namun tetap bersatu di dasar yang sama.

Kita mungkin berbicara dalam bahasa berbeza,
Namun dalam hati, cinta tetap serupa,
Perpaduan menjadi benteng kita,
Menghadang segala badai yang melanda.

Setiap bangsa menyumbang warna,
Dalam kain tenunan negara tercinta,
Berbeza rasa, berbeza rupa,
Namun tetap teguh, tiada yang luka.

Biar badai datang melanda,
Kita tetap bersama, takkan goyah,
Menjaga persaudaraan erat,
Di tanah ini kita teguh bertapak.

Jangan biar perpecahan mencemari,
Hati yang suci dan harmoni ini,
Kerana di bawah langit yang satu,
Malaysia tetap utuh, bersinar selalu.

SAJAK REALITI PERPADUAN
Oleh: Mohd Fudzail bin Mohd Nor

Kestabilan Malaysia bermula
Dalam masyarakat yang menjiwai
Semangat penghayatan kemerdekaan
Konsep yang baik
Dan bermatlamatkan perpaduan
Menggambarkan nilai positif
Ikatan yang kukuh
Antara rakyat dan pemimpin
Dan keakrabannya umpama
Air yang dicincang tidak akan putus.

Nilai kasih sayang perlu dizahirkan
Diperkukuhkan sewaktu keadaan sukar
Dengan memberikan empati tinggi
Sentiasa menjaga antara satu sama lain
Menjalani kehidupan susah senang bersama
Berganding bahu berhadapan dugaan
Perlu bertolak ansur antara satu sama lain
Walau berbeza pandangan.

Konsep merentasi jalur etnik
Agama, kelas golongan
Dan persempadanan negeri
Merapatkan jurang
Intra-etnik dan inter-etnik
Kekuatan perlu dibina
Walaupun pada perbezaan
Bukan penghalang tetapi aset
Untuk proses kestabilan, keamanan
Keselamatan sosial dan kesejahteraan.

Perlu mencapai koordinasi
Antara yang merangka, pelaksana
Dan kumpulan sasar supaya
Membantu dan meningkatkan
Taraf hidup sewaktu masyarakat
Dibelenggu dengan kesempitan hidup
Penyuntik kepada persekitaran.

SAJAK ROMAN SEBUAH PERPADUAN
Oleh: Khairul Asmak binti Haji Yahaya

Perpaduan ibarat pepohonan
Rendang memberikan teduhan
Menebarkan kedamaian
Dedaunnya menyusun hijau mendamaikan
Bertunaskan azam yang menjulang
Dipaksikan akar kemanusiaan
Yang bertunjangkan akal dan kebenaran
Tumbuhnya subur di persada tanah air
Yang kaya budaya dan adat resam.

Semarakkan semangat perpaduan
Serlahkan inti sari kenegaraan
Budayakan rasa kebersamaan
Hingga kesentosaan menjadi mekar
Di sukma anak-anak bangsa
Usah dibiarkan pepohonan ini
Bersendirian terasing
Sebagai tunggul yang rapuh
Terus mati dan usang.

Perpaduan nian berharga
Lantaran melebihi nilai emas permata
Perpaduan dalam kepelbagaian
Jadi teras kekuatan negara
Dan simbol kebangsaan kita
Anak Malaysia.

SAJAK RUKUN ALAM
Oleh: Muhammad Hisyam bin Abdul Halem

Lembayung pagi menyapa sang suria disuatu negara,
Menyelimutkan cahayanya pada embun di dedaunan,
Seperti langit biru merangkul awan,
Tanpa kenal batas beza yang dikira hanya cinta akan tanah airnya.

Bintang dan bulan di hamparan langit malam,
Bersinar bersama, berbagi kilau tak terganti,
Seperti persaudaraan yang tak lapuk dimakan waktu,
Menerangi hati adalah kepercayaan kepada Tuhan yang tidak pernah mati.

Air sungai mengalir setia di antara batu-batu,
Menemani perjalanan sampai ke lautan luas,
Bersama rakyatnya menyatu, menyulam arus tak terpisah,
Begitulah raja yang mendapat setia pada rakyatnya jua.

Laksana ombak yang menyapa pantai,
Tak kenal lelah, datang dan pergi,
Membawa serpihan cerita, memahat pasir bersama,
Begitulah mereka mengangkat keluhuran perlembagaan tanpa ada jeda.

Seperti matahari dan bulan bertukar tempat,
Menyambut malam dan pagi berganti,
Kita pun merangkai hari dengan kebersamaan,
Tidak pernah mengabai undang-undang yang dijunjung tinggi

Di antara badai dan langit yang cerah,
Pelangi hadir, menjahit warna dengan sinar,
Menjadi bukti bahwa berbeza itu indah,
Dan ia jelas disulam kesopanan dan kesusilaan

Hutan rimba dan padang lalang,
Berbagi angin yang sama, menari serupa,
Burung-burung bernyanyi di ranting yang berbeza,
Namun nadanya bersatu dalam simfoni lagu Negaraku.

Di sini, di bumi yang berbagi nafas,
Kita adalah titisan hujan yang menyuburkan tanah,
Mengalir dalam sungai perpaduan,
Memaknai hidup, membangun peradaban,
Menghidupkan perpaduan, membawa Malaysia maju ke hadapan

SAJAK SAMA WALAUPUN TIDAK SERUPA
Oleh: Mohd Khairul Mazlizan bin Mamat

Di tanah air tercinta, kita berdiri dan berdikari,
Pelbagai bangsa, agama dan budi pekerti,
Berbeza warna kulit serta bahasa,
Namun hati ini satu sentiasa.

Di bawah langit biru yang sama,
Hidup rakyat bagaikan keluarga,
Melayu, Cina, India semua bersatu,
Penuh rasa ingin memupuk kasih yang baru.
Rasa hormat dan saling memahami,
Membina jembatan bukannya tembok tinggi,
Dengan senyuman dan tangan terbuka,
Mencipta harmoni tidak berbelah bahagi.

Di semua perayaan kita bergembira,
Hari Raya, Tahun Baru, Deepavali,
Bersama-sama menyambut semua tradisi,
Menjadi warna dalam satu identiti.
Lihatlah pada pasar malam yang meriah,
Aroma makanan minuman pelbagai citarasa,
Nasi lemak, roti canai, dimsum serta satay,
Di meja semua, kita bersama menjamu selera.

Anak-anak bermain di taman,
Tiada rasa curiga, hanya kawan,
Bermain bola, badminton, berjogging,
Perpaduan terjalin dalam permainan.
Kita adalah harapan, satu suara,
Menjunjung negara, bak bendera,

Marilah kita junjung perpaduan,
Menjadi kekuatan, pemangkin kejayaan,
Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh,
Malaysia Madani itulah impian.

SAJAK SANGKAR EMAS TANPA JERIJI
Oleh: Mohd Khairul Mazlizan bin Mamat

Sangkar emas ini milik bersama
Tanpa jeriji yang memenjarakan jiwa
Beribu bangsa menyumbang seribu suara
Bebas mengungkap pandangan dan rasa
Lepas menaruh identiti setiap budaya
Kerana perpaduan berharga dan indah terbina
Memberi nyaman dalam kurungan tak bermangga

Kilau emasnya terpancar dari budi dan pekerti
Sama-sama menghormati, menyayangi, menghargai
Tidak saling memprovokasi, mendendami, berkelahi
Walau mendiami istana isinya beza warna, dialek dan tradisi
Kita boleh berdiri sama tinggi dengan harmoni
Kerana perpaduan dicermati dari iri hati dan hasad dengki
Menyatukan perasaan kita menuju gemilang aspirasi

Langit luas menjadi saksi mata yang tak terlena
Memerhati jagat raya menempuh suka duka
Mendalami rahsia hati yang memahami letak perkara
Pabila melodi kedengaran tidak senada
Warga bukan terus menghentam murka
Tetapi duduk santai memula bicara
Kerana perpaduan tidak diraih dengan mencerca
Perlu ada sepakat dalam kata bersaudara

Mari kita jaga sangkar emas dari ditakluki sang durja
Jangan ada perpecahan antara kita
Jika tak mahu kejahatan bermaharajalela
Jika tak mahu hak dicabuli sesuka
Memang sangkar emas kita tiada dinding bata
Tapi pelindung sebenar ada pada
Keutuhan perpaduan rakyat jelata
Kedaulatan raja bertakhta

SAJAK SATU JIWA SATU NEGARA
Oleh: Murely a/l Ponnusamy

Di tanah air kita berdiri teguh,
Berbilang bangsa hidup harmoni,
Hati bersatu, jiwa penuh megah,
Mengejar impian, menggapai mentari.

Di bawah langit biru kita bersaudara,
Merentasi budaya, menyulam kasih,
Tidak kira warna, tidak kira bahasa,
Dalam satu suara, kita bersimpati.

Setiap langkah, setiap harapan,
Disulam kasih, diikat rapi,
Perpaduan ini, warisan zaman,
Hingga ke akhir, ia abadi.

Menggapai bintang, mendaki puncak,
Bersama-sama kita hadapi cabaran,
Perpaduan ini, ikatan kukuh,
Mengukir kejayaan, menjulang nama.

Dalam hati kita, semangat menyala,
Menjulang tinggi, perpaduan bangsa,
Di atas segala, kita berdiri,
Satu jiwa, satu negara.

SAJAK SATU NADI TERPATERI JANJI
Oleh: Saifuddin bin Masuk

Nusa ini tanah tumpah yang terbina,
Di bawah langit yang sama, kita bernafas,
Dari utara ke selatan tanpa batas.
Tak kira bangsa, agama atau warna.
Dalam jiwa kita satu nadi.
Biarpun berbeza namun tetap serasi,
Berjanji bukit didaki lurah dituruni.

Sawah menghijau lautan terbentang,
Kita beriringan bersama berganding bahu.
Serai serumpun sirih sesusun diumpama,
Bersatu hati walau datang dari arah berbeza.
Dari kampung hingga ke kota raya,
Semua bersuara semua punya harga.

Bersama kita teguh berdiri,
Seperti akar yang mencengkam bumi.
Di bawah panji yang sama berkibar,
Harapan rakyat terus mekar membakar.

Jangan biar perpecahan menggugat,
Perpaduan menggumpal menjadi kuat.
Mari bina negara dengan kasih,
Mari bina keluarga tiada yang tersisih.

SAJAK SATU SUARA
Oleh: Nurzawahir binti Mohd Hafiz

Di sini, Malaysia,
Kita bersama mengukir sejarah,
Berpaut tangan berjabat erat,
Memacu langkah dengan gagah.

Di dalam kepelbagaian,
Kita temui kekuatan,
Di dalam perbezaan,
Kita ukir persahabatan.

Tiada tembok yang tak boleh diruntuh,
Tiada batas yang tak mampu kita rentas,
Kerana kita,
Satu bangsa, satu nusa, satu negara.

Angin perubahan kan selalu bertandang,
Ombak cabaran tak putus datang,
Namun selagi kita bersama,
Tiada apa yang bisa menghalang.

Perpaduan ini,
Adalah nyawa,
Adalah nadi,
Yang mengalir dalam diri kita,
Di bawah panji kasih sayang,
Kita teguh berdiri,
Perpaduan bangsa ini akan kekal abadi.

SAJAK SATU SUARA SATU RASA
Oleh: Chin May Leng

Di bawah langit Malaysia nan luas,
Kita berdiri, bahu-membahu,
Melayu, Cina, India berpadu,
Satu suara, hati bersatu.

Berbeza kulit, berbeza bahasa,
Namun jiwa kita tetap sama,
Mengalir darah cinta negara,
Mengukuh kasih di tanah merdeka.

Di kampung dan kota, kita sehati,
Saling membantu, saling memberi,
Tiada yang asing, tiada yang sepi,
Bersama kita membina harmoni.

Seperti sungai menuju laut,
Bersatu arus, tak pernah surut,
Begitulah kita, bangsa terpaut,
Bersama melangkah penuh semangat.

Perpaduan ini tunjang negara,
Tiang yang teguh takkan goyah,
Walau diuji pelbagai cara,
Kita tetap satu dalam sejarah.

Malaysia tercinta, tanah bertuah,
Rakyat bersatu tanpa keluh kesah,
Selagi ada nafas dan nyawa,
Perpaduan ini kekal selamanya.

SAJAK SEBALANG AIR LAMBANG PERPADUAN
Oleh: Nurlailah binti Abdillah

Sebalang air itu
Letaknya ampuh di atas lantai
Tidak berkocak apatah lagi melimpah tumpah
Dingin airnya menyejukkan mereka yang dahaga
Melegakan tekak menyamankan nurani

Bak negara yang teguh
Terus maju bersama menongkah arus pembangunan
Rakyat bersatu hati membulat tekad
Memahat nama pelbagai arena di persada dunia
Beza warna kulit, bahasa dan bangsa
Digabung bersama matlamat nan satu
Bangga bersama kibarnya jalur gemilang

Andai balang itu dikalih
Pasak tergadai kocaknya tercetus
Impak yang terhasil bisa menumpahkan isinya
Hancur sudah keamanan yang disisa
Wasiat pejuang yang perlu dibela
Pasti yang tinggal hanyalah penyesalan
Kerugian tanpa kira

Justeru
Saat ini kita masih berpeluang memutus
Simpanlah sebalang air
Sepenuh daya seutuhnya jiwa
Sematkan takwil sebalang air
Dalam diri, masyarakat dan Negara
Andai perjuangan yang dituntut
Inilah detiknya para pemuda pemudi
Pertahankan sebalang air ke akar umbi
Demi memelihara kedaulatan Negara bertuah
Malaysia

SAJAK SEMANGKUK RASA, SEGENGGAM JIWA
Oleh: Norazlina binti Masnan

Malaysia, tanah air berpadu rasa,
Laksana hidangan, kaya pelbagai rencah,
Nasi ambang mewah aroma bertalam,
Menjadi lambang kaum bersulam mesra,
Dalam satu sajian, cinta terjalin erat.

Nasi lemak santan pekat,
Bersama sambal pedas menyengat,
Seperti kita, Melayu, Cina, India dan pribumi,
Bersama rempah dan cita rasa tersendiri,
Namun dalam setiap suapan, tetap satu hati.

Laksa utara pedasnya terasa,
Namun kuahnya mengalir dengan tenang,
Ibarat rakyat yang tabah mengharungi badai,
Dalam aman, kita tetap teguh berdiri,
Biar apa pun datang, tiada gentar di hati.

Kuetiau di goreng bersama cili,
Menghidupkan semangat yang tidak mati,
Penaka bara perpaduan dalam sanubari,
Menyala terang dalam setiap rakyat,
Menghangatkan cinta kepada tanah tercinta.
Sate disusun rapi di atas arang,
Umpama kaum-kaum yang bersusun akrab,
Setiap tusuk adalah janji kita,
Untuk terus bersatu dalam sebuah negara,
Mempertahan maruah, menjaga jiwa.

Kita adalah secangkir kopi yang pekat,
Bersama roti bakar yang rapuh di luar,
Walau berbeza dalam setiap cebisan,
Kita melengkapi dalam kesatuan,
Menjadi hidangan yang utuh, tiada perpecahan.

Dalam semangkuk rasa, kita bersatu,
Dalam sepiring harapan, kita berjanji,
Untuk terus menjaga tanah bertuah,
Menyulam perpaduan dalam keindahan budaya,
Selamanya Malaysia, semadi di jiwa.

SAJAK SENJA PERPADUAN
Oleh: Muhammad Hisyam bin Abdul Halem

Di senja merah, cahaya perlahan surut,
Langit berpelangi, bertemu warna tanpa takut.
Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan Dusun,
Seperti awan di ufuk, berpadu harmoni berpanjangan.

Kita bagaikan benih di tanah yang sama,
Dibasahi hujan, disinari suria,
Menghijaukan bumi dengan semangat merdeka,
Tidak kenal batas, tidak kenal beza.

Senja mengajar kita, cahaya tetap bercampur,
Merah, jingga, ungu: tiada yang tersingkir.
Kita bagaikan burung terbang beriringan,
Mencari arah, bersama dalam perjalanan memeluk kebersamaan.

Di tebing sungai, bayang-bayang berpadu,
Seperti kita, menari dalam ritma satu.
Tiada ragu, tiada sepi, tiada benci,
Hanya tangan-tangan yang saling memberi,
Hanya suara-suara yang mencintai tanah airnya sendiri.

Saat mentari tenggelam, kita tetap di sini,
Menjaga warisan, menghormati tradisi.
Kerana di bawah langit senja yang menyala,
Kita adalah satu, dalam harmoni yang bercahaya,
Kita adalah Malaysia, hidup dalam kepelbagaian,
Meskipun berbeza kitalah simbolik perpaduan semua.

SAJAK SEPAKAT MEMBAWA BERKAT
Oleh: Mohd Fikri bin Osin

Malaysia,
Sebuah negara yang indah,
Rakyatnya hidup bersatu dan bersama,
Dalam ukhuwah yang penuh warna.

Semenanjung, Sarawak dan Sabah,
Setiap inci negara ini harus kita jaga,
Kerana setiap inci negara ini kita yang punya,
Dan sebagai rakyat yang cinta akan negaranya,
Marilah kita bersama-sama mencurahkan bakti,
Dan lebih mencintai negara yang kita semua sayangi ini.

Marilah kita menjadi warganegara yang kuat,
Bersemangat dan bersependapat,
Hidup aman dalam bermasyarakat,
Agar persefahaman antara kaum dapat dipertingkat,
Agar tanah air yang kita cintai akan selalu dilimpahi rahmat,
Kerana hidup sepakat membawa berkat.

SAJAK SIMFONI JALINAN HATI
Oleh: Khairi bin Kalib

Di bawah langit yang bertinta lembut,
Kita berlari bersama dalam harmoni,
Menyusun kisah dalam melodi indah,
Hati-hati bersatu dalam simfoni.

Dalam pelukan malam yang tenang,
Kita adalah bintang yang bercahaya,
Menyulam perbezaan dalam keindahan,
Seperti pelangi selepas hujan yang menggoda.

Setiap suara adalah melodi berbeza,
Namun menyatu dalam satu irama,
Perpaduan bukan hanya kata-kata,
Tetapi juga gerak, rasa, dan jiwa.

Di tengah-tengah rimba yang megah,
Kita saling merangkul dan memahami,
Menjadi satu dalam jalinan kasih,
Mencipta sejarah yang abadi.

Dalam setiap langkah yang kita ukir,
Tercipta cinta yang tulus dan suci,
Perpaduan adalah simfoni sejati,
Menyatukan hati dalam harmoni yang kekal.

Di bawah langit yang sama, kita berjanji,
Untuk terus bersama, walau badai melanda,
Kerana dalam perpaduan kita temui kekuatan,
Mencipta masa depan yang penuh makna.

SAJAK SIMFONI PERPADUAN
Oleh: Rohizan bin Ya

Gendang silat memukul jiwa keberanian,
Menyatu langkah dalam seni pertahanan,
Seperti kita, kaum yang berdiri megah,
Melayu, Cina, India dan pribumi lain,
Menjaga tanah air dengan jiwa patriotik.

Setiap langkah di bumi bertuah,
Kita adalah tarian buluh yang seiring,
Di mana rentak berbeza tidak memisah,
Sebaliknya menyatukan dalam irama berpadu,
Bagai ombak dan pantai, sentiasa bersama.

Wau bulan terbang tinggi di angkasa,
Penaka impian bangsa yang kita junjung,
Tali perpaduan erat kita genggam,
Walau angin berubah, arah tak terpisah,
Melayari langit dengan jiwa yang satu.

Laksana batik yang beralun indah,
Rinci corak mencerminkan kisah rakyat,
Warna-warni budaya menjadi anyaman,
Pada kanvas tanah air yang luas terbentang,
Kita lukis bersama harapan yang gemilang.
Leluhur payung budaya yang kita junjung,
Seinci lipatan adalah janji setia,
Menjadi naungan perpaduan abadi,
Malaysia, engkau cerminan indah,
Satu tekad berpadu, harmoni selamanya.

SAJAK SIMFONI PERPADUAN
Oleh: Norzalina binti Masnan

Di tanah bertuah ini, mekar wajah-wajah berbeza beriringan
Laksana pelangi mekar selepas hujan, menghiasi langit terbentang
Dari serata pelusuk dunia, kita berkumpul erat
Bahasa, budaya dan adat nan pelbagai jadi penyuluh arah

Toleransi jadi landasan bagi setiap pertemuan
Di bawah naungan pemerintah yang bijaksana
Beraja dalam demokrasi, tangan-tangan kita bersatu erat
Membina takhta kasih, menghancur prasangka durjana

Indahnya nikmat perpaduaan termetri
Mencari sinar dalam kedamaian
Kita hormati, kita hargai,kita bersatu dalam suasana harmoni
Bersama kuntuman doa suci ke langit Arasy

Aman di bumi ini, keadilan menitis bak embun pagi
Menyirami jiwa, menyegarkan hati yang berbudi
Di sini, kita bersatu dalam anyaman kasih abadi
Segar berpadu dalam perpaduaan sejati

SAJAK TALI PERPADUAN
Oleh: Nur Atiqah binti Adni

Di tanah tumpah darah nan keramat,
Kita umpama pohon di tanah yang sama,
Akar berpintal, saling berpegang,
Menghisap kekuatan dari bumi yang satu.

Duhai bangsaku, engkau lautan warna,
Tiap gelombang membawa cerita,
Seperti pelangi mengikat langit,
Tiada yang hilang, tiada yang tersisih.

Padi di bendang seperti persaudaraan,
Bersama dituai, bersama dikunyah,
Air di sungai itu lambang kasih,
Mengalir deras, tiada henti memancar.

Wahai insan, hayatilah pesan angin,
Ia berbisik di celah ranting waktu,
Jangan biar badai memecah layar,
Kerna kita semua satu haluan, satu layar.

Tali perpaduan ini adalah rantai emas,
Ditempa oleh tangan yang luka,
Dengan peluh dan darah menjadi mantera,
Kini ia mengikat kita dalam rasa mulia.

Layar bahtera kita kembang di ufuk,
Menuju horizon harapan nan jauh,
Seperti camar terbang bersatu sayap,
Menuju sinar, ke puncak kegemilangan.

SAJAK TANPAMU
Oleh: Muhamad Hafiq Azim bin Yusri

Pernahkah kau terfikir,
Bagaimana Malaysia
Jika hanya punya satu bangsa
Terhad satu adat satu budaya
Bosan, tidak berseri tiada istimewa.

Pernahkah kau terfikir,
Bagaimana Malaysia
Jika rakyatnya tidak berkerjasama
Saling berpuak saling mengata
Hancur, luluh, musnah semuanya.

Mana mungkin Menara Merdeka dapat dibina
Tanpa kerjasama dan berpadu tenaga,
Mana mungkin Lee Chong Wei dapat berjaya
Tanpa sokongan padu rakyat jelata
Bak kata orang dahulu kala,
Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.

Oleh itu wahai Malaysia,
Jangan kerana warna kulit berbeza
Jangan sebab bertutur lain bahasa
Kita bermasam muka tak bertegur sapa
Kelak nanti hilang masyarakat harmoni.

SAJAK TEGUH
Oleh: Sabrina binti Amat Dusin

Teguh berdiri,
Tidak sendiri,
Teguh sepadu,
Kukuh bersatu,
Cengkaman sarat
Paduan semangat, ibarat akar pohon menjalar,
Mencengkam rapat genggaman tanah
Dek kerana kukuhnya tanah-tanah itu,
Megah berdiri bangunan-bangunan indah.

Alam dan manusia,
Bergabung menjadi satu,
Saling menjaga,
Saling percaya,
Sepadu bersatu,
Erat hidup bersama di bawah langit yang sama,
Berdiri kukuh menghirup udara yang padu,
Membina negara bangsa yang dicinta
Melaung satu nama yang sama
Negaraku
Malaysia.

SAJAK TEGUH
Oleh: Sabrina binti Amat Dusin

Cermin semangat perpaduan indah
Aspirasi kemajuan negara berdaulat
Teras perpaduan rakyat
Biarpun pelbagai budaya, agama dan etnik
Semangat bersama mencapai matlamat.

Tekad perpaduan
Cermin semangat maju
Sebagai negara bersatu
Memenuhi harapan rakyat
Menikmati kejayaan dan kemakmuran
Sebuah negara merdeka.

Tekad perpaduan
Cermin penyatuan rakyat
Semangat memacu pencapaian
Satu identiti nasional
Perpaduan megah, kemajuan cemerlang
Dua tonggak menyuburkan
Semangat cinta akan watan.

Perkongsian budaya, tradisi dan nilai
Bukti perpaduan tersergam indah
Menjunjung semangat cintakan tanah air
Saling menghormati dan kebersamaan
Mengukuh Malaysia di persada global.

SAJAK TEMBOK PERPADUAN
Oleh: Asrul Effendi bin Kamaruzzaman

Dengan bergabung kita membina kesepakatan
Bersama mengharungi suka duka
Susah senang memikul yang berat
Menjinjing yang ringan

Kita hidup dalam sebuah keluarga
Besar penuh harmoni
Sama mendaki bukit
Sama menuruni lembah

Tanpa mengira agama
Bangsa mahupun keturunan
Kita tetap memerah keringat
Demi menikmati bersama pembangunan negara

Kita berdiri teguh sebagai rakyat
Menjunjung tinggi kesetiaan
Rela berkorban demi tanah air
Sekalipun nyawa menjadi taruhan

Marilah kita bersama bulatkan tekad
Mempertahankan tembok perpaduan
Di tanah air tempat kita
Hidup sehingga ke nafas terakhir

SAJAK WAHYU MANIS TUHAN
Oleh: Dzurharman bin Abd Rahman

Tanah ini
Menjadi saksi segalanya
Berpedang lidah punca sengketa
Nafsu serakah mengejar dunia
Kayangan marhaen berbeza jurang
Semakin mewah semakin menghilang
Mata duitan keliling pinggang
Pengais tanah semakin kontang

Tanah ini
Berbunga kembali meniti hari
Mencari sinar yang lama menyepi
Benih sayang mula menyeri
Pucuk kasih bertatih menghadiri
Menyulam khilaf dan perbezaan
Menjadi keraian yang melapangkan
Menjadi senyuman dalam tangisan
Takbir laungan tanda keamanan

Tanah ini
Ku harap semakin beerti
Seluruh ruh terpercik api
Bernyala gemilang tidak terhenti
Setiap jasad bergetar berani
Untuk mati demi Malaysia ku cintai
Akan tertegak tugu perpaduan
Berkecai hina darah perselisihan
Cinta kita ini wahyu manis dari Tuhan

SAJAK WALAUPUN BERBEZA AGAMA DAN KETURUNAN
Oleh: Asrul Effendi bin Kamaruzzaman

Di sini kita membina rumpun
Berpegang kuat pada tali persaudaraan
Berpayung di bawah kerukunan hidup
Itulah kita bangsa bernama malaysia

Muafakat kita tanam membawa berkat
Kita sama berpanas mahupun berhujan
Baik di kota dan desa
Kita tetap bersatu mempertahankan negara

Di pepohonan rendang kita melafazkan
Sumpah setia demi tanah tercinta
Tidak gentar dengan badai gelora
Agar bahtera kebersamaan tidak hanyut

Benih perpaduan sentiasa kita semai
Subur pokok dengan lebat buah
Melatari langit kehidupan penuh keharmonian
Itulah nikmat kesepakatan yang dibajai

Marilah kita terus menjadikan perpaduan
Sebagai kilauan permata yang berharga
Peliharalah agar berkekalan buat selamanya
Walaupun berbeza agama dan keturunan

SAJAK WARISAN BUDAYA TERCINTA
Oleh: Jasman bin Bandar

Perpaduan itulah warisan budaya tercinta
Dipupuk daripada kepelbagaian budaya
Adat resam, pakaian, tarian, kebendaan dan segala cerita lisan
Kerana disitu ada falsafah ilmu
Tentang keamanan dan kesejahteraan
Tentang hakikat hidup dalam dunia sejagat

Perpaduan itulah tanggungjawab yang terus dilestarikan
Tanpa mengira aspek perbezaan budaya
Saling bantu membantu memudahkan
Saling hormat menghormati amalan budaya
Saling bersama-sama meraihkan dan memeriahkan
Dalam setiap kepelbagaian citra budaya kehidupan
Lambang kesarjanaan pemikiran leluhur

Perpaduan di kampungku
Bukanlah hanya sekadar kata keramat
Tetapi sudah menjadi amalan turun temurun
Terus terjaga dan terpelihara
Berpaksikan keikhlasan dan ketulusan hati
Sanggup berkorban demi menzahirkan nilai perpaduan
Agar ia terus menjadi amalan
Budaya tercinta di kampung halamanku

SAJAK WARISAN PERPADUAN
Oleh: Ismail bin Hashim

Bersama kita memelihara
Warisan perpaduan
Menghiasi jambangan bangsa
Terbilang

Hujan dan panas melalui perubahan
Musim
Semai rasa tabah menyantuni cabaran
Metafora muhibah dan persafahaman
Disantuni penuh berhemah

Hentikan laungan tempik dan
Sorak usah biarkan perpaduan
Selama ini dijalin retak dan bergolak

Biar payung perpaduan berkembang
Menjadi penampan kepada hasutan
Tak lapuk dek panas dan tak lekang
Dek panas menyapa generasi madani
Berakhlak terpuji tidak betah mengalah
Ketika diuji

Mari kita santuni sejarah melaka
Raja mendaliar, kitul dan bendahara
Berlaku adu-doma sesama mereka
Timbulnya fitnah meracuni perpaduan
Terbuka peluang feringgi menyerang
Kota Melaka pudarlah sebuah lagenda!

SAJAK WARKAH PERPADUAN
Oleh: Norfazlin binti Maslin

Malaysia,
Bumi bertuah aman sentosa,
Tika tirai salam dibuka,
Lambaian mesra warga menyapa,
Walau berbeza adat dan budaya,
Terpahat satu pandangan serupa

Walau jauh kembara ke timur kedah,
Hati seperti berlayar ke barat sabah,
Walau berat pancaroba yang melanda,
Bergandinglah bersama melawan sengsara,
Kukuhkan perpaduan jauhkan pecah belah.

Duhai watan negara,
Pasaklah 5 prinsip Rukun Negara dalam diri ,
yang menjadi kunci utama,
Kestabilan ekonomi negara,
Serta keharmonian rakyat jelata

Perpaduan itu,
Ibarat tinta, kertas dan aksara,
Meniti bersama di haluan yang sama,
berjanji bersama memelihara bangsa,
Melakar nama seantero dunia.

Wahai bangsaku,
Dilembaran ini ku titipkan pesanku,
Hiduplah bagai aur dengan tebing,
Pertahankanlah identiti negaraku,
warkah buat generasi akan datang,
Tetaplah berpaksi pada semangat perpaduan,
Demi negara yang terbilang.

SAJAK WARNA BERSATU
Oleh: Chai Kam Loong

Dalam nafas satu bangsa,
Kita lahir dari rahim yang sama,
Biar kulit berbeza warna,
Namun hati seirama.

Bersama kita meniti waktu,
Menganyam mimpi di bawah langit biru,
Tiada jurang yang memisah,
Tiada dinding yang membelah.

Di sawah, di bandar,
Suara rakyat berbisik mesra,
Tangis dan tawa dikongsi bersama,
Tanda cinta, tanda setia.

Mari genggam erat jemari,
Dalam lautan perbezaan ini,
Perpaduan kita kan terus mekar,
Malaysia gemilang sentiasa bersinar.

Warna-warni bangsa terpancar,
Dalam satu kanvas berkilauan,
Menyulam indah dalam kebersamaan,
Menjadi nadi tanah air tercinta.

SAJAK WARNA WARNI CITRA BUDAYA
Oleh: Jasman Bandar

Tersergam indah latar budaya di kampungku
Bajau, dusun, suluk, cina dan pelbagai bangsa
Hidup rukun bersama-sama
Hidup aman damai dengan pelbagai warna-warni budaya
Menyanjung dan meraihkan budaya sesama
Kesantunan, adab dan adat menjadi landasan kehidupan

Pelbagai jenis tarian, makanan, cerita dipersembahkan
Setiap ragam budaya menyerlahkan pesona keunikan
Setiap cerita lisan menyajikan hiburan dan pengajaran
Setiap wujud budaya kebendaan memaparkan falsafah ilmu
Itulah nikmat kebahagiaan yang dirasai tanpa batasan

Setiap keunikan budaya mengukir senyuman bahagia
Diraihkan dengan rasa syukur dan perasaan gembira
Setiap nostalgia takkan pernah terlupa
Menjadi warisan anak bangsa

Ikatan perpaduan terus dipereratkan
Nilai murni dikongsikan menjadi pedoman
Kesejahteraan terus dipertahankan
Generasi penerus sentiasa gembira dan berbangga
Hidup dalam aman damai dan sentosa
Dalam pelbagai warna-warni citra budaya

SAJAK WATAN MADANI
Oleh: Muhammad Ariff bin Badrudin

Hidup bersama aneka warna
Berdekad generasi tempuh suka duka
Namun polemik picisan membibit rasa
Pecah belah inti bicara
Emosi terpancing dek durjana
Tangkis kita bertindak bijaksana.

Mari membangun watan berbudi
Teguh bersatu berbaju ihsan berhati insani
Berbilang kaum saling mengerti
Berbahasa Melayu kala interaksi
Meluas bicara ilmu dan urusan rasmi.

Hormat berbudi walau siapa
Perjuangan dulu kala usahlah alpa
Ikatan perpaduan telah dibina
Hentilah merobek dengan adu domba
Ayuh berganding bahu majukan negara.

Malaysia MADANI konsep bersama
Nilai hidup meresap setiap bangsa
Hidup harmoni damainya nuansa
Aman permai negara tercinta.

KARYA PERTANDINGAN PENULISAN PUISI YANG TERPILIH

SAJAK

Kategori Remaja

SEMPENA
PROGRAM SANGGAR PUISI PERPADUAN 2024:
PERPADUAN DIRAI,BAHASA DISANTUNI

SAJAK ALAM DAMAI
Oleh: Muhammad Shakirin bin Mohd Shaffiee

Pelangi bersinar indah,
Warna-warna berbeza, namun tetap kukuh,
Melayu, Cina, India dan beribu-ribu lagi bangsa,
Bersama kita berdiri, satu jiwa, satu bangsa.

Walaupun bahasa kita mungkin berbeza nada,
Namun hati nurani kita bicara serupa,
Tentang harapan, impian, dan juga cita,
Untuk melihat Malaysiaku tercinta terus berjaya.

Dalam senyum dan tawa yang dikongsi bersama,
Tiada batas yang boleh memisah rasa,
Tidak kira di bandar atau desa,
Semangat perpaduan yang menyala sentiasa.

Adat, budaya dan kepercayaan,
Itulah tiang rumah persahabatan,
Tiada tempat bagi kebencian serta perpecahan,
Kerana sayang kepada tanah air menjadi satu pegangan.

Bersama menghulurkan tangan untuk membina jambatan,
Antara lompong jurang yang dahulunya terpisah,
Bersama kasih, kita mencurah harapan,
Perpaduan ini kekal kukuh tidak punah.

Wahai bangsaku ,bangkitlah dan terus berjaga,
Memperkukuh harmoni yang sudah kita bina,
Disinilah, di bumi ini,
Terlahirnya satu keluarga, bersama sehingga ke akhir nanti.

SAJAK BAHASA KEBANGSAAN BAHASA PERPADUAN
Oleh: Wahidurafie bin Jafar

Suatu ketika dahulu
Negara merdeka ini lahir dari perjuangan warga bangsa yang berbeza
Berdiri sama naik dan duduk sama rendah dalam menuntut merdeka
Bersatu hati ingin bebas dari cengkaman penjajah durjana
Membutakan mata dan mengunci kata dalam melihat perbezaan agama dan bangsa
Sanggup berbicara dengan menggunakan bahasa yang sama
Namun begitu
Ada yang tidak senang dengan keharmonian ini
Mereka pada ketika itu telah mula menyucuk racun perpecahan negara
Mereka ingin negara pasca merdeka ini berantakan masyarakatnya
Kerana mereka percaya tidak wajar hanya ekabahasa yang wajar dipertuturkan
Waima
Dengan rencam warna kulit pelbagai tona
Dengan kepercayaan rohani yang berlaianan
Dengan jati diri yang tidak sama
Sebenarnya boleh disatukan dengan satu bahasa
Yang namanya bahasa kebangsaan

Lihatlah negara-negara maju di seluruh dunia
Mereka mempunyai rakyat yang berbeza bangsa
Namun mampu bersatu dan hidup bahagia
Kerana mereka bersatu dengan penggunaan bahasa yang sama
Yakinlah
Stabilnya politik sesebuah negara
Majunya ekonomi sesebuah negara
Harmoninya sosial sesebuah negara
Disebabkan mereka menggunakan satu bahasa yang sama
Maka, marilah warganegara semua
Gunakanlah bahasa kebangsaan kita di mana sahaja
Berbanggalah dengan bahasa kebangsaan kita
Kerana bahasa merupakan alat perpaduan masyarakat kita

SAJAK BAHTERA PERPADUAN
Oleh: Nik Farah Edayu binti Nik Sin

Di tanah bertuah ini, berpadu hati,
Melayu, Cina, India, satu serasi,
Laksana warna-warni budaya yang abadi,
Perpaduan jadi tonggak berdiri.

Dari sawah hingga ke kota,
Laut biru hingga ke puncak gunung perkasa,
Kita berpadu, tangan berpautan,
Membangun bersama, termeterai impian.

Tiada jurang, tiada sempadan,
Dalam perpaduan, kita temukan kekuatan,
Selamanya Malaysia, kukuh bersama,
Dalam jiwa, perpaduan sentiasa membara.

Seirama, satu destinasi,
Fajar gemilang untuk semua generasi,
Dengan perpaduan, kita berkuasa,
Malaysia maju, aman sentiasa.

Hormat-menghormati, kasih yang murni,
Bersama kita bangun berdiri,
Perpaduan itu janji hakiki,
Untuk tanah air yang dicintai.

SAJAK BANGSA YANG BERJIWA SATU
Oleh: Siti Sarah Binti Dzulkifli

Air tenang reaksi tasik permai,
Bayu menghembus di lembah terbuka,
Rindu pada tanah air tercinta,
Menyatu segala yang berbeza.

Alam ini menyaksi banyak perkara,
Di bawah langit luas terbentang,
Kita berdiri teguh berpadu,
Walau berbeza serasa yang satu.

Sejarah bangsa terciptalah ia,
Dengan darah air mata dan keringat,
Melayu, Cina, India menjadi bersaudara,
Menjulang tinggi panji keramat.

Bahasa jiwa adat budaya,
Menjadi benih perpaduan suci,
Di mana pun langkah dibawa,
Bersama kita membina harmoni.

Bukit tinggi dan lurah yang dalam,
Tidak memisah hati yang ikhlas,
Secebis kasih, serumpun cinta,
Tumbuh subur bagai bunga mekar.

Bersulam indah dalam warna bangsa,
Kita berlayar di lautan sejarah,
Satu nadi satu semangat,
Mencorak masa depan gemilang.

Mari kita genggam erat tangan,
Jangan dilepas jangan terurai,
Perpaduan kita tiang negara,
Dalam satu rasa kita bersatu.

Di bawah cahaya mentari pagi,
Malaysia gemilang terus berdiri,
Rakyatnya bersatu hatinya tulus,
Mewarisi kemuliaan bangsa yang luhur.

SAJAK BAYU TIMUR
Oleh: Diya Ikhlas Ayrisha binti Sharrul Rizal

Bayu timur, membawa pesan,
Angin datang dengan harapan,
Yang dulu berbeza, kini satu tujuan,
Umpama alam, tenang tanpa halangan.

Teman perjalanan jauh, tidak lagi asing,
Impi keindahan dalam sanding persaudaraan,
Menyulam, menjahit impian terpaut,
Ungkapkan damai sebalik langit biru memaut,
Rantai kasih tersimpul erat.

Awan barat menyaksikan janji setia,
Warna hidup berbeza namun mesra,
Arah mana pun kita lihat tetap bersahaja,
Nantikan masa hadapan cerah bersama.

Bersama bayu dan awan berpadu di ufuk,
Akhirnya kita bertemu di titik yang kukuh,
Rintik hujan takkan mampu meruntuhkan teguh,
Angin perpaduan kini bertiup syahdu,
Tanah air tercinta bersatu padu.

SAJAK BERJAGA-JAGALAH
Oleh: Alex Peter

Dari Kayang hingga Kenyalang,
Satu identiti, satu persamaan,
Satu kata, satu bendera,
Namun izin aku menganggu tenang,
Saudari-saudara, warga perpaduan.

Betulkah,
Diingatkan hanya sekali setiap tahun,
Solidariti itu diseru, biar bergendang,
Apabila datang waktu bulan kebangsaan?

Aduhai!
Bagaimana nasib kita ini,
Apakah perpaduan hanya wujud di mulut,
Sedangkan setiap isi hati kita dirobek prasangka?

Berjaga-jagalah!
Warga Madani, bangkitlah kita dari tidur dan mimpi ini,
Perjuangan perpaduan bukan sekadar seri slogan di kertas,
Namun binalah dengan usaha, kekal dalam keringat dan doa,
Demi bumi Malaysia Madani ini, demi generasi kita mendatang.

SAJAK BERSATU HATI MASYARAKAT MAJMUK
Oleh: Nur Afrina Syazwani binti Mohamad Syahril

Masyarakat di Malaysia penuh warna,
Melayu, Cina dan India,
Tidak kira berlainan bangsa,
Tetap hidup bersama,
Di atas tanah air tercinta.

Hubungan yang sali menjadi perisai,
Perisai kepada pertelingkahan,
Perisai kepada pergaduhan,
Hubungan yang erat yang tidak pukah,
Terus bersama penaka mega,
Atma yang teguh,
Harmoni kehidupan sejagat.

Perayaan yang penuh riang,
Hari raya penuh pancawarna,
Sambutan meriah padanan setiap bangsa,
Seperti bianglala di tanah,
Penuh kegembiraan bersama,
Saling bersuka cita,
Nikmat harmoni kepada negara.

Masyarakat saling berbantu,
Tidak kira tua atau muda,
Seperti saudara rapat,
Walapun hidup berjauhan,
Saudara di utara, selatan,
Mahupun timur dan barat,
Tetap kekal hubungan perpaduan,
Perpaduan pegangan hidupan.

SAJAK BERSATU TEGUH
Oleh: Mohd Syazwan bin Sidil

Di meja kita, warna-warni bertemu,
Nasi berlemak, sambal pedas, harum wangi,
Roti canai, kuah dhal, satu langkah baru,
Tradisi bercampur, selera tak terperi.

Di bawah langit, berbeza ibadah,
Satu tujuan, menggapai rahmat,
Doa yang tulus, satu suara,
Mengukuhkan kasih, tiada terputus.

Di timur dan barat, selatan dan utara,
Semua jalur bertemu di tengah rasa,
Bahasa yang berbeza, namun hati serupa,
Mencari kedamaian, membina bahtera.

Air sungai mengalir tanpa batas,
Bagai perpaduan yang tiada putus,
Melayu, Cina, India dan semua,
Menjalin kasih atas dasar percaya.

Di tanah kita, pelbagai warna bercahaya,
Tradisi berbeza, namun satu jiwa,
Tarian melayu, berirama indah,
Seni cina, lukisan kisah yang agung.

SAJAK CINTA TANAH AIR MENYATUKAN KITA
Oleh: Hendrick Voon Qing Fatt

Dalam tanah air yang aman damai,
Malaysia tercinta, negara yang harmoni,
Pelbagai bangsa, budaya, dan agama,
Bersatu padu, eratkan ikatan sejati.

Walau berbeza warna dan bahasa,
Kita sehati, kita sejiwa,
Semangat perpaduan jadi teras utama,
Mengukuh negara, membina bangsa.

Melangkah bersama dalam satu barisan,
Mengharungi cabaran penuh keazaman,
Tidak kira Melayu, Cina atau India,
Kita semua anak Malaysia tercinta.

Perpaduan itu tiada penghalang,
Menghubung jiwa, merentas sempadan,
Marilah kita terus bersama,
Membangun negara penuh gemilang.

Di setiap senyum dan tawa mesra,
Terpancar nilai kasih sayang,
Malaysia kita kukuh bersatu,
Selamanya teguh, selama-lamanya gemilang.

SAJAK CITRA MERDEKA
Oleh: Putra Asraff bin Anuar

Negaraku Malaysia,
Sejak sekian lamanya,
Kita merajut kisah penuh kontra,
Bersama mencari kesatuan yang sirna,
Demi menyambung warisan bumi bertuah.

Dalam riuh kelahi yang menyerbu,
Kita berdiri di bawah langit yang sama,
Mengelak sengketa dan polemik,
Mengukir cerita kohesi yang abadi.

Bumi Malaysia ini milik bersama,
Tempat jatuh bangun anak watan,
Bangsanya beraneka warna dan citra,
Budayanya kaya lagi berharga,
Menjadi penerus setiap generasi.

Lihatlah, laut memeluk pantai,
Gunung bersandar megah pada awan,
Seperti itulah kita berdiri,
Bersama teguh, berakar kukuh.

Biar ribut datang, biar gelombang menghempas,
Harmoni ini kita pelihara tanpa batas,
Kerana Malaysia, tempat kita berteduh,
Adalah milik semua, tanpa keluh kesah.

Di tiap nafiri yang meniup semangat,
Kita bersumpah, tiada yang terpisah,
Kerana dalam denyut nadi merdeka,
Tertanam utuh, cinta dan perpaduan.

SAJAK DALAM PELUKAN PERPADUAN
Oleh: Nur Afrina binti Ismi

Bumiku negara Malaysia,
Pelbagai warna, budaya dan agama,
Bersatulah bangsaku,
Kita teguh bersama.

Bumi bertuah, tanah tercinta,
Beraneka suku, seribu bahasa,
Damai harmoni, kita hidup bersama,
Perpaduan nan indah, tiada antara.

Seperti pelangi selepas hujan,
Cantik bersinar, menyentuh naluri jiwa,
Tumpahnya darahku demi merdeka,
Mencipta kesejahteraan, aman selamanya.

Bangkitlah wahai anak watan!
Sesungguhnya onak berduri terasa sakitnya,
Bersama kita tempuhi cabaran,
nikmat bahagia tiada lelahnya.

Ingatlah!
Satu suara, satu harapan,
Jalinan erat, takkan terpisah,
Kerna perpaduan ini kekuatan kita.

SAJAK DALAM SATU SUARA
Oleh: Andrian anak Jeffery

Di bawah sinar mentari pagi,
Beraneka wajah, beraneka warna,
Kita bersama melangkah seiring,
Membina jembatan antara kita.

Di sini tiada batas, tiada sempadan,
Satu hati, satu cita,
Bersatu padu dalam perbedaan,
Menggapai impian, mencipta cerita.

Pelbagai budaya, bahasa dan adat,
Menjadi khazanah yang indah,
Dalam perpaduan, kita erat,
Mengukir sejarah, menyulam bahagia.

Kita beranikan suara,
Menegakkan keadilan dan hak,
Mendengarkan rintih, meraikan suka,
Satu langkah ke arah yang tepat.

Semua berperanan, semua berharga,
Walau kecil, tetap berkesan,
Perpaduan kita jadi asa,
Mewujudkan negara yang sejahtera.

Mari bersama, kita bina harapan,
Dengan kasih, dengan keikhlasan,
Bersatu kita, tiada keraguan,
Dalam satu suara, kita wujudkan.

SAJAK DI BAWAH KIBARAN JALUR GEMILANG
Oleh: Aliff Hiqmal bin Bazlan

Dalam dada ini, ada sebutir harapan,
Menyala bagai api yang takkan padam,
Jalur Gemilang berkibar megah,
Menyatukan setiap jiwa yang terpisah.

Dulu kita terjajah,
Terlekat di lembah gelita,
Namun perpaduan adalah lentera,
Yang membawa kita ke puncak merdeka.

Dengarlah!
Jeritan tanah ini memanggil,
Mengajak kita bangkit dari lena,
Menggalas tanggungjawab,
Memahat perpaduan di dada bangsa.

Usah kita bersengketa,
Kerana darah yang mengalir dalam tubuh ini,
Adalah darah perjuangan,
Darah yang sama, darah yang setia,
Mengalir untuk tanah air,
Mengalir untuk masa depan anak cucu kita.

Wahai Malaysia!
Di bawah kibaran bendera ini,
Kita bersatu hati,
Bersama memahat sejarah,
Mengukir masa depan gemilang,
Dengan perpaduan yang teguh, tiada terbelah.

SAJAK DI BAWAH LANGIT PERPADUAN
Oleh: Nur Saleha binti Razak

Di bawah langit biru yang sama,
Kita menapak langkah seiring,
Berpegang tangan, hati bersatu,
Dalam cahaya kasih yang tak bertepi.

Warna-warna berbeza berharmoni,
Seperti pelangi setelah hujan,
Setiap nada, setiap irama,
Membentuk melodi perpaduan.

Di tengah badai, kita bertahan,
Bersama menghadapi segala rintangan,
Dalam pelukan persahabatan,
Kita ukir sejarah yang gemilang.

Semangat perpaduan tidak akan pudar,
Biar badai datang menguji,
Kita adalah satu, takkan terpisah,
Dalam jalinan cinta dan pengertian.

Marilah kita ciptakan dunia,
Di mana tiada lagi jurang pemisah,
Dengan hati terbuka, kita melangkah,
Menuju harapan yang lebih indah.

SAJAK DI BAWAH LANGIT YANG SAMA
Oleh: Yeah Cheng Lim

Di bawah langit yang biru terbentang,
Kita melangkah bersama, seiring pandang,
Melayu, Cina, India dan yang lain,
Satu jiwa, berpegangan tangan.

Pelangi hadir setelah hujan,
Seperti kita, dari perbezaan lahir kesatuan,
Biar adat tak serupa wajah,
Namun kasih dan hormat sentiasa indah.

Berjalan bersama meniti hari,
Mengisi masa dengan janji harmoni,
Berbeza bahasa bukan halangan,
Kerana hati kita penuh harapan.

Saat susah datang menguji,
Tiada siapa dibiarkan sendiri,
Bahu-membahu tanpa ragu,
Menyulam perpaduan tanpa jemu.

Anak-anak kecil berlari riang,
Bermain tanpa beza atau bimbang,
Mereka belajar dari kita semua,
Bahawa kasih sayang tak kenal warna.

Di bumi Malaysia, tanah bertuah,
Kita bina bangsa tanpa lelah,
Kerana di bawah langit yang sama ini,
Kitalah satu – perpaduan abadi.

SAJAK DI BAWAH LANGIT YANG SATU
Oleh: Aqilah Aliah binti Amran

Di bawah langit yang satu,
Kita berdiri, tangan bersatu,
Dari desa, kota, ke samudera biru,
Tiada warna yang memisah waktu.

Berbeza bahasa, adat, dan rupa,
Namun hati kita saling berjumpa,
Dalam nada yang harmoni,
Menyulam kasih tak terperi.

Dari timur, barat, utara, selatan,
Kita melangkah, teguh berpadu,
Menjunjung tinggi maruah watan,
Dalam titis peluh yang tak jemu.

Laut dan darat, bukit dan lembah,
Segala rintangan bersama diredah,
Saling bantu, saling mengerti,
Perpaduan ini tiada pengganti.

Tiada lagi ruang untuk sengketa,
Kerana amanah yang kita pegang,
Satu nusa, satu bangsa,
Ke puncak jaya kita berjuang.

Dalam janji yang terikat rapi,
Takkan goyah walau diuji,
Perpaduan ini, lambang abadi,
Menjadi pusaka, warisan generasi

Di bawah langit yang satu,
Tiada yang lemah, tiada yang bisu,
Kita laungkan, kita sampaikan,
Perpaduan itu kekuatan insan.

SAJAK GENERASI MADANI GENERASI BERBILANG KAUM
Oleh: Sherly Erlyna Jaisim

Generasi Madani generasi gemilang
Hidup harmoni dalam masyarakat
Cina, Melayu dan India
Menjalin persahabatan melalui pendidikan

Generasi cemerlang itulah generasi Madani
Hidup berbilang kaum saling menghargai
Pelbagai budaya dalam masyarakat
Mengelakkan perpecahan antara kaum

Generasi Madani hidup berganding bahu
Demi negara yang tercinta
Sanggup berkorban mempertahankan tanah air
Walau ada perbezaan dalam masyarakat

Sukan memupuk perpaduan masyarakat
Menjadi erat dan saling bekerjasama
Demi pasukan yang disokong
Meningkatkan semangat dalam kesukanan

Masyarakat kini saling memahami
Menghormati kepercayaan antara kaum
Menjadi akrab antara satu sama lain
Mewujudkan kedamaian serta kemakmuran

SAJAK HARGA SEBUAH PERPADUAN
Oleh: Nur Syafiqah binti Mohd Paris

Di tanah nenek moyang ini
Kita berganding bahu berdiri teguh
Memelihara sepenuh hati
Dengan rasa cinta yang utuh

Walau warna kulit tak serupa
Walau anuti agama berbeza
Kita bernaung di bawah langit yang sama
Kita berikrar dengan lima rukun setia

Perpaduan itu
Tidak terbina dengan retorik semata
Tidak terhasil dengan pekikan suara
Tidak terlahir dengan lolongan penguasa

Perpaduan itu
Terbina daripada semangat setiakawan
Terhasil daripada sebuah pengorbanan
Terlahir daripada tetesan darah perjuangan

Hapuskan politik kebencian
Semaikan benih perpaduan
Rungkaikan tali persengketaan
Sambungkan perca kemesraan

Perkukuhkan maruah
Perkuatkan jati diri
Usah biarkan tragedi berdarah
Berulang kesekian kali

Tiada harga yang boleh dibayar
Untuk sebuah negara merdeka
Tiada darah yang boleh ditukar
Untuk rakyat berjiwa setia

SAJAK HARMONI DALAM CITRA KEMAJUAN
Oleh: Athikah binti Arzahar

Di bumi ini, di bawah langit biru,
Terukir cerita bangsa yang pelbagai,
Melayu, Cina, India dan yang lain,
Hidup seiring dalam rentak damai,
Mencipta harmoni tak ternilai.

Kita bina kota dari besi dan kaca,
Namun jiwa kita, berpaut pada akar,
Budaya indah yang diwarisi lama,
Tetap utuh meski zaman berubah,
Dalam irama kemajuan, kita tak goyah.

Seni tari yang berbeza lenggoknya,
Bahasa yang pelbagai intonasinya,
Namun nada perpaduan tetap serasi,
Bergema di setiap ruang dan waktu,
Menyulam kasih dalam satu bangsa.

Teknologi mungkin memisah jauh,
Namun kita terhubung dengan kasih sejati,
Seperti tenunan kain yang berwarna-warni,
Kita kuat kerana pelbagai,
Bersama melangkah, melakar masa depan.

Layar digital menyambut mentari,
Cahaya ilmu memandu hari,
Namun jangan kita lupa,
Pada tangan yang berjabat mesra,
Pada senyuman yang menyatukan jiwa.

Di sinilah kita, anak bangsa Malaysia,
Yang harmoni dalam kepelbagaian,
Berdiri teguh, menghadapi dunia,
Dengan budaya yang kita sayangi,
Dengan teknologi yang kita kendali.

Perpaduan ini bukan sekadar impian,
Ia adalah jiwa yang hidup dalam setiap insan,
Bersama kita menulis sejarah,
Dalam satu buku, satu tinta,
Bangsa Malaysia yang kekal sejahtera.

SAJAK HARMONI DALAM KEPELBAGAIAN
Oleh: Veronica Telen

Di bumi yang luas terbentang,
Pelbagai warna, budaya, bahasa terjalin,
Kita bersatu di bawah langit yang sama,
Dalam rentak hidup yang saling mengerti.

Bunga-bunga bangsa mekar serentak,
Dalam taman indah perpaduan,
Setiap kelopak, setiap warna,
Menyumbang seri, menghias dunia.

Tiada lagi perbezaan menghalang,
Hati kita selari dalam getaran,
Dari hujung timur ke barat yang jauh,
Kita saling mendakap, erat dalam aman.

Kepelbagaian ini adalah kekuatan,
Setiap jiwa membawa irama tersendiri,
Namun harmoni tetap terpelihara,
Kerana kasih dan hormat mengiringi.

Hidup kita dalam kepelbagaian,
Bukan halangan, tapi anugerah,
Dalam segala beza, kita bersatu,
Menjulang damai, perpaduan takkan layu.

SAJAK HARMONI DALAM PERPADUAN
Oleh: Vesne Robby anak Chabok

Dalam naungan langit yang cerah,
Beraneka warna, tetapi satu jiwa,
Setiap langkah kita penuh harapan,
Perpaduan, kekuatan yang nyata.

Pelbagai budaya, adat yang berbeza,
Namun cita rasa serupa di hati,
Kita rangkaikan persahabatan mesra,
Mewujudkan kedamaian abadi.

Bersama-sama kita melangkah,
Menghadapi cabaran, bersama berjuang,
Di dalam perbezaan, kita temukan,
Kekuatan yang takkan pernah hilang.

Jalinan kasih, semangat berani,
Membina bangsa yang bersatu,
Di sini kita bersatu hati,
Menggapai impian, melangkah maju.

Tiada perpecahan, hanya kesepakatan,
Di atas pelangi, kita berdiri,
Mencipta dunia tanpa batasan,
Di dalam perpaduan, kita berkeyakinan.

Mari kita teruskan perjuangan,
Satu suara, satu destinasi,
Di dalam perpaduan, kita temukan,
Keindahan hidup, saling menghargai.

SAJAK HARMONI DI BUMI MALAYSIA
Oleh: Chai Jun Kit

Di bawah langit biru yang terbentang,
Kita berdiri teguh, tangan bersulam,
Pelbagai bangsa, satu tujuan,
Membina negara, hidup penuh impian.

Di desa dan kota, suara berpadu,
Tawa dan tangis dikongsi bersama,
Tiada dinding yang memisah jiwa,
Kita erat seperti keluarga.

Pelbagai warna, satu harmoni,
Mengalir di nadi anak pertiwi,
Bahasa dan budaya menjadi serasi,
Menghidupkan kasih, menyemai bakti.

Seperti pelangi menghiasi langit,
Berbeza namun cantik dilihat,
Begitulah kita dalam perpaduan,
Mencipta kedamaian penuh keindahan.

Mari genggam erat, jangan terlepas,
Jangan biar retak hubungan emas,
Kerana di sini, kita semua serupa,
Warga Malaysia, satu jiwa, satu rasa.

Inilah semangat, inilah cita,
Perpaduan kukuh, kekal selamanya,
Di tanah tumpah darah tercinta,
Kita bersatu, hingga ke akhirnya.

SAJAK HARMONI DI BUMI MERDEKA
Oleh: Angeline Kelly Peter

Kita datang dari berbeza cerita,
Latar dan kisah yang tiada sama,
Namun di sini, di tanah merdeka,
Hati kita berpadu, seirama.

Langkah beriringan, tangan bersatu,
Membangun esok yang lebih padu,
Tiada dendam, tiada sengketa,
Hanya cinta pada tanah yang tercinta.

Setiap bangsa membawa warna,
Mewarnai lukisan bangsa yang megah,
Dalam perpaduan kita temui sinar,
Menerangi jalan, membina ikrar.

Tidak kira bangsa, agama, atau bahasa,
Kita berdiri, satu keluarga,
Selamanya teguh, takkan tergugat,
Menjaga amanah, menjaga muafakat.

SAJAK HARMONI SENADA
Oleh: Nur Masitah binti Massuwari

Kita lahir dalam budaya berbeza,
Dengan lidah yang pelbagai bicara,
Namun di bawah langit yang sama,
Kita berkongsi satu rasa.

Biar warna kulit bersilang corak,
Dalam hati, cinta tak pernah retak,
Setiap langkah yang kita hayun,
Adalah melodi seiring ayunan.

Di saat langit memerah jingga,
Dan malam menjelang penuh cahaya,
Kita berdiri, teguh bersama,
Melihat dunia dalam harmoni jiwa.

Dalam kesulitan, kita genggam tangan,
Menggapai bintang di awan gemilang,
Tiada batas di antara jiwa,
Bersama kita harungi segala.

Jika angin ribut menggoncang jiwa,
Kita tetap kukuh bersama-sama,
Bahawa perpaduan adalah kunci,
Ke arah masa depan yang penuh janji.

Biarlah perbezaan menjadi rencah,
Menguatkan ikatan kasih yang indah,
Dan bersama, kita terus mara,
Ke puncak harapan dan cita-cita.

Di setiap senyum, ada pengertian,
Di setiap genggaman, terjalin ikatan,
Bersama kita membina tamadun,
Harmoni senada menjadi pedoman.

SAJAK HIDUP BERSATU PADU
Oleh: Mohd Khairul Idham bin Ali Said

Hidup bersatu demi negara,
Membangun bersama tanpa sengketa,
Jatuh bangun tetap bersama,
Setiap cabaran ditempuh dengan semangat,
Dalam kerjasama kita teguh,
Perpaduan kekal negara kukuh.

Ringan tangan saling membantu,
Dalam susah tetap bersatu,
Tiada beban yang terlalu berat,
Jika bersama akan menjadi ringan,
Tolong menolong rakyat bersatu,
Perpaduan kukuh negara aman.

Langkah diatur ke rumah saudara,
Kunjung mengunjungi adat berbakti,
Tanda hormat, tanda kasih terjalin,
Menjaga silaturahim dengan hati terbuka,
Setiap pertemuan menjadi kenangan,
Kebersamaan mekar perpaduan tercipta.

Berkongsi rezeki sesama jiran,
Tanpa mengharapkan apa-apa balasan,
Ilmu dan harta, tiada yang terbagi,
Sentiasa peduli dan tidak mementingkan diri,
Saling berkongsi amalan murni,
Mewujudkan harmoni perpaduan terjalin.

Rakyat hidup saling bertolak ansur,
Hidup bersama saling mengalah,
Walau berbeza budaya dan agama,
Toleransi bersama sentisa terjalin,
Dalam kesepakatan kita bersatu,
Perpaduan teguh dalam bertolak ansur.

SAJAK HIDUP DALAM KEBERSAMAAN
Oleh: Md. Aidid Rizian bin Mohd Rizal

Singgah – menyinggah adat berharga,
Bersopan-santun dengan tenang,
Salam disambut dengan senyuman,
Mesra berbual bersuka ria,
Hati berahi bermaaf-maafan,
Berpaut kasih hubungan erat.

Tiba asmara lembut menyapa,
Seperti angin membelai jiwa,
Hadir mesra tak berbatas,
Menghangatkan hati tanpa mencela.

Menghulur tangan saling berpautan,
Bagai aur dengan tebing,
Sentiasa ada di waktu yang tepat,
Memberi semangat dan juga harapan,
Bersama- sama hadapi rintangan.

Masyarakat lahir hidup serumpun,
Berbilang kaum, bangsa, dan agama,
Menjalin hubungan ikatan suci,
Menjalin ikatan yang harmoni
Mulia antara satu sama lain.

Junjung setiap saat yang ada,
Menikmat masa yang tak ternilai,
Dalam setiap kasih yang dijaga,
Temui makna hidup sejati,
Berharga seperti permata.

SAJAK HIDUP RAKYAT MALAYSIA
Oleh: Venney Petrus

Perpaduan
Mewujudkan kerharmonian kepada negara
Jika kita bersatu kita roboh
Sentiasa bersatu pasti teguh
Kita adalah manusia yang bersatu
Kita adalah insan yang berpadu
Bersama untuk membawa keamanan negara

Perpaduan
Melayu, Cina dan India saling bertolak ansur
Perselisihan faham telah dielakkan
Membawa kedamaian kepada negara
Agar negara tercinta kekal bersama
Merdeka membawa kemakmuran
Merdeka membawa kebahagiaan

Perpaduan
Tanda kepada hidup masyarakat yang harmoni
Kasih sayang keluarga dimuliakan
Kasih sayang sahabat dihargai
Masyarakat yang hidup berkasih sayang
Membawa kepada kemakmuran yang abadi

Perpaduan
Satu harapan, satu impian
Saling membantu tiada yang terkurang
Membantu sesama tiada yang ingkar
Perpaduan kita takkan pernah rapuh
Senang susah tetap bersama
Usaha yang tulus datang dari jiwa
Tolong menolong itulah bakti
Kepada diri serta negara

Perpaduan
Taat tanda setia kepada negara
Masyarakat bangun untuk negara
Ketaatan membawa kepada hidup yang mulia
Taat demi negara tercinta
Membangun demi negara kita Malaysia.

SAJAK IKATAN PERPADUAN
Oleh: Afdal Hazim bin Kamarul Azman

Malaysia bumiku Malaysia
Terserlah aman dan maju negaranya
Pelbagai rona budaya
Melayu, Cina, India hidup bersama
Berpegangan dengan rasa cinta yang sama
Seperti sejenis persahabatan yang tak terungkap
Biar tak sama budaya dan bahasanya
Dan mesranya perhubungan
Itulah yang dinamakan perpaduan

Perpaduan
Menjadi simbolik kekuatan negara
Jika bercerai kita roboh
Bersatu kita pasti teguh
Kita adalah insan sekelompok
Kita adalah insan satu gagasan
Gagasan satu Malaysia

Kerana perpaduan itu
Seperti sejenis syahdu yang bertiup lalu
Tidak tergapai jika tiada kesepakatan
Hanya dicapai dengan kesepaduan
Kerana perpaduan itu kelangsungan
dan perjuangan

SAJAK ISTIMEWANYA PERBEZAAN
Oleh: Ninie Syazwani binti Zamri

Malaysia,
Satu negara pelbagai rakyatnya
Memberi keselesaan hidup bersama
Walau berbeza asal usul
Negara ini kukuh menjadi negara merdeka
Semua rakyat berbahagia
Di bawah satu nama
Di bawah satu bendera

Malaysia,
Rakyat mu berbilang kaumnya
Rakyat mu pelbagai bangsanya
Dari pelbagai identiti
perpaduan mu tidak rapuh
Keamanan mu disanjung tinggi
Rakyat mu bersatu
Sehingga berpuluh tahun lamanya

Malaysia,
Nama yang menyatukan setiap bangsa
Walau ideologinya berbeza
Rakyat mu setia
Membawa nama mu terus maju
Membawa bersama tanpa jemu
Walau berbeza mereka tetap berjuang
Untuk mu Malaysia.

SAJAK JALINAN PERPADUAN
Oleh: Syamfakhrul Fitri bin Syamsul

Di hamparan bumi yang luas,
Pelangi warna-warni menggapai awan.
Merah, kuning, hijau, dan biru,
Bersatu dalam pelukan harmoni.

Setiap suku, setiap bangsa,
Menjalin cerita dalam simfoni,
Di pasar ramai, di jalanan,
Rasa beragam, suara indah.

Kita adalah embun pagi,
Bersinar lembut di dedaunan,
Berbagai bentuk, satu tujuan
Mencari kedamaian dalam kasih sayang.

Mari kita jalin kisah bersama,
Dengan tangan terbuka, hati tulus.

Menghargai perbedaan, merayakan persatuan,
Perpaduan kita, sumber inspirasi,
Cahaya yang takkan tersembunyi.

SAJAK JAMBATAN KASIH
Oleh: Sritharan a/l Agilan

Di antara kita ada jambatan,
Dibina dari kasih dan kepercayaan,
Tautan hati erat persaudaraan,
Di bumi Malaysia satu harapan.

Walau ada laut yang memisahkan,
Gunung tinggi atau jurang dalam,
Kita tetap bersatu bersama jalan,
Membina negara yang penuh ketenangan.

Bukan perbezaan yang menjadi batu,
Tapi keindahan kita saling menyatu,
Dalam bunga dalam bahasa,
Kita cipta kondisi yang teguh.

Hari demi hari kita menyulam,
Perpaduan yang takkan terpadam,
Di bawah sepanduk kebangsaan,
Bersama kita pertahan keamanan.

Jambatan ini terus teguh berdiri,
Menghubung jiwa menyatukan hati,
Biarpun badai datang meneka,
Kasih dan perpaduan tetap kekal selamanya.

SAJAK JANJI PADA TANAH AIR
Oleh: Aliff Hiqmal bin Bazlan

Langit biru menyapa pagi,
Membawa janji di atas tanah ini,
Di setiap langkah yang diatur,
Ada cita-cita yang mengikat,
Ada impian yang terbina.

Tiada lagi jurang pemisah,
Antara bangsa, antara benua,
Di sini, kita bersatu hati,
Memahat satu suara,
Di pentas dunia yang luas terbentang.

Pada tanah air ini,
Kita tabur benih perpaduan,
Dengan air mata, dengan titisan keringat,
Kerana kita percaya,
Perpaduan adalah akar,
Yang menyuburkan pohon bangsa.

Usah gentar, usah bimbang,
Kerana bersama kita kukuh,
Dalam pelukan perpaduan,
Kita akan bangkit,
Mendepani cabaran masa depan.

Wahai tanah air tercinta,
Kami berjanji, kami bersumpah,
Untuk memelihara, untuk menyatukan,
Di bawah naungan kasihmu,
Kita bersama, selamanya,
Menjadi bangsa yang tiada tara.

SAJAK JEJAK BERSAMA
Oleh: Nur Fathiyah binti Ismail

Di tengah badai menimpa,
Kita bersatu,
Menghadapi cabaran,
Tanpa gentar melangkah,
Satu visi, satu matlamat,
Demi menggapai impian
Dengan satu harapan.

Setiap cerita, membawa pelajaran,
Pengajaran dan pedoman.
Satu hati, satu tujuan,
Dalam perbezaan kita temukan,
Keindahan hidup, tak ternilai harganya.

Di akhir perjalanan dan
Langkah kita,
Memori itu sentiasa akan dikenang
Hingga akhir hayat.
Perpaduan ini sentiasa akan bersinar,
Dari pelbagai jejak,
Mengukir erat persaudaraan
Kita adalah satu,
Kita takkan terpisah.

SAJAK KEBAHAGIAAN DI HAMPARAN PERPADUAN
Oleh: Nurul Balqis AsSofea binti Mohd Jumat

Sederap langkah menuju harapan
Terdengar angin berbisik
Lembut dan mendayu
Titisan keringat adalah saksi
Liku dan tikungan kehidupan
Setiap halangan itulah kekuatan
Menjadi pedoman dalam komuniti
Mengharungi cabaran perbezaan
Demi menggapai impian setinggi awan
Kulangitkan doa
Agar mampu
Buih kupintal menjadi hamparan kebahagiaan
Mimpi yang hanya angan-angan
Menjadi kenyataan

Meski berbeza adat dan budaya
Meski berlainan bangsa dan agama
Meski warna kulit tidak sama
Umpama darjat langit dan bumi
Perbezaan ini menjadikan perpaduan
Lebih bermakna

Tanpa bulan dan bintang yang bergantungan di langit malam
Cahayanya menerangi kesuraman
Yang saling melengkapi
Serta memahami dan menghargai
Menjadi sempurna
Dalam mencapai satu matlamat
Keamanan dan kesejahteraan
Milik kita bersama

SAJAK KEJAYAAN DI SEBALIK SEJARAH HITAM
Oleh: Nur Maisarah binti Abdul Khalid

Selangkah demi selangkah,
Terus menusuri dunia tanpa sengketa,
Di atas tanah yang sama,
Di bawah langit yang sama,
Walau berbeza bangsa dan agama,
Hati kita tetap berkobar
Di bawah bendera yang sama.

Namun
Peristiwa 13 Mei menjadi saksi
Tumpahan darah di bumi ini
Telah memahat parut hitam
Parut yang dalam di hati semua
Mahupun begitu jangan kita lalai,
Jangan biarkan sejarah hitam itu berulang,
Biarkan ia menjadi pedoman.

Mari
Kita buktikan bersama,
Kita bangkit demi negara,
Berpayungkan paduan pelbagai bangsa,
Berbekalkan keringat dan doa,
Melangkah kita maju ke depan,
Mencipta satu bangsa, satu negara.

SAJAK KEKUATAN BERSAMA
Oleh: Cik Muhammad Alif Haizam bin Cik Mazdi

Di sini
Di tanah yang bersejarah ini
Jiwa bangsa mula menari dalam irama
Mengisi ruang kekosongan
Seperti bayu memeluk ombak yang berlari
Melakar kisah hidup yang harmoni

Perpaduan adalah akar
Menyuburkan pepohon bangsa
Meskipun tumbuh dahan berbeza
Namun mencengkam tanah yang sama
Dalam kekentalan kita bersatu
Bagai isi dengan kuku

Dalam setiap detik, ada cerita
Dalam setiap cerita, ada kita
Janganlah dek kerana alpa,
Keutuhan perpaduan mulai memudar
Teruskan bersatu, eratkan perpaduan
Demi mencapai kemajuan dalam kehidupan

SAJAK PERPADUAN TONGGAK KEDAULATAN
Oleh: Cik Muhammad Alif Haizam bin Cik Mazdi

Dengarlah
Di sini tanah kita berakar
Lahir benih jiwa yang tegar
Perpaduan menjadi baja utama
Saling tumbuh menegakkan kedaulatan negara

Dengarlah
Perpaduan adalah tonggak yang kukuh
Walau badai menggoncang dunia
Berpautlah kita pada janji setia
Menjulang tinggi semangat perpaduan
Sebagai satu lambang kedaulatan

Dengarlah
Satu langkah, satu suara
Bersatu hati di bawah panji yang sama
Dalam perbezaan, harmoni tercipta
Dalam persamaan, kekuatan bergelora
Membangun bangsa dengan cita dan cinta

Dengarlah
Kita pertahankan maruah dan hak
Demi generasi yang bakal kunjung tiba
Berpegang teguhlah kita
Semarakkan perpaduan dijiwa
Sebagai sebuah mercu tanda kebanggaan kita

SAJAK KESATUAN MEREKA YANG BERBEZA
Oleh: Nur Sabirah Binti Suhaimi

Hadirnya mereka pelbagai rupa,
Hadirnya mereka pelbagai norma,
Hadirnya mereka pelbagai bahasa,
Hadirnya mereka pelbagai percaya.

Dihimpunkan dalam satu singgahsana,
Diberikan kertas putih dan sebatang pena,
Ditetapkan tujuan dan tema,
Diarahkan hasil yang memesona.

Mereka yang berbeza,
Merangka reka bentuk yang berbeza,
Menentukan susunan gambar yang berbeza,
Memilih warna-warni yang berbeza,
Menetapkan hasil lukisan yang berbeza.

Namun,
Apabila hasilnya disatukan,
Adakah apa yang dimanifestasikan itu berbeza?
Tidak.
Adakah apa yang diciptakan itu berbeza?
Tidak.
Adakah apa yang diwujudkan itu berbeza?
Tidak.

Kerana,
Hasil itu masih menepati temanya.
Produk itu masih mencirikan temanya.
Ciptaan itu masih melengkapi prinsipnya.

Lukisan itu,
Masih dikumpulkan.
Menjadi,
Kesatuan mereka yang berbeza.

SAJAK KUMPULAN SUARA PERPADUAN
Oleh: Wahidurafie bin Jafar

Hari ini, Suara-suara perpecahan begitu lantang mengeluarkan pendapatnya
Melaung dan melalak tidak mengenal pagi dan petang
Menyuarakan hasrat dan impian di hati
Ingin menggapai cita-cita kendiri
Sehingga sanggup mengklasifikasikan masyarakat
Kepada puak-puak tertentu
Di manakah suara perpaduan?
Yang seharusnya lebih lantang dan lebih kuat laungannya
Menyatakan kepentingan perpaduan
Kepada masyarakat berbilang bangsa
Kerana setiap dari kita merupakan adiwira negara
Bangkitlah wahai suara perpaduan
Sedarkanlah masyarakat berlainan warna dan agama
Supaya bersatu hati dan jiwa
Jangan terhasut dengan suara-suara yang kononnya menegakkan hak
Tapi pada akhirnya mereka yang bergembira
Tapi masyarakat kita yang sangsara
Belajarlah dari kesilapan silam
Akibat tunduk dengan suara perpecahan
Akhirnya kita menjadi hamba penjajah
Wahai adiwira patriotik negara
Sertailah kumpulan suara perpaduan
Sebarkanlah kefahaman dan kesedaran pada manusia sejagat
Terangkanlah definisi perpaduan yang sebenar
Agar negara kita terus kekal berdaulat dan merdeka

SAJAK LAUNGAN KERAMAT
Oleh: Qaseh Dania binti Mahafiz

Laungan keramat itu kedengaran lagi
Namun
Kali ini sahutannya agak sepi
Ke manakah mereka pergi
Mereka yang selama ini gigih menanti
Mereka yang selama ini tetap teguh berdiri
Mereka yang selama ini cintakan pertiwi.

Bagaimana
Cinta dan kasih dapat bersemi
Andai akarnya tidak kita bajai
Apa yang ditelan saban hari
Hanya tohmahan dan juga caci
Segala hinaan yang diberi
Umpama racun merosak pertiwi.

Bangunlah wahai anak bangsaku
Bersama kita bersatu hati
Janganlah agama kita persendakan
Janganlah perbezaan kita bahaskan
Walau pelbagai bangsa yang lahir dalam negara merdeka
Bersatulah bersama
Marilah kekalkan perpaduan yang ada.

Laungan keramat kedengaran lagi
Cuma kali ini ia tidak lagi sepi
Ada sahutan di sana sini
Semoga keindahan ini kekal abadi
Semoga bahagia tetap menanti.

SAJAK LEMBAGA PERPADUAN
Oleh: Meor Aiman Iswanddy bin Asmadi

Perpaduan,
Ungkapan berpisah tiada,
Tidak mengira bangsa atau agama,
Tanggungjawab kita sentiasa,
Dilaksana sentiasa, kamu ku jaga juga,
Hati selamat hidup tenteram.

Perpaduan,
Dari utara ke selatan,
Dari timur ke pantai barat,
Tangan dihulur tanpa mengira bangsa,
Hidup bersama erat perpaduan.

Perpaduan,
Umpama adik-beradik,
Hubungan akrab berpisah tiada,
Cubit paha kiri paha kanan terasa juga,
Saat getir segera membantu,
Masalah ditangani bersama-sama,
Itulah seerti perpaduan.

Perpaduan,
Selamanya kita berpadu suara,
Mencipta harapan, mengejar cita,
Demi Malaysia tercinta,
Perpaduan kita bawa selamanya.

SAJAK LESTARI WARNA PERPADUAN
Oleh: Siti Nurbaya binti Arifin

Di tanah ini kita berdiri,
Pelbagai bangsa, pelbagai diri,
Dari utara ke selatan,
Semua disatukan dalam aman.

Biar berbeza adat dan budaya,
Jiwa kita tetap satu, serupa,
Di bawah langit yang sama membiru,
Harapan tumbuh subur, tak pernah layu.

Bahasa berbeza bukan pemisah,
Rasa hormat menjadi penyudah,
Setiap tangan dihulur mesra,
Membina jalinan tanpa kira.

Di sawah, di bandar, di gunung tinggi,
Keringat dititip, bersama gigih berdiri,
Tak perlu lagi ragu-ragu,
Perpaduan erat, teguh diseru.

Pelangi di langit mengajarkan,
Setiap warna punya keindahan,
Bila bersatu, mencipta pesona,
Mengukir cerita cinta bangsa.

Dalam kebersamaan kita bertapak,
Meniti jalan hidup penuh jejak,
Tiada yang tertinggal, tiada yang sunyi,
Semua bangkit, semua berdiri.

Warna kulit hanya di luar,
Namun hati bersatu padu berikrar,
Menghulur salam, mengukir senyum,
Inilah perpaduan, harmoni terhimpun.

Dalam dada penuh cinta,
Untuk tanah air kita semua,
Kita bersatu, selamanya teguh,
Mewarna bumi Malaysia yang kukuh.

SAJAK MADAH BANGSA
Oleh: Muhamad Syaqirin bin Zulkifli

Kedengaran bisikan dari
Hutan rimba,suara bersatu,
Burung, serangga, semua berdendang
Daun daun berbisik, saling memadu,
Menggugah jiwa, harmoni terbang.

Kita datang dari pelbagai arah,
Kisah berbeza, namun satu tujuan,
Langkah beriring, tiada yang tersisih,
Bersama kita bina, satu perpaduan,

Dalam pelukan kasih kita bersatu,
Menjadikan matlamat satu tujuan,
Membina tonggak satu perpaduan,
Lautan budaya, harmoni abadi,
Jalinan kita, tiada terputus

Ayuh raikan setiap langkah,
Berpegang tangan meniti harapan,
Dibawah satu langit yang sama,
Perpaduan jadi kekuatan kita.

SAJAK MAHALNYA SEBUAH PERPADUAN
Oleh: Muhammad Azizi bin Mohd Noor

Anak Malaysia,
Semaikan selalu benih toleransi
Sumbangkan tenaga buat sekelilingmu
Takkan hilang segala kudratmu
Melainkan kuntuman bunga perpaduan
Yang tumbuh mekar tiada gantinya
Di bumi bertuah ini.

Era kemerdekaan sudah dikecapi
Selama berpuluh tahun dinikmati
Keharmonian indah nadi kedaulatan
Muafakat rakyat paksinya perpaduan
Tanpa mengenal erti perbezaan
Untuk berada dalam kebersamaan
Menikmati kemerdekaan yang diidamkan.

Jangan sisihkan walau seorang
Demi keuntungan diri
Jangan mudah lontarkan prasangka
Kepada yang lain
Endahkan bisikan sengketa
Yang cuba menusuk perisai perpaduan
Yang diperjuang nenek moyang kita.

SAJAK SEMARAK CINTA PERPADUAN
Oleh: Muhammad Azizi bin Mohd Noor

Awan putih menjenguk langit
Bersama mentari di pelusuk rantau
Sinar perpaduan turut hadir
Menghadiahkan cinta tanah pertiwi
Daripada rakyat sejati sejahtera.

Saban tahun kegembiraan terutus
Adat budaya dijunjung kasih
Perayaan kaum disambut meriah
Kelainan ini adalah keistimewaan
Kepelbagaian ini adalah penyatuan
Yang diterap dalam sanubari
Bersenikan nilai budi pekerti.

Jiran tetangga kunjung mengunjung
Pemuda pemudi bersua muka
Kanak-kanak riang tertawa
Tidak kira latar belakang
Masa diluang seakan keluarga
Di warung kopi
Di taman riadah
Di majlis keramaian
Sama-sama mengukir memori
Di bawah satu bumbung kedamaian.

SAJAK MAHKOTA PERPADUAN
Oleh: Faiz Ashraf bin Joanes

Perpaduan, wahai sinar di hujung malam,
Kau bagaikan pelangi di langit kelam.
Menyatukan hati yang terpisah jauh,
Dalam pelukan satu impian yang teguh.

Engkau bagaikan aliran sungai tak terhenti,
Mengalir di celah gunung dan lembah serasi.
Menyatukan bumi, langit, dan laut,
Dalam satu irama harmoni yang tak luput.

Oh, perpaduan, kau api yang membara,
Dalam jiwa bangsa, engkau nyala sentiasa.
Tak terpadam oleh badai atau hujan,
Menguatkan kita, satu dalam peredaran zaman.

Dengan perpaduan, kita menulis takdir,
Menggapai bintang, mengejar ufuk nan mahir.
Tiada yang bisa memecahkan kita,
Kerana perpaduan adalah senjata kita.

Di bawah satu bendera, kita berdiri,
Menjulang harapan, penuh harmoni.
Perpaduan, kau lah mahkota bangsa,
Menjadi teras kejayaan selamanya!

SAJAK MAKMUR DI BUMI MALAYSIA
Oleh: Aariel Joy Saimon

Dalam kepelbagaian, kita menemui kekuatan,
Seperti sehelai kain yang terbentang indah.
Setiap benangnya unik, namun kita tetap bersatu,
Bersama-sama kita berdiri, di atas bumi yang sama.

Suara kita bergema, menjadi korus yang megah,
Simfoni budaya bersatu, tangan bergandingan.
Kita rayakan kepelbagaian, tak lagi berpecah,
Bersatu kita bangkit, dengan cinta di sanubari.

Dalam perpaduan, lahirlah kuasa,
Sebuah ikatan kukuh, utuh sepanjang masa.
Kita saling mengangkat, tak pernah berputus asa,
Bersama…
Kita bangkit, dengan semangat yang membara.

Kita adalah satu, seperti jari-jari di tangan,
Setiap satunya unik, namun bersama kita teguh berdiri.
Walau latar belakang kita berbeza,
Kita tetap bersatu…
Seperti sebuah keluarga yang akrab
Bahasa kita mungkin berbeza,
Namun hati kita berbicara dalam irama yang sama.
Budaya kita mungkin tidak serupa,
Kepelbagaian itulah yang diraikan dengan bangga.

Dalam perpaduan, kekuatan kita terserlah,
Sebuah ikatan yang tak mudah terurai.
Kita adalah satu seperti tubuh yang padu,
Bersama kita bangkit dan kemenangan menjadi milik kita.

SAJAK MALAYSIA BERSATU TERAS KEJAYAAN
Oleh: Siti Nurazryannatul Aisyah binti Khairul Azmuddin

Malaysiaku tanah airku tercinta
Negaraku yang pelbagai bangsa
Seperti Melayu, Cina dan India
Bersatu padu demi hidup harmoni
Dibawah naungan negara yang merdeka
Malaysia bakal menerajui dunia.

Tiada beza warna dan rupa
Bukan menjadi penghalang berjuang
Sukan menjadi medium perpaduan
Bersatu bergabung merangkul kemenangan
Bukan sekadar piala dan nama
Kaum dan bangsa menjadi harmoni.

Bersatu teguh bercerai roboh
Peribahasa yang sesuai untuk Malaysia
Tolong-menolong dan kerjasama
Kunci untuk memupuk perpaduan
Satu suara, satu impian
Bersama kita mencapai bahagia.

Tiada tinggi, tiada rendah
Semua setara dan sama rata
Saling hormat-menghormati adalah kunci
Mencapai masyarakat harmoni
Supaya negara teguh dan maju.

Hari raya hari bahagia
Rakan dan jiran datang beraya
Kunjung megunjungi amalan mulia
Dapat mengeratkan sillaturahim
Sesama masyarakat.

SAJAK MALAYSIA NEGARA PERPADUAN
Oleh: Nurfarahiya Aliah binti Shukry

Malaysia
Sebuah negara unik
Pelbagai etnik menjadi identiti
Perpaduan nasional menjadi tujuan

Rakyat berbilang tujuan hanya satu
Sifat madani masyarakat terbilang
Matlamat tercapai identiti terbentuk
Majulah negara Malaysia madani

Budaya toleransi terus disuburkan
Semangat integrasi antara kaum
Sedia berkorban apa sahaja
Nilai kekuatan masyarakat majmuk

Malaysia bumi indah
Biarpun berbeza adat
Integrasi nasional terus kekal
Negara harmoni rakyat bahagia

SAJAK MALAYSIA SATU BUMI SATU BANGSA
Oleh: Siti Hajar binti Ahmad

Inilah tanah airku, tempat yang ku panggil rumah
Inilah tanahku, tempat yang aku ingin pulang
Sudah berpuluh tahun buminya Merdeka
Bernasib baik aku dapat menumpang

Namun tak boleh terlalu senang,
Kerana masih ramai yang mengintai
Jangan leka jangan alpa,
takut esok digelar penumpang di negara sendiri

Kita hidup beza kulit beza budaya
Dalam suasana harmoni saling bersapa
Sesekali berbeza pendapat
Tapi masih kita rakyat Malaysia

Damai hari ini jangan sesekali kita rosakkan
Pelbagai kaum dan budaya unik mewarnai negara kita
Sudah jadi tugas bersama kekalkan identitas ini
Hiduplah sepakat dalam berkat demi sebuah keamanan

Jangan pandang enteng pada tanah ini
Buminya mungkin tidak luas, tapi disini kita diiktiraf
Bersyukurlah kita ada tempat berpijak
Bergembiralah kita ada tempat Kembali

Semangat jiwa bangsa perlu disemai
Yang kecil yang besar perlu tahu
Supaya sepakat satu padu ini bertahan berzaman hingga berabad lagi
Tak kisah anak Melayu,Cina atau India, bahkan yang di Sabah Sarawak juga ,biarlah bila ditanya “engkau siapa” dengan bangga kan dijawab “aku anak Malaysia”.

SAJAK MALAYSIAKU BUMI BERPIJAK
Oleh: Siti Hajar binti Ahmad

Bumi yang ku pijak ini bumi berkah,
Sebutnya di persada dunia berbilang kaum,
Terdengar namanya juga sudah terasa megah,
Inilah Malaysia yang kami kagum

Budaya indah pelbagai itu budaya Malaysia
Bila ramai ada berbagai perilaku,
Walau ada telagah laku dan kata,
Kita hidup bagai bangsa bersatu

Beza kulit, beza budaya tapi ada kesamaan
Terjalin perpaduan di antara kita
Bergerak bersatu maju ke hadapan
Semua demi negara yang tercinta

Merdeka hari ini usaha bersama,
Sudah jadi tugas kita pertahankan,
Jangan kerana tamakkan kuasa yang fana,
Bumi kaya ini kita gadaikan

Jasa yang dulu kita hargai,
Semangat jiwa bangsa kita utuhkan
Hiduplah kita saling menghormati
Kerana semangat inilah yang menjadi kebanggaan

Marilah kita saling menjaga,
Usah disentak titik perpaduan,
Kerana tempat berteduh ini bumi Malaysia
Sebuah bumi penyatuan.

SAJAK MASYARAKAT MALAYSIA
Oleh: Alya Zulaikha binti Mahadzir

Sesebuah simbolik kekuatan negara,
Sejenis persahabatan yang tidak terungkap,
Dengan kasih, cinta, bahagia,
Dan mesranya perhubungan,
Itulah yang dinamakan Perpaduan.

Melayu, India dan Cina,
Biar tak sama budaya dan lenggoknya,
Namun kita seia sekata,
Dan kini bersama-sama,
Demi kemajuan Malaysia tercinta.

Biarpun kita berbeza adat,
Biarpun kita berlainan pendapat,
Kita tetap satu,
Satu hati, satu jiwa, satu rasa,
Bersatu hati dalam membentuk perpaduan.

Tanah tumpahnya darahku Malaysia,
Pelbagai warna citra di dalamnya,
Damai, harmoni, aman sentosa,
Di bawah naungan payung mahkota,
Yang bakal menerajui dunia.

SAJAK MEMBURU LANGIT CERAH
Oleh: Budrez Rahimie bin Baharin

Suatu kisah negara berantak,
Bumi bertuah dulu adanya,
Obor harapan digenggam padam,
Huru-hara mencakar tirai harmoni,
Rintihan dan raungan memekak telinga kota,
Perbezaan sesama jarak-menjarak memisah,
Lara nan duka sama membelit,
Hati yang terluka pecah akhirnya tiada bercantum.

Jalan lurus sunyi menemani,
Langkah menuju tersasar hampir semua,
Bahang kesumat menghalau gerak,
Membakar murninya jiwa,
Apakan daya masyarakat runtuh tiada berbangkit.

Langit esoknya menghilang suria mentari,
Berhamburan tangisan langit mengabur pandang,
Bersahutan tangisan sang anak,
Harapan yang tiada bertepi,
Lenyap kedamaian membawa ikatan,
Masihkah masa depan yang kelam ini ada penyuluhnya?

Jangan terpaku di situ!
Harapan, impian ada tersisa benih sinarnya,
Akan kita bina dengan cinta dan kasih,
Tangan-tangan mengukir menjadi satu,
Tembok perpaduan gah nan masyhur,

Luka sengketa parahnya ayuh hentikan,
Lihatlah pelangi setelah kelam,
Indahnya ia berbeza warna saling bersilang,
Dalam ada perbezaan munculnya arah,
Kasih sesama melindungi bersama,

Setiap warna yang terbentuk,
Itulah adalah kekuatan bukan penghalang,
Usah dibiar keunikan diperguna bak boneka,
Jambatan yang dibina kembali memutus jurang,
Menjaga harta yang tiada batas nilainya,
Perpaduan nama diberi bersama kita teguh berdiri.

SAJAK MENITI ARUS PERPADUAN
Oleh: Aziera Natasya binti Julaini

Dalam tanah tumpahnya darah,
Berpadu kita dalam amanah,
Dari utara ke selatan,
Seiring langkah, mengukir harapan.

Ragam budaya, pelbagai rasa,
Satu suara, kita sentiasa,
Tiada batas yang bisa pisahkan,
Kerna kita bangsa yang berpadukan.

Bahasa berbeza, namun satu nada,
Di hati kita, tiada perbezaan rasa,
Agama dijunjung, dihormati tinggi,
Namun perpaduan takkan pernah mati.

Lautan luas, daratan lebar,
Setiap langkah kita, menyulam sabar,
Jalinan kasih, ikatan mesra,
Menjadi kekuatan kita bersama.

Di waktu sukar, di waktu senang,
Tangan dihulur, jiwa tenang,
Rukun dan damai kita pertahan,
Hidup sejahtera, tanpa bebanan.

Generasi mendatang kita pimpin,
Dengan warisan nilai yang kita himpun,
Perpaduan ini tiada gantinya,
Itulah harga kebanggaan kita.

Marilah bersama, terus berdiri,
Mengukir sejarah yang abadi,
Dalam satu bendera, kita berlindung,
Menjunjung tinggi nama satu bangsa agung.

SAJAK MENGANYAM JALUR PERPADUAN
Oleh: Aziera Natasya binti Julaini

Di bumi bertuah, kita berdiri,
Berbilang bangsa, namun sehati,
Bahasa, budaya, dan adat berseri,
Menjadi jambatan, mengukuh harmoni.

Perbezaan bukan pemisah kita,
Tapi warna-warni yang menyatupadukan jiwa,
Bagaikan anyaman benang pelbagai warna,
Mencipta kain kebersamaan yang tiada cela.

Toleransi dan hormat disemai subur,
Di kalangan kita, kasih tak pernah luntur,
Setiap langkah diiringi kesefahaman,
Membina negara yang teguh dan aman.

Walau dilanda ujian dan badai,
Kita tetap bersatu, teguh dan damai,
Kebersamaan inilah tunjang kekuatan,
Memupuk semangat perpaduan tanpa sempadan.

Anak bangsa terus berjuang,
Menegakkan semangat yang takkan hilang,
Dalam satu nadi, kita bernafas,
Membina Malaysia yang indah dan luas.

Di bawah satu langit, kita berpayung,
Menganyam jalur perpaduan yang agung,
Dalam kesatuan, kita meniti masa,
Membawa negara ke mercu jaya.

SAJAK MENGANYAM KASIH, MENGUKUH PERPADUAN
Oleh: Nur Aqilah binti Moha Sukri

Di tanah yang subur dan permai,
Malaysia berdiri megah di ufuk langit,
Dari utara hingga selatan,
Pelbagai kaum hidup dalam damai.

Melayu, Cina, India bersatu,
Bersama Iban, Kadazan dan yang lain,
Budaya beraneka, penuh warna,
Namun bersatu di bawah satu bendera.

Adat resam dan bahasa dipelihara,
Dengan bangga kita mewarisi,
Menyulam erat benang perpaduan,
Menganyam masa depan yang cemerlang.
Perpaduan bukan sekadar lafaz,
Ia terpahat di lubuk hati setiap jiwa,
Melalui toleransi kita belajar,
Menghargai perbezaan yang menyinari.

Di meja makan, pelbagai juadah,
Nasi lemak, roti canai, dim sum beriringan,
Menyambut perayaan bersama,
Hari Raya, Tahun Baru, Deepavali diraikan penuh mesra.

Dengan hati terbuka kita sambut,
Menghormati agama dan budaya,
Bukan sekadar berkongsi tanah,
Tapi kasih sayang sesama kita, bak keluarga.

Di sekolah dan di tempat kerja,
Anak-anak bangsa menimba ilmu bersama,
Menghayati erti hormat dan cinta,
Untuk tanah air yang kita pelihara.

Dalam sukan, kita bersatu,
Sorakan satu suara, Malaysia di hati,
Setiap usaha dan titis peluh,
Demi melihat negara terus maju.

Malaysia bukan sekadar nama,
Selagi kita terus menjaga,
Harmoni kekal, negara terus gemilang.

SAJAK MENYEMAI SEMANGAT KEGEMILANGAN
Oleh: Maseliza binti Juhaepah

Perpaduan,
Kita hidup dalam satu negara
Kerjasama kukuh negara aman hidup bersatu
Walaupun berlainan rupa, namun serupa rasa
Di bumi ini, kita semua bersaudara
Bekerjasama adalah kunci menuju kejayaan.

Di tanah ini,
Kita memupuk perpaduan
Tiada yang asing, tiada yang jemu
Kasih sayang terpahut utuh, tidak perlu kaku
Walaupun berbeza warna dan bangsa
Kita satu jiwa, satu suara.

Di tanah ini,
Dalam hati menyemai sebuah kasih
Walaupun berbeza Bahasa sbuah kasih
Namun tiada dinding pemisah
Penuh hormat, kita bersahut
Membina persahabatan dalam keakraban

Di bumi ini,
Setiap insan mempunyai peranan
Bersama semai kasih yang murni
Menyulam kasih, menanam harapan
Hargailah perpaduan kurniaan terindah
Agar hidup harmoni dan gembira.

Di tanah ini,
Dalam sebuah langkah berganding tangan
Bersama menuju sebuah impian
Tolong-menolong tidak berkira
Ringankan beban, hidup terhindar dari sengketa
Begitulah keindahan sebuah perpaduan.

SAJAK MERDEKANYA NEGARAKU
Oleh: Ahmad Ritauddin bin Abdullah

Sebutir peluru telah digunakan
Membunuh musuh demi kekeluargaan
Pegang erat tangan perlu dipertaruhkan,
Demi maruah bangsa dalam keamanan.

Tolong-menolong amalan sejagat,
Biarpun lelah tetap bersama,
Andai penat telah berkata,
Demi matlamat hidup selamat,
Agar tidak sesiapa hidup sengsara.

Berganding bahu tidak mengikut umur,
Mahupun bangsa agama berlainan,
Tetap bersatu padu juga akhirnya,
Demi kemajuan negara perpaduan tetap terbela.

Rakyat berikrar pegang panji negara,
Tiada berpecah dan tiada berduka,
Tetap menuju masa depan bahagia,
Andai rakyat terus bersatu,
Agar hati teguh negara terbela.

Malaysia maju terus melangkah,
Jiwa merdeka semangat membara,
Negara tercinta sentiasa terpelihara,
Andai kemajuan lambang malaysia,
Kita berbakti sepenuh jiwa,
Berbeza adat begitu juga pendapat,
Tetap bersatu dalam sejagat,
Agar hidup dalam keadaan terhormat,
Pegang rukun negara keramat,
Tugu negara tetap teringat.

SAJAK MUHIBBAH PERTIWI
Oleh: Arif Haiqal bin Roslan

Keturunan ini bukan ukuran
Walau ibuku seorang Cina
Aku masih menyambut Hari Raya
Bersongkok lengkap segak berbusana
Di akhir cerita
Kemaafan juga dipinta.

Keturunan ini bukan ukuran
Walau datukku seorang Kristian
Hari Natal menjadi penantian
Itu hanyalah majlis keramaian
Tetap senyum kasih bersalaman
Menghimpun keluarga dalam kehangatan.

Keturunan ini bukan ukuran
Walau bapaku seorang Kadazan
Jauh datang dari Sabah sana
Hari Kaamatan turut ku raikan
Menghargai padi tuaian
Sebagai tanda rahmat kesyukuran
Di bawah langit kami bersatu
Semua tersenyum tiada yang jemu.

Keturunan ini bukan ukuran
Kita satu nusa satu jiwa
Dari Semenanjung ke Borneo tercinta
Tak kira kaum tak kira bangsa
Muhibbah pertiwi kita sekeluarga.

SAJAK NADA CINTA PERPADUAN
Oleh: Aqilah Aliah binti Amran

Ada nada yang tak pernah padam,
Dalam laungan satu bangsa, satu suara,
Mengalun mesra dari selatan ke utara,
Beriring kasih yang kita sama-sama faham.

Di balik jerih payah kita berdiri,
Tiada sempadan yang mampu menghalang,
Tiada perbezaan yang bisa memisah,
Kerana kasih ini terikat dalam diri.

Merahnya mawar, hijau daunan,
Dalam paluan satu rentak,
Kita menari bersama ke puncak,
Mengangkat nusa dalam perpaduan.
Walau berbeza tanah asal,
Bertemu kita di dataran yang sama,
Membina jembatan, menolak duka,
Meneguhkan benteng yang tak mudah retak.

Inilah kisah yang kita wariskan,
Satu nadi dalam pelbagai rupa,
Perpaduan jadi saksi dunia,
Bahawa kita takkan pernah goyah.

Dalam hati yang satu niat,
Kita terus melangkah tanpa ragu,
Kerana di antara kita, tiada yang kaku,
Hanya perpaduan jadi cermin umat.

SAJAK NADI KESATUAN MEMUPUK JIWA BANGSA
Oleh: Zafirah Zulaikha binti Zaidan

Di bumi ini kita berdiri,
bercampur rasa, bercantum
jiwa, berbeza warna, namun
seirama, bagai pelangi, satu
rupa.

Anak bumi dari segenap
sudut, melakar harapan di
langit biru,
Di sawah, di kota, di desa berliku,
menganyam perpaduan tanpa jemu.

Riang tawa kita satu bahasa,
Melangkah seiring dalam langkah
seribu, menyulam mimpi dalam nadi
merdeka, tiada dinding bisa
memisahkan kita.

Jari-jari yang berbeza saiznya,
namun genggaman tetap kukuh,
mengangkat berat, memikul
beban,
Sama-sama mendukung sebuah harapan.

Tiada curiga, tiada prasangka,
kita melangkah dalam satu
arah, hujan rahmat, mentari
terang,
Menghias wajah tanah yang kita cinta.

Sungai mengalir membasuh noda,
samudera luas merangkai kita,
Di bawah langit yang kita junjung,
Sebuah bangsa terbina, teguh dan ampuh.

Perpaduan kita bukannya
bayang, ia adalah roh, jasad,
dan nadi,
Menyatu dalam segenap perbedaan,
itulah kita, rakyat sejati.

SAJAK NIKMAT PERPADUAN
Oleh: Mohd Firdaus bin Shamsol

Perpaduan itu nikmat dunia, apa guna jika
tiada ia,
Hati perpaduan memerlukan setia,
Namun, berbeza rasa, adat dan rupa bukan
penghalang untuk terus alpakan ia,
Lenyap perpaduan tanpa usaha,
Goyah jiwa matikan rasa.

Perpaduan itu tidak cukup dengan kata,
Tidak cukup dengan gaya semata-mata,
Pahitkan di jiwa perpaduan itu,
Agar terus kukuh dan kekal buat
selamanya,
Biar tergadai jiwa dan raga,
Biar nafas terus menyesak di dada, Andai
itu jalan-jalan yang harus dirasa,Demi
perpaduan penuh mesra.

Pesan pada pelapis nusa bangsa,
Andai jiwa dan raga ini sudah tidak terdaya
Tetaplah berpesan pada semua,

Ajarlah mereka-mereka tentang kalimat “Perpaduan”,
Kerna perpaduan penyatu budaya bangsa,
Andai suatu hari nanti jiwa ini sudah tiada,
Tetaplah bersama membina bangsa,
Demi menjaga perpaduan untuk semua.

SAJAK PADA RANAH INI
Oleh: Muhammad Ikhwan Hakimi bin Mohd Yusuf

Pada ranah ini
Masih membugar rumpun-rumpun adiwangsa
Berbaja Melayu, Cina, India dan peribumi Borneo
Bersama-sama mengindahkan landskap keamanan sejagat
Yang telah disuburkan baja-baja perpaduan
Dan disembur racun kesenjangan

Maka terbentuklah saujana indah nan permai
Dipagari pohon-pohon harmoni
Berakar akal, berbuah budi
Dipampangi binaan utuh berbata usaha
Menyergam sebuah kota peradaban
Mencerlang seantero dunia

Dahulunya kita himpunkan pelukis yang cekuh
Mengadiwarnakan kanvas pada dinding puri
Kemudian dengan berus sabar
Kita dicorak dan diwarnai
Daripada sebuah lakaran nasib
Hinggalah terpotret raut wajah yang sempurna
Rupa seorang warganegara malaysia

Terima kasih seniman kami
Akan kami persembah karya agung ini ke seluruh jagat raya
Sebagai bukti dan janji
Kami akan terus berbakti
Di atas ranah keramat ini
Ranah yang kami kenangi
Ranah Malaysia Madani

SAJAK PELANGI DALAM PERPADUAN
Oleh: Putera Muhaymin bin Hamizan

Dalam pelukan embun pagi yang segar,
Terhampar warna-warna indah, seindah mimpi,
Seperti pelangi selepas hujan, kita bersemangat,
Lautan pelbagai budaya bersatu hati, di bawah langit cerah, kita bertemu tanpa rasa ragu.

Melayu, Cina, India dan pelbagai kaum lain,
Setiap warna mewakili cerita yang berbeza,
Satu jalinan harmoni, satu destinasi yang pasti,
Mencipta sejarah bersama, merentasi zaman yang takkan pudar.

Biar lisan berbeza, tetaplah hati sejiwa,
Dalam rencah perbezaan, kita temukan jati diri,
Keindahan tersimpan dalam pelukan kasih sayang,
Dengan saling memahami, kita rangkai cinta yang abadi.

Seperti pelangi yang bersinar di langit biru,
Cahaya berwarna-warni, harmoni yang menawan hati,
Setiap budaya adalah warna yang memperindah,
Menghapuskan duka, menggenggam kedamaian yang hakiki.

Bersama kita mendaki puncak cita yang tinggi,
Merentasi jurang yang memisahkan, tiada yang tersembunyi,
Dari desa ke kota, suara kita bersatu,
Di dalam jiwa, perpaduan bersemi, subur dan berkekalan.

Semua di sini adalah sebuah cerita yang indah,
Ditulis dalam tinta kasih mesra yang sejati,
Mari kita jaga, selamanya kita lestarikan,
Pelangi dalam perpaduan, bercahaya dan penuh keceriaan.

SAJAK PELANGI PERPADUAN DI LANGIT KITA
Oleh: Falhah Faptiah binti Azin

Di bumi yang luas, kita berdiri,
Tanah air tercinta, penuh harmoni,
Ribuan bangsa, adat dan tradisi,
Bersatu teguh, membawa aspirasi.

Satu bahasa, satu suara,
Namun warna-warni hidup di jiwa,
Tiada batas yang memisahkan kita,
Kerana perpaduan itulah pencipta cinta.

Melayu, Cina, India, serumpun,
Bersama kita, masa depan disusun,
Ke arah kemajuan, tangan bersalam,
Menghapus perselisihan, membina alam.

Sungai yang tenang, gunung yang tinggi,
Semua bersatu, tiada yang rugi,
Melodi alam menyanyikan simfoni,
Kita bersama, itulah harmoni.

Perpaduan bukan sekadar mimpi,
Ia usaha dan keazaman hakiki,
Mencipta ruang kasih abadi,
Untuk anak cucu, damai dan berdikari.

Dalam perpaduan, tiada siapa tersisih,
Semua dilindungi, tiada yang letih,
Mengukir sejarah dalam satu wajah,
Tanpa prasangka, tanpa sengketa yang parah.

Kita berdiri, tangan erat di genggaman,
Cinta dan persaudaraan menjadi ikatan,
Di sini, kita bina tamadun yang cemerlang,
Dengan perpaduan, kita pasti gemilang.

Langit biru, lautan yang luas,
Melambangkan kasih, damai tanpa batas,
Di bumi Malaysia, kita merai semua,
Dalam perpaduan, kita kekal sejahtera.

SAJAK PERKASAKAN TIANG RUMAH KITA
Oleh: Aisyah Noor Balqis binti Muhammad Asri

Tiang rumah kita bersendikan muafakat,
Tegap kukuh tertanam di pundak jiwa bangsa,
Lima tiang seri jadi pegangan semua,
Jadi rukun menjaga keharmonian rumah kita,
Semarak perpaduan, bertoleransi, hidup bersama.

Tiang rumah kita beralaskan adat budaya,
Seni warisan terpahat, terukir zaman-berzaman,
Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas,
Jadi ruang berteduh warisan silam,
Mencitra warnakan silang budaya bangsa.

Tiang rumah kita dipaku kuat nilai tatasusila,
Beradab sopan, jadi peneguh jati diri,
Tidak goyah dipukul ribut budaya liar,
Karamah insaniah bukti wibawa amalan terpuji,
Bersatu teguh di pasak tiang perpaduan negara.

Awasi tiang rumah kita dari musuh sengketa,
Jangan biarkan rapuh dimakan anai-anai kayu sepakat,
Jangan dibiarkan dalamnya reput akibat bertelagah,
Jangan biarkan angkara atapnya bocor lantai berlubang,
Jangan dibiarkan roboh rumah muafakat kita.

Perkasakan tiang rumah kita dengan muhibah,
Saling menghormati, saling memahami,
Kekal utuh keamanan rumah kita dijaga rapi,
Kayu perpaduan tetap bertahan ratusan tahun dari kusam,
Tersergam indah rumah kita di pentas dunia.

SAJAK PERPADUAN
Oleh: Muhammad Syazwan bin Mohd Yusoff

Ketika desar-desir suara angin menyentak rumput di halaman,
Udara hitam dari sukma duka wangsa menyentuh gusar malam
Bahtera kebanggaan yang selama ini teguh dan agam
Tiba-tiba tercarik layar, tersasar haluan.

Ketika angin serong menyusur ke lembah gersang
Badai malam dari kalbu musykil murba menggigit sumsum alam
Bangsa yang sekian lama megah dan padu
Tiba-tiba menerka udara mahing kemarau silatur
Menyeret ke musim silam yang kontang.

Kau bangsaku, jangan lupa pada harumnya tubuh Sepumtum
Kaku menjulur di tali gantung, demi mempertahankan
Sekangkang Pasir Salak. Kau saudara seagamaku, jangan lupa
Pada wanginya jenazah Tok Janggut,
Terjerut songsang di pinggir jalan
Demi mendaulatkan seketing tanah Pasir Putih
Generasiku, jangan lupa akan manisnya
Darah Leftenan Adnan yang terpercik di makam Tanjung Puteri
Demi menegakkan martabat nusa. Jangan sesaat pun kau lupa
Akan nyaringnya pekikan para katwal
Yang redha berputih tulang
Membentengi Rumah Pasung Bukit Kepong
Demi memelihara maruah pertiwi.

SAJAK PERPADUAN
Oleh: Muhammad Aiman bin Jurimy

Bumiku Malaysia,
Tanah Tertumpah Darah Tercinta,
Pelbagai Kaum, Agama Dan Budaya,
Aman Damai Dan Harmoni Sentiasa,
Di Bawah Naungan Payung Mahkota,
Kita Rakyat Malaysia,
Bakal Menerajui Dunia.

Perpaduan,
Menjadi Simbolik Kekuatan Negara,
Seperti Sejenis Persahabatan Tercinta,
Walau Kita Berbeza Rupa, Agama Dan Bangsa,
Namun Kita Tetap Setia,
Memacu Pembangunan Negara.

Rakyat Malaysia,
Melayu, Cina Dan India,
Dahulu Kita Ditempur Oleh Penjajah,
Namun Sekarang Kita Tetap Bersatu,
Membuka Lembaran Baru,
Agar Hidup Aman Dan Sentosa.

Perpaduan,
Seperti Sejenis Ikatan Persaudaraan,
Walaupun Kita Berbeza Kaum,
Namun Kita Tetap Bersama,
Membentuk Ikatan Keakraban Kita,
Demi Kemajuan Negara Tercinta.

SAJAK PERPADUAN
Oleh: Muhammad Aqil Putera bin Mohd Khamsyari

Perpaduan
Tanah kelahiranku
Walau serata dunia kau jelajahi
Takkan sama dengan tanah tumpah darah ini
Keikhlasan mengeratkan ikatan
Menyatukan kita sebagai satu bangsa.

Walaupun berbeza fahaman
Berbilang kaum pelbagai bangsa
Perbezaan agama bukan halangan
Menyatukan kita rakyat Malaysia
Menjalin perpaduan kukuh ikatan.

Kisah perpaduan kita tersebar luas
Menjadi bualan serata dunia
Masyarakat majmuk bersatu hati
Menjalin ikatan tanpa sempadan
Perpaduan terjalin tanpa batasan.

Keindahan pelbagai kaum, bangsa dan agama
Keindahan menjalin ikatan kasih dan sayang
Keindahan mengenal kepelbagaian budaya
Keindahan bersatu hati penuh keharmonian
Itulah erti Perpaduan sebenar.

SAJAK PERPADUAN
Oleh: Muhammad Assim Murshid bin Abd Hamid

Bumiku Malaysia
Tanah tumpah darah tercinta
Pelbagai warna budaya di dalamnya
Damai, harmoni, permai sentiasa
Di bawah naungan payung mahkota
Kita bangsa Malaysia
Bakal menerajui dunia.

Pimpinan kita disegani merata
Rakyatnya berpadu mencipta sejarah
Melakar Malaysia di pentas dunia
Dengan semangat
Satu Malaysia

Maka!
Bersatulah bangsaku
Kita kibar nama bangsa
Berpadulah bangsaku
Kita gegarkan dunia
Ayuh!!
Kita berganding bahu
Menuju satu Malaysia
Cemerlang, gemilang, terbilang di dunia...

Biarpun kita berbeza adat
Biarpun kita berlainan pendapat
Kita tetap satu,
Satu hati, satu jiwa, satu rasa
Nikmatnya kita kongsi bersama
kerana kita satu
Satu Malaysia

Jangan Biarkan peristiwa 13 Mei muncul kembali,
Ingatlah,
Bersatu hati dalam membentuk perpaduan,
Demi kemajuan Negara tercinta.

SAJAK PERPADUAN DI BUMI KITA
Oleh: Nurul Sakinah Aishah binti Razak

Di sini kita berdiri, beraneka ragam,
Warna kulit dan budaya, satu ikatan,
Rasa kasih dan hormat, tiada sempadan,
Perpaduan di bumi ini, lambang kesatuan.

Dari puncak gunung hingga ke lautan,
Berbilang bahasa, satu tujuan,
Di pasar, di jalan, kita bertemu,
Senyum mesra, hati bertaut jitu.

Tradisi ditenun, bersama kita hargai,
Di majlis sambutan, semua beramai,
Satu keluarga, tanpa rasa asing,
Perpaduan kukuh, tiada yang terasing.

Dari merdeka kita bediri,
Pejuang yang gagah, kita terus berdiri,
Setiap pengorbanan, menjadi saksi,
Perpaduan berharga, warisan abadi.

Masa depan cerah menanti kita,
Dengan tangan bergandingan, kita bina,
Perpaduan ini, tiang negara,
Kita bersama, selamanya.

Bersama kita jayakan, impian yang satu,
Dalam perpaduan, kita teguh bersatu,
Bumi bertuah, aman makmur,
Perpaduan kita, tiada yang lebih berharga.

SAJAK SATU LANGIT, SATU HATI
Oleh: Maryam Jameelah binti Muhammad Salman @ Zalman

Kita di sini bersama-sama,
Melewati indah loka,
Di bawah langit yang sama,
Kita bergandingan, saling menjaga,
Di atas bumi yang sama,
Kita mengorak langkah bersama,
Demi negara tercinta Malaysia.

Malaysia bumi bertuah,
Pelbagai kaum, pelbagai sejarah,
Bersatu-padu tak kira siapa,
Demi perpaduan yang dibina,
Agar makmur, harmoni dan sejahtera.

Dari utara hingga ke selatan,
Dari timur hingga ke barat,
Kita eratkan jalinan silaturahim,
Hubungan ukhuwah yang suci lagi murni,
Kerana atma kita terpatri erat selamanya.

Tiada beza antara warna,
Kita wangsa yang mulia,
Membantu siapa yang perlu,
Kerana dalam hati ini tiada jurang yang nyata,
Usah biarkan yang dengki memecahkan kita,
Tetaplah teguh pertahan perpaduan ini.

Bersama kita membina masa depan terbilang,
Dalam cahaya perpaduan nan gemilang,
Malaysia berdiri teguh, kekal cemerlang.
Demi cinta yang tiada bersyarat,
Anak watan berkhidmat sepenuh jiwa,
Menjunjung tinggi maruah dan wibawa.

Bersama kita berdoa pada yang Esa,
Agar amanah suci ini tidak akan dicemari,
Selama ia dijaga, seia sekata, sehati sejiwa,
Kemaslahatan umat kita terus dipelihara.

SAJAK PERPADUAN DALAM KEHARMONIAN
Oleh: Maryam Jameelah binti Muhammad Salman @ Zalman

Di bawah naungan langit nan biru,
Kita berdiri teguh, bersatu padu,
Di tengah kota, rimbunan hutan dan sawah,
Perpaduan terjalin, tiada yang sirna.

Malaysia, tanah makmur lagi bertuah,
Pelbagai kaum, mewarnai bumi ini,
Dari pelbagai latar, tradisi, dan budaya,
Khazanah warisan yang tiada tara.

Ketika badai melanda, kita saling berpaut,
Menghadapi cabaran, tiada takut ataupun gentar,
Kerana dalam jalinan ukhwah yang suci ini,
Kita berlari mengejar cita-cita dan impian.

Di dalam dewan, suara bergema,
Satu hati, satu jiwa, tiada sengketa,
Perpaduan ini adalah warisan luhur,
Menghapuskan duka, menanamkan bahagia.

Marilah kita jaga amanah ini,
Dengan jiwa dan semangat yang membara,
Hiduplah kita dalam harmoni dan sejahtera,
Dengan kasih sayang yang tulus dan ikhlas,
Perpaduan kita adalah kekuatan kita,
Membawa Malaysia menuju kejayaan yang hakiki.

SAJAK PERPADUAN DALAM KEHIDUPAN
Oleh: Hazirah binti Mohamad Saupe

Di bawah langit biru Malaysia,
Pertemuan indah dalam pelbagai warna,
Kita bersatu, menuntut ilmu,
Mewujudkan harmoni yang berharga.

Pertemuan ini bukan kebetulan,
Dalam hati, kita menyemai impian,
Perpaduan anugerah Tuhan,
Membawa kita kepada satu tujuan.

Dalam kebersamaan ini,
Tercipta kisah yang berharga,
Hubungan suci antara kita,
Membina kekuatan dalam perbezaan.

Kehadiranmu memberi makna,
Bersama kita menjunjung cita,
Menjadi penyokong dalam langkah,
Mewujudkan perpaduan yang berpanjangan.

Dalam perjuangan ini,
Kita hadapi cabaran seiring,
Perpaduan kita laksana gunung,
Menjadi sandaran setiap masa.

Di Malaysia tercinta, kita hidup aman,
Berbilang bangsa, satu keluarga,
Dalam suka dan duka, kita bersama,
Mendukung perpaduan, selamanya.

Terima kasih kepada semua,
Yang mengajarkan makna perpaduan,
Di dalam sanubari, kita menyemai,
Cinta dan kasih sayang yang tulus,
Hingga akhir zaman, kita bersatu padu.

SAJAK PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN
Oleh: Juliza Dapong anak Daniel

Di bumi ini, kita bersatu,
Berbagai warna, satu tujuan,
Setiap kaum, membawa budaya,
Membentuk mozaik, indah bersatu.

Wajah berbeza, namun hati sama,
Kepelbagaian adalah kekuatan,
Dalam adat, dalam bahasa,
Kita saling hormati, saling memahami.

Dari timur hingga ke barat,
Setiap langkah, kita rapat,
Kau dan aku, sama-sama berjuang,
Membangun harapan, di tanah yang subur.

Semangat perpaduan, tiada tara,
Dalam suka dan duka, kita bersama,
Mari kita jalin, cinta dan kasih,
Mewujudkan harmoni, abadi hingga mati.

Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh,
Bina masa depan, dengan sinar kasih,
Perpaduan kaum, tunjang negara,
Malaysia kita, bersama selamanya.

SAJAK PERPADUAN DI HATI
Oleh: Nurul Iman binti Ahmad Muliana

Di bawah langit yang terbuka,
Berhimpun kita tanpa suara,
Berbeza rupa,berbeza rasa,
Namun hati kita tetap sama

Di celah pelangi,pelbagai rona,
Namun semua indah bila bersama,
Setiap langkah kita gagahi,
Dengan semangat,takkan terbelah

Setiap titis peluh dan darah,
Mengukir jalan,menempuh payah,
Dalam duka atau dalam tawa,
Kita tetap setia bersama

Air mata mengalir, bukan kerana luka,
Tapi kasih sayang yang tak terhingga,
Hati ini teguh, tak pernah goyah,
Selagi ada kita, perpaduan terjaga

Biar warna kulit kita berbeza,
Biar lidah bicara lain nada,
Namun kasih ini takkan sirna,
Kerana perpaduan jiwa yang nyata

Disinilah kita, berdiri bersama,
Mengukir sejarah yang tiada tara,
Dengan air mata yang mengalir tenang,
Untuk cinta dan perpaduan yang kekal dikenang

SAJAK PERPADUAN DI TANAH MERDEKA
Oleh: Alifah Ilyana binti Ahmad Nasir

Pada 13 Mei,
Di tanah air sendiri,
Hak kaum diperaga,
Demi kerakusan mengejar kuasa.

Peristiwa 13 Mei berdarah,
Senario hitam mencipta sejarah,
Ketika nawaitu tidak searah,
Timbul berbagai fitnah.

Pada 13 Mei negara direntap,
Nadi kemerdekaan berdenyut lemah,
Jantung perpaduan berdegup perlahan,
Menyaksikan tanah keramat bermandikan darah,
Kita lupa, tanah ini tanah merdeka.

Peristiwa 13 Mei memberi luka,
Luka kepada negara dan bangsa,
Tercalar maruah,
Sebagai negara merdeka.

Dari luka kita sedar,
Keganasan bukan jalan selesai,
Bersatu kita mengikat hati,
Jurang dirapat sesama sendiri,
Berbekal kekuatan yang ada,
Perpaduan dibina di tanah merdeka.

Dari peristiwa berdarah,
Akal budi dikerah,
Adab dibedah,
Akta negara diketengah,
Rukun negara menjadi sumpah.

Di bumi yang sama,
Kita disatukan satu bahasa,
Dirapatkan keunikan budaya;
Di bawah jalur gemilang,
Bersatu membentuk negara terbilang.

SAJAK PERPADUAN NADI NEGARA
Oleh: Muhammad Fazli bin Radzuan

Di bumi ini kita berpijak,
Dari utara ke selatan menjangkau jauh,
Berbilang bangsa, berbeza adat,
Namun jiwa kita tetap satu roh.

Perpaduan, bukan sekadar kata,
Ia nadi dalam jiwa bangsa,
Mengikat kita dalam satu rasa,
Menyulam cinta dalam segenap rasa.

Tanah air ini milik bersama,
Tiada yang kecil, tiada yang besar,
Setiap langkah harus seirama,
Membina negara, bersama bersandar.

Jangan biar hasad mengaburi mata,
Jangan biar perpecahan meluka rasa,
Bersama kita menganyam cita,
Malaysia teguh, sejahtera selamanya.

Dalam susah, dalam senang,
Kita berdiri tanpa gentar,
Perpaduan itulah tiang penyangga,
Untuk masa depan yang gemilang bersinar.

SAJAK PERPADUAN
Oleh: Dia Fadilah binti Mahadir

Kita lahir dari tanah yang sama,
Walau kulit, bahasa, agama berbeda,
Di bawah satu langit kita berdiri,
Menghirup udara damai tanpa benci.

Perpaduan itu bukan ilusi,
Ia nyata dalam jiwa yang mengerti,
Bahawa kasih sayang bukan milik satu,
Tapi milik semua yang bersatu.

Di jalan-jalan kota kita melangkah,
Meniti waktu tanpa curiga,
Bahu-membahu membina impian,
Mewarnai hari dengan kebaikan.

Bila engkau susah, aku hulur tangan,
Bila aku jatuh, engkau bangkitkan,
Inilah kita, sahabat sekata,
Membina negara dengan jiwa terbuka.

Walau lautan budaya membatasi,
Kita tetap satu dalam hati,
Menyemai kasih, menuai bakti,
Demi bangsa dan tanah ini.

Jangan biarkan perbezaan memisah,
Jangan biarkan ego meruntuh amanah,
Kerana di akhir hari yang bermakna,
Kitalah yang akan menjaga negara.

Perpaduan adalah janji kita,
Untuk terus hidup bersama,
Di bumi ini, kita berpijak,
Sebagai satu bangsa, satu jiwa, tak terbelah.

SAJAK PERPADUAN IDENTITI NEGARA
Oleh: Airyana Nur Afiqah binti Azani

Duhai anak bangsa
Suatu waktu dahulu
Tatkala laungan "merdeka" pertama
Bergenang tangisan kebahagiaan
Sorakkan kegemilangan
Di situlah juga
Pertalian segenap jiwa kian teguh

Duhai anak bangsa
Negara ini sakit
Tulang putih bertukar hitam
Menghina dan mencaci
Merosak jasad dan jasmani
Maka bangkitlah perpaduan
memayungi bangsa dan negara

Duhai anak bangsa
Meskipun kita beraneka bangsa
Berbeza pegangan, berbeza keimanan
Tetaplah teguh pada akar perpaduan
Teruslah menyinar di persada dunia

Duhai anak bangsa
Keluarga tak mesti serumah
Keluarga tak mesti sedarah
Bumi Malaysia, tanah bertuah
Dek sukma isinya bersatu kukuh

Duhai anak bangsa
Tahannya bata bak kerasnya dunia
Semangat bersama zat utamanya
Jadi biarlah sekeras apapun dunia
Perpaduan kita melebihi segalanya

SAJAK KASIH PERPADUAN
Oleh: Iman Asnawi bin Mustapa

Di bawah langit yang sama,
Kita meniti hari-hari,
Berbeza warna, bahasa dan jiwa,
Namun akar kita bersatu di bumi ini.

Lihatlah laut yang tak pernah bertanya,
Dari mana datangnya ombak,
Begitu juga kita, anak-anak bangsa,
Disatukan oleh tanah, kasih dan tekad.

Perpaduan itu bukan sekadar janji,
Ia hadir dalam diam,
Dalam setiap senyum, setiap salam,
Dalam setiap tangan yang terhulur,
Melampaui sempadan, memadam api kebencian.

Kita berdiri teguh,
Bagai pokok besar yang akarnya berpaut erat,
Menyaring angin yang cuba meruntuh,
Mengukir masa depan yang gemilang dan dekat.

Di mana ada kasih,
Di situ perpaduan bersemi,
Mekar dalam hati,
Menyuluh cahaya di seluruh bumi.

SAJAK PERPADUAN
Oleh: Intan Nurul Syafiqah binti Muhammad Faisal

Di tanah yang luas, kita berdiri,
Berbagai wajah, pelbagai diri.
Namun di celah warna dan rupa,
Terkadang muncul garis yang memisah jiwa.

Perkauman, racun yang tak terlihat,
Menebar bisik, mengaburkan niat.
Membelah hati, menanam curiga,
Membuat sesama merasa asing, berduka.

Apa erti warna di kulit luar,
Jika di dalam, hati sama bergetar?
Setiap insan, lahir serupa,
Dengan hak, harapan dan rasa cinta.

Mari hapuskan tembok yang menghimpit,
Runtuhkan prasangka yang kian sempit.
Kerana dalam jiwa, tiada beza,
Kita satu keluarga, tanpa cela.

Perkauman hanya bayang hitam,
Yang pudar di sinar kasih yang terang.
Bersama kita genggam tangan erat,
Menyulam dunia penuh rahmat.

Dari timur hingga barat dunia,
Setiap tamadun adalah cermin kita.
Mencari makna dalam perbezaan,
Bersama mencipta peradaban insan.

SAJAK PERPADUAN ITU SEJATI
Oleh: Meor Aiman Iswanddy bin Asmadi

Dalam jagat ini kita beradu,
Beraneka rupa, jiwa berpadu,
Dari puncak hingga lembah,
Semua bersaudara tiada pertentangan.

Raja di singgahsana menabur kasih,
Rakyat jelata saling berpasih,
Di bumi bertuah tanah yang makmur,
Hidup bersama, hati yang jujur.

Bahasa yang indah, tutur dipuja,
Adat yang luhur, pusaka bangsa,
Tiada terasing di dalam kalbu,
Sama merasa walau berlainan suku.

Di bawah langit yang satu cerah,
Kita bersatu tanpa resah,
Agama berbeza, adat berlainan,
Namun kasih sayang takkan berkurangan.

Tiang perpaduan kukuh berdiri,
Menjunjung tinggi maruah diri,
Damai sentosa kita pelihara,
Tiada lagi hati yang sengsara.

Warna kulit tidak bermakna,
Hati suci, akhlak mulia,
Di mata Tuhan kita sama,
Hidup bersatu, berpadu jiwa.

Perpaduan ini adalah kearifan,
Dibawa turun dari langit megah,
Menjadi teras, tiang terkuat,
Selamanya teguh, takkan terpecat.

SAJAK PERPADUAN KEKUATAN SEJATI
Oleh: Nurul Atirah binti Ibrahim

Sebuah ikatan yang disemai,
Tertanam hingga hujung sanubari,
Membuahkan sebuah kunci sejati,
Menggerakkan masyarakat dalam satu frekuensi,
Itulah perpaduan paksi keamanan manusiawi.

Tatkala melayari gelora badai zaman,
Perjuangan harus diteruskan,
Agar langkah sentiasa seiringan,
Agar di medan pertempuran,
Kita sentiasa bergandingan.

Seluas samudera tuhan,
Kita mampu berlayar tanpa tenggelam,
Berganding bahu menongkah arus,
Berpaut tangan mengharungi rintangan,
Tanpa getar dan tanpa takut,
Itulah kekuatan sebuah perpaduan.

Disinilah bermulanya sebuah kemenangan,
Ketika rantai ikatan tidak mampu diputuskan,
Api perpaduan tidak mampu dimatikan,
Itulah perpaduan yang disemadi,
Mampu melahirkan kekuatan sejati.

SAJAK WARNA PERPADUAN
Oleh: Nur Atirah binti Ibrahim

Aku temukan kedamaian,
Dalam dunia aneka bangsa dan manusia,
Aku kagum dengan kekuasan tuhan,
Perbezaan menjadi asbab kesempurnaan,
Perpaduan menjadi nilai kemanusiaan.

Setiap perbezaan terus diraikan,
Menghulur tangan memberi senyuman,
Bersatu hati seiring dan sejalan,
Pelbagai budaya dengan satu tujuan,
Ikatan perpaduan menjadi benteng perpecahan,
Ayuh kita kekalkan persaudaraan.

Perpaduan akar perjuangan kemerdekaan,
Bersama-sama berpaut tangan,
Terus jalan menongkah arus zaman,
Berlayarlah di puncak kemenangan,
Bersama bersorak gembira,
Kerana ini kemenangan kita bersama.

Berbeza bangsa, adat dan budaya,
Namun dari tampuk yang sama,
Tanamkan di lubuk jiwa,
Perjuangan harus diteruskan bersama,
Sekarang dan selama-lamanya.

SAJAK PERPADUAN KITA
Oleh: Nurul Sakinah Aishah binti Razak

Di bawah langit biru, bersatu kita berdiri,
Pelbagai warna, satu hati,
Bumi bertuah, kita warisi,
Perpaduan teguh, rukun dan harmoni.

Dalam setiap senyuman, ada keikhlasan,
Kita berjalan, tangan bergandingan,
Rasa cinta merentas perbatasan,
Mewarnai hidup, satu tujuan.

Dari utara ke selatan,
Dari timur ke barat,
Kita sama sama berjuang,
Membangun harapan, takkan pernah runtuh.

Berbeza budaya, itu anugerah,
Bahasa dan adat, pelbagai lafaz,
Namun jiwa kita, satu jiwa,
Perpaduan di ahti, takkan pudar.

Sejarah mencatat, titian yang dilalui,
Dari susuh dan senang, kita belajar bersatu,
Masa depan cerah, mari kita bina,
Dengan perpaduan, kita akan bersatu.

Satu bangsa, satu negara,
Maju bersama, tanpa rasa berbeza,
Kita jaga aman, kita pelihara,
Perpaduan kita, maruah yang takkan lenyap.

SAJAK PERPADUAN KITA
Oleh: Anas Mustafa bin Muhammad Salman @ Zalman

Di tanah ini kita berdiri teguh,
Berbilang kaum, budaya nan indah,
Bahasa dan adat berbeza jauh,
Namun bersatu, dalam satu langkah.

Sejarah kita sarat dengan warna,
Luka dan gembira silih berganti,
Namun semangat tak pernah pudar,
Dalam perpaduan, kita terus berjaya.

Melayu, Cina, India, serentak seiring,
Sabah dan Sarawak, tiada terpinggir,
Dalam nafas bangsa, kita tak gentar,
Membina negara dengan jiwa besar.

Tiada warna kulit jadi penghalang,
Hanya hati yang ikhlas, bebas dari cemas,
Bersama kita teguh, takkan gentar,
Perpaduan ini mantap, takkan pudar.

Hormat dan kasih mengikat kita,
Dalam satu bendera, satu suara,
Perbezaan adalah kekuatan nyata,
Di Malaysia, kita semua bersaudara.

Marilah kita bangkit bersatu,
Menjunjung cita di bawah naungan,
Dengan perpaduan sebagai tiang negara,
Malaysia gemilang, harum namanya.

SAJAK PERPADUAN KITA
Oleh: Anggun Rosmaliyani binti Abdullah

Di bawah langit yang biru kita berdiri,
Berbilang kaum, satu hati.
Bersatu kita bina negeri,
Dengan kasih sayang yang abadi.

Tiada beza warna kulit,
Hanya perpaduan yang kita julang.
Bersatu padu, erat dan kukuh,
Mencipta masa depan yang gemilang.

Dalam susah, kita saling membantu,
Dalam senang, kita kongsi bersama.
Perpaduan ini tiada tandingan,
Menjadi kekuatan, tiada sempadan.

Anak-anak bangsa, harapan negara,
Bersama kita melangkah maju ke hadapan.
Dengan semangat yang membara,
Perpaduan kita, tiada yang mampu menggugat.

KARYA PERTANDINGAN PENULISAN PUISI YANG TERPILIH
SAJAK

PERPADUAN KITA
Oleh: Farah Ainin Sofiya binti Azizan

Di bawah satu langit biru,
Kita berdiri teguh bersatu,
Melayu, Cina, India dan semuanya
Saling menyahut dan bersatu,
Mahu membina tanah air yang sudah hampir sekurun usianya.

Dari utara hingga ke selatan,
Dari timur ke barat, kita bersama,
Merentasi laut, hutan, dan gunung,
Perpaduan menjadi kekuatan dan citra bersama.

Bahasa kita mungkin berbeza,
Adat dan budaya, warna juga rasa,
Namun di hati ada cinta yang sama,
Untuk tanah air, tanah tumpah darah tercinta.

Di pasar, di padang, di jalan raya,
Kita berganding bahu, tanpa mengira warna,
Meniti hari dengan harapan dan cita,
Membangun negara dengan semangat waja.

Marilah kita hargai kedamaian,
Menolak benci, merangkul kasih untuk anak watan,
Kerana di hujung hari, kita sedar dan tahu,
Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.

Ucapkanlah kita anak Malaysia dengan bangga,
Kerana di bawahnya, kita satu jiwa,
Perpaduan, kekuatan, harapan bersama,
Untuk Malaysia, selamanya sebuah cinta yang tidak pernah mati rasanya.

SAJAK PERPADUAN KITA
Oleh: Mohammad Hazim bin Bolhassan

Perpaduan kita,
Kita datang dari pelbagai warna,
Berbeza budaya, bahasa dan cara,
Namun di tanah ini kita bersatu padu,
Membangun negara, menuju maju.

Perpaduan kita,
Seperti pelangi di langit cerah,
Bersinar indah, tiada yang lelah,
Merah, kuning, biru berpadu warna,
Mewarnai hidup, menambah ceria.

Perpaduan kita,
Walau berbeza adat dan kepercayaan,
Kita tetap teguh dalam perpaduan,
Kerana kasih sayang mengikat jiwa,
Menjadikan kita satu keluarga.

Perpaduan kita,
Bersama kita harungi suka dan duka,
Seiring melangkah, bersama melata,
Mencipta harmoni, membina tamadun,
Untuk negara yang aman dan makmur selalu.

SAJAK PERPADUAN KITA
Oleh: Mohamad Amirul Fahmi bin Yusaffandy

Di bawah langit biru yang sama,
Pelangi warna-warni menyinari bumi,
Di antara kita, berbeza bahasa,
Namun hati kita satu, bersatu dalam harmoni.

Di pasar, senyum mesra,
Beras dan rempah, bercerita kisah,
Lain budaya, lain tradisi,
Namun jalinan kita, tiada sempadan.

Anak-anak bermain, tanpa rasa cemburu,
Berkongsi gelak tawa, tanpa mengira warna,
Kita bina masa depan, penuh cita-cita,
Di mana perpaduan, menjadi kekuatan utama.

Setiap langkah, kita jaga bersama,
Dalam persahabatan, tiada siapa terpinggir,
Dengan kasih dan pengertian,
Perpaduan mengukuhkan, satu visi murni.

Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh,
Di bumi Malaysia, kasih kita bersemi,
Dalam pelukan kasih, kita rayakan,
Perpaduan ini, harta yang tiada ternilai.

SAJAK SATU JIWA SATU BANGSA
Oleh: Mohamad Amirul Fahmi bin Yusaffandy

Dari Utara hingga ke Selatan,
Kita bertemu dalam satu panggilan,
Bersemi budaya, berwarna warni,
Namun hati kita, tetap satu jiwa.

Di ladang hijau, peluh dan harapan,
Bersama kita mencari rezeki,
Dari pelbagai latar, berkat perpaduan,
Kita bina masjid, kita bina sekolah.

Di tengah hutan, suara burung merdu,
Di sungai yang mengalir, kenangan bersatu,
Anak-anak bermain, tanpa rasa asing,
Berpegang tangan, menjulang impian.

Kita sambut perayaan, bersama ceria,
Mencipta kenangan, dalam harmoni,
Beraneka juadah, berbagi rasa,
Di meja yang sama, tiada perbezaan.

Satu bangsa, satu suara,
Dalam kesusahan, kita berdiri,
Dari pelbagai warna, kita berpadu,
Perpaduan ini, tiada taranya.

Kita ukir sejarah, langkah demi langkah,
Menghadapi cabaran, tiada gentar,
Dengan semangat perpaduan,
Kita terus mara, meniti masa depan.

SAJAK PERPADUAN MANUSIA
Oleh: Nurul Iman Natasha binti Azmi

Bagaikan benang tenunan emas,
Beranyam kemas tanpa terlerai,
Manusia bersatu tanpa batas,
Berpadu hati, tiada cerai.

Bahtera besar melayar lautan,
Kayu-kayu padu disusun kemas,
Mengharung ombak, taufan dan hujan,
Bersatu utuh, tiada yang lemas.

Bak cempaka dengan melati,
Harum mewangi seiring bayu,
Pelbagai bangsa, sejiwa sehati,
Berpadu mesra di tanah Melayu.

Berbeza warna, berbeza rupa,
Namun bersatu dalam peranan,
Hidup bersama tiada curiga,
Mengukir indah jalinan aman.

Pantun dan syair, lagu dan irama,
Mengalir halus di desa dan kota,
Berpadu budaya, serumpun lama,
Menghidupkan warisan pusaka kita.

Bersama melangkah di titian nan rapuh,
Bahu membahu tanpa bicara,
Mengangkat martabat, menggenggam amanah,
Menuju puncak jaya bersama.

Biarpun ujian datang melanda,
Tiada gentar kita hadapi,
Dengan iman dan taat setia,
Perpaduan ini takkan terhenti.

Seperti air di dalam tempayan,
Meski beriak, tiada bergelora,
Rukun damai sepanjang zaman,
Perpaduan insan, anugerah yang mulia.

SAJAK PERPADUAN MEMBINA KEBAHAGIAAN
Oleh: Verelita Carol D. Patrik

Perkahwinan adalah kunci perpaduan,
Menyemai kesefahaman,
Menyemai kedamaian.
Dua insan,
Membina keluarga,
Membentuk masa depan yang terang.

Pendidikan,
Bukan sahaja membuka minda,
Malah menghargai perbezaan,
Membentuk jiwa, menambah erti,
Dalam kehidupan ini.

Bekerjasama bukanlah,
Soal aku atau kamu,
Tetapi tentang kita,
Seperti aur dengan tebing,
Meraih kunci pintu kejayaan.

Hormat itu hanya sederhana,
Mempunyai cinta yang tumbuh,
Yang memancar tanpa suara
Lalu menyatukan segala yang lemah,
Menguatkan kasih antara semua.

Bertolak ansur menjadi tunjang dalam mentadbir,
Bersama bersatu bersama tujuan,
Mencipta keadaan yang harmoni,
Bersama membina,
Pentadbiran yang kukuh, rakyat harmoni.

SAJAK PERPADUAN MEMBENTUK NEGARA YANG AMAN
Oleh: Sailly Janil

Perpaduan
Di negara yang indah,
Pelbagai agama dan bangsa,
Kulit yang berbeza,satu tujuan,
Mencapai Impian dalam negara yang aman,
Menjulan tinggi perpaduan yang gemilang.

Kasih sayang
Kasih sayang antara sesama,
Perbezaan adat dan bahasa,
Memberi kasih tanpa balasan,
Menghulur tangan saat keperluan,
Tanpa mengira siapa di depan.

Hormat-menghormati
Hormat bukan hanya sekadar kata,
Tetapi juga dengan perbuatan,
Tanpa mengira agama dan bangsa,
Menghargai insan yang berlainan,
Membina negara tanpa selisih faham.

Tolong menolong
Dalam negara yang berbeza agama dan budaya,
Rakyat saling tolong menolong,
Memberi bantuan apabila kesusahan,
Menolong sesama tanpa memandang latar belakang,
Kerana bersama kitab boleh berdiri teguh.

Pendidikan
Pendidikan adalah medan perpaduan,
Di mana pelbagai bangsa dan agama bekumpul,
Menimba ilmu di ruang yang sama,
Dengan minda yang cerdas dan hati yang terang,
Melangkah bersama menuju masa depan.

SAJAK PERPADUAN MIMPI DAN REALITI
Oleh: Wan Norzulaiha Afiqah binti Shamsulazam

Wahai anak muda,
Kau adalah bintang yang bersinar,
Jangan biar cita-citamu terbenam dalam lautan,
Mimpimu itu sungguh indah,
Namun dunia realiti tidak seperti yang disangka,
Maka perpaduan keduanya yang akan membuatmu tertangguh.

Ingatlah wahai anak muda,
Ketika cabaran datang,
Jangan takut untuk berjuang,
Mimpi itu hanya khayalan,
Jika kau tak menjadikannya kenyataan,
Tonjolkan keberanianmu,
Demi merealisasikan impianmu,
Maka perpaduan antara mimpi dan kenyataan, kau akan temu sendiri.

Bersiap sedialah untuk menghadapi jatuh dan bangun,
Kegagalan bukanlah titik noktah hidup seseorang,
Bangun dan terus bangkit,
Buktikan dirimu seorang yang hebat dan berjaya.

Wahai anak muda,
Jangan pernah lari dari realiti,
Teruskan berjalan tanpa toleh ke belakang,
Capailah impianmu dengan gagah,
Seimbangkan mimpi dengan usahamu,
Kerana alam ini menunggu,
Untuk melihat perpaduan,
Antara kau berani bermimpi,
Atau kekuatanmu mewujudkannya,
Tepuk dada tanyalah hati.

SAJAK PERPADUAN
Oleh: Nurdinah binti Said Mohd

Setiap kali mengorak langkah perpaduan,
Bersama-sama kita menggenggam tangan,
Menempuh suka dan duka bersama,
Menempuh panorama kehidupan menggoncang dunia,
Pancaroba globalisasi yang dilalui dengan sukar, Namun,
kita Tetap bersatu dan tegar menghadapi dugaan,
Itulah yang dinamakan Perpaduan.

Perpaduan,
Menjadi simbolik kekuatan negara,
Seperti sejenis persahabatan yang tak terungkap,
Dengan perkataan, senyuman, lambaian,
Dan mesranya perhubungan.

Melayu, India dan Cina,
Dahulu kala kita bertempur dengan penjajah,
Namun sekarang kita bersama,
Membuka lembaran baru dengan kehidupan yang harmoni.

SAJAK SATU SUARA, SATU JIWA
Oleh: Sangeeta a/p Selvakumar

Di tanah ini, kita berpijak,
Berbeza warna, namun satu langkah,
Jalur gemilang, kibarkan megah,
Cerminan cinta, tak pernah punah.

Bahasa yang berlainan nada,
Namun hati tetap serupa,
Semangat perpaduan menyala,
Tiada jurang, kita bersama.

Dari sawah hingga ke kota,
Berganding bahu, erat mesra,
Tiada lagi perbezaan rupa,
Semua satu, itulah kita.

Dalam susah, kita membantu,
Dalam senang, tetap bersatu,
Warna kulit bukan penentu,
Nilai kita pada hati yang padu.

Marilah kita eratkan ikatan,
Jangan biarkan retak persahabatan,
Kerana kita, anak watan,
Bersama, menuju kemajuan.

SAJAK PERPADUAN SEINDAH ALAM NUSANTARA
Oleh: Nur Iman Natasha binti Azmi

Bagaikan jalinan benang sutera,
Beraneka warna dianyam rapi,
Menjadi kain megah di persada,
Kekuatan terletak pada bakti.

Akar berjalin di tanah berdekat,
Mencengkam bumi, pohon mendongak,
Walau tak tampak pada yang melihat,
Kukuh perpaduan, tidak terungkak.

Seperti pelangi selepas hujan,
Warni-warni bercantum di awan,
Melambangkan harapan insan,
Berpadu hati, membentuk perdamaian.

Bunga pelbagai dalam sejambak,
Harumnya wangi melata alam,
Walau berbeza rupa dan tampak,
Bersama mewangi, satu kalam.

Bak alunan gamelan gemalai,
Gong dan seruling, berselang-seli,
Melodi indah, mengalun damai,
Satu irama, seia sekata, harmoni berdiri.

Sungai kecil dari gunung puncak,
Bertemu di muara luas membiru,
Membawa khabar dari puncak,
Menuju samudera, serentak beradu.

Itulah kita, bangsa serumpun,
Berpadu hati di tanah warisan,
Biar diuji, biar dirundung,
Perpaduan utuh, kekal berkesan.

Selagi bintang di langit bertaburan,
Selagi bulan menyinar cahayanya,
Perpaduan insan, indah tersimpan,
Menyemai damai di bumi tercinta.

SAJAK PERPADUAN SEJATI
Oleh: Nurul Sakinah Aishah binti Razak

Di tengah samudera warna-warni budaya,
Kita bersatu, bagaikan pelangi megah,
Berbisik pada angin, semangat takkan pudar,
Menyatu dalam harmoni, melangkah dengan berani.

Di lembah sejarah, kita menulis kisah,
Di antara detik-detik getir dan indah,
Perpaduan kita, api yang menyala,
Menembus kegelapan, membawa cahaya.

Dengan lirik bahasa berbeza, kita berirama,
Seperti aliran sungai, tak pernah terpisah,
Membina jembatan, di atas jurang,
Persahabatan terjalin, tiada terputuskan.

Di medan juang, suara kita seirama,
Menggenggam harapan, takkan pernah goyah,
Bersama merentas, setiap liku kehidupan,
Perpaduan ini, gemanya melangitkan.

Bersatu dalam jiwa, kita pencinta aman,
Dari puncak Himalaya hingga ke laut biru,
Setiap langah, setiap hela nafas,
Perpaduan sejati, itulah janjiku.

Melangkah gagah, dalam satu visi,
Bumi tercinta, tiada yang terasing
Perpaduan ini, pancaran kasih,
Kita terus bersatu, demi masa yang lebih bersih.

SAJAK PERPADUAN TANPA PERBEZAAN
Oleh: Aiza Nazihah binti Mohd Azman

Dalam pelukan budi, kita bersatu,
Berbeda rupa, tapi satu tujuan.
Seperti pelangi setelah hujan,
Indahnya hidup dalam kesatuan.

Langkah kita seiring, tanpa rasa ragu,
Menggenggam harapan, menembus waktu.
Ketika suara lantang bersatu,
Kita bangun dunia yang baru.

Bersama hadapi setiap rintangan,
Di dalam kasih, tiada perpecahan.
Semangat perpaduan, tiada terasing,
Membawa kita ke arah yang terang.

Mari kita jalin,
Cinta dalam keberagaman,
Satu langkah, satu hati,
Semangat perpaduan, jaya abadi.

SAJAK POHON HARAPAN BANGSA
Oleh: Nur Balqis As Sofea binti Mohd Jumat

Di mayapada ini bunga bermekaran
Pelbagai warna dan wajah yang menawan
Dedahan melambai lembut menghijau disirami mentari
Menari-nari ditiup semilir bayu
Berbahasa merdu mendayu
Itulah perpaduan yang utuh
Walau terdapat variasi serupa
Tetap teguh pada satu pendirian
Berpegang kepada slogan
Bersatu teguh bercerai roboh

Air hujan mengalir deras
Seperti angin badai yang melanda
Akar menjalar jauh ke dalam tanah
Yang subur
Mencengkam kuat bumi yang kukuh
Di tanah bertuah ini
Cabaran hebat harus ditempuhi
Kerana ia dihuni ciptaan
Yang Maha Esa
Harus menyingkirkan pohon dan ranting yang reput
Membina tunas baru untuk memperkukuhkan harapan
Nusa bangsa

SAJAK RAGAM BUMI KITA
Oleh: Nur Masitah binti Massuwari

Langit biru menyaksikan,
Kita semua anak watan,
Berbeza namun sehaluan,
Bersama mencipta kesatuan.

Setiap benua membawa ragam,
Setiap bangsa bawa pesan,
Namun di hati, tiada sempadan,
Kita satu, berkongsi impian.

Seperti mozek, bersimpul seni,
Di susun indah, sempurna berdiri,
Kitalah pantulan cahaya,
Yang menerbakan sinar ceria.

Biar ada hujan yang datang,
Namun kita tetap tenang,
Melangkah gagah seiringan,
Menuju cahaya penuh harapan.

Kepelbagaian bukan beban,
Ia kekuatan yang kita genggam,
Membentuk jambatan kukuh,
Menghubungkan hati tanpa rapuh.

Walau kita jauh berbeza rupa,
Dalam diri, kita sama jiwa,
Bersama menuju destinasi,
Mencipta dunia yang penuh erti.

Di setiap penjuru dunia,
Kita tersenyum bersama-sama,
Mungkir indah sebuah mimpi,
Yang tiada penghalang, penuh harmoni.

SAJAK RAKYAT BERSATU, NEGARA MAJU
Oleh: Kisua Kipli

Bumiku Malaysia
Tanah tumpah darah tercinta
Pelbagai keindahan budaya di dalamnya
Damai, harmoni, aman sentiasa
Kita bangsa Malaysia
Akan terkenal seluruh dunia.

Kini
Tidak ada lagi berlaku persengketaan
Tidak ada lagi berlaku peperangan
Tidak ada lagi berlaku permusuhan
Walau pelbagai agama, bangsa dan budaya
Suasana harmoni tetap dirasakan.

Malaysiaku
Perpaduan yang telah dicapai haruslah dijaga
Negara kita yang gemilang dan terbilang
Berbilang kaum, budaya dan bangsa
Itulah identiti negara kita Malayia.

Biarpun kita berbeza adat
Biarpun kita berlainan pendapat
Kita tetap satu
Satu hati, satu jiwa, satu rasa
Inginkan negara yang aman sentosa
Nikmatnya kita kongsi bersama
Walau apapun rintangan
Kita haruslah bersatu kerana kita
Satu Malaysia.

Malaysia bumiku Malaysia
Tanah airku yang tercinta
Walau berbagai bangsa, budaya dan agama
Namun berpegang pada rasa cinta yang sama
Idamkan sebuah negara yang maju
Yang hanya boleh dicapai dengan kesepaduan.

SAJAK RAKYAT KU BERSATU
Oleh: Siti Nur Waslimah binti Wasman

Kerukunan hidup masyarakat melayu,
Hadirnya dengan sikap menghormati,
Dalam negara Malaysia yang berbilang kaum,
Menjadi pembangun kesatuan rakyat.

Pengenggaman tangan yang erat,
Menjadi teras kemajuan rakyat,
Bergabung menjadi satu suara yang begitu kencang,
Bersatu padu membangkitkan masyarakat,
Agar hidup harmoni sentiasa.

Sikap saling mempercayai,
Adalah kunci perpaduan masyarakat,
Musnahnya prasangka busuk yang mampu menimpah mereka,
Yang membawa kepada persengkataan,
Dan juga perpecahan.

Bertolak ansur adalah nilai murni,
Membawa keharmonian dalam kehidupan,
Membuang segala usulnya kerumitan,
Pengukuhan perpaduan untuk ikatan muafakat.

Kasih sayang wujudnya sebagai belaian,
Menarik kukuh jiwa yang keras,
Agar menjadi satu hati yang teguh,
Dalam hidup bersama dengan sejahtera.

SAJAK RANTAIAN BUDI, TAUTAN HATI MENUJU HARMONI
Oleh: Auni Umairah binti Zinurain

Keajaiban telahpun menanti tiba detik ini,
Perserian diungkap nyata, harapan baharu diraikan,
Warisan bangsa menjunjung langit yang tinggi,
Mimpi yang dicitakan akhirnya menjadi realiti.

Merah, putih, kuning, biru tiada tandingan gahnya,
Warna semangat, tanda kedaulatan di bawah naungannya,
Sehati dan senada, jiwa bersatu padu,
Dalam satu nafas, satu budi, tiada jemu.

Nuansa warna ini tidaklah akan guguh,
Tali jati semakin erat, tiada terputus meskipun rapuh.
Tidak akan terbenam pusaka bangsa mulia,
Sengketa kelmarin karam tiada bersua.

Maka kini menjenguklah detik baharu,
Dengan warna gemilang nian indah bersatu.
Harum wangian harapan menyusuri lembah,
Akal budi membawa kita kepada arah.
Arah yang akan membimbing ke ambang kesatuan.

Nusantara yang berbenteng kekuatan, masih teguh berdiri,
Iman dan percaya menjadi perisai,
Maka di jalan kemajuan bangsa melangkah,
Dengan hati tabah, bangsa terus gagah.
Hanya satu kata,
Perpaduan.
Satu kata yang akan mengikat persada watan.

SAJAK RENTAK KITA SATU
Oleh: Nur Azyyati binti Asri

Rentak kita mungkin tak sama,
Ada yang tenang, ada yang lama,
Tapi iramanya sentiasa sehati,
Menyulam harmoni dalam bumi.

Perpaduan bukan hanya pada bicara,
Ia hadir dalam setiap usaha,
Membina bangsa yang teguh berdiri,
Dengan kasih sayang yang tak bertepi.

Lihatlah tangan yang terulur,
Tanpa prasangka, tanpa angkuh,
Dalam peluh, kita bina jembatan,
Menaut mimpi dan harapan berpanjangan.

Meski ribut datang menggocang,
Kita tetap satu dalam jalan terang,
Kerana rentak kita satu nyawa,
Memupuk cinta dalam segenap jiwa.

Biar dunia saksikan kini,
Kita bersatu, takkan sunyi,
Dalam perpaduan kita berdiri,
Sebagai bangsa yang sejati.

SAJAK RENTAK PERPADUAN
Oleh: Nur Yasmin Nafisha binti Abdullah

Di bawah langit yang sama,
Kita berdiri, bangsa pelbagai,
Kulit, bahasa, agama tak serupa,
Namun hati sejiwa, sehati sejiwa.

Tanah ini kita kongsi,
Berpeluh kita bina,
Setiap langkah, setapak mimpi,
Membentuk cerita bersama.

Kita umpama anyaman kain,
Benang warna-warni disulam rapi,
Tanpa satu, tiada yang lain,
Setiap helaian erat bersebati.

Jika angin datang melanda,
Taufan cuba memisah kita,
Kita tetap utuh bersama,
Lawan segala duka dan nista.

Hidup ini untuk dipelajari,
Perbezaan bukan satu jurang,
Tetapi jambatan untuk dihayati,
Menyatukan hati yang kadang terbang.

Bersama kita berdiri teguh,
Runtuhkan dinding yang memisah,
Tiada benci, tiada musuh,
Hanya kasih sayang yang mengalir pasrah.

Inilah tanah air kita,
Milik semua tanpa kira,
Perpaduan nadi yang bernyawa,
Membawa kita menuju jaya.

Dengan tangan bersatu tegap,
Marilah kita bangunkan negara,
Tanpa dendam, tanpa sikap,
Hanya cinta yang kekal selamanya.

SAJAK RINDU PERPADUAN
Oleh: Putera Muhaymin bin Hamizan

Di lembah ini kita bertemu,
Beriring langkah, tangan bersatu,
Pelbagai warna, pelbagai suara,
Bersama mengukir sejarah yang mulia.

Malam berbintang, sinar harapan,
Kita meniti jalan berliku,
Seperti satu majlis beraya,
Di mana budaya bersatu, tanpa rasa hiba.

Di atas tanah ini kita berdiri,
Berkongsi kisah, bercampur janji,
Dari utara ke selatan, timur dan barat,
Satu Malaysia, dalam tenunan kasih yang kuat.

Bulan purnama menyaksikan kita,
Menyemai benih kasih, tiada jemu berusaha,
Kita bangkit, seiring sejalan,
Menggapai cita, dengan hati yang penuh keyakinan.

Dalam pelbagai budaya kita bersatu,
Mencari jalan, mengeratkan jati diri,
Kasih sayang adalah bahasa kita,
Satu suara, satu jiwa, dalam harmoni abadi.

Harmoni yang dicipta, tiada bertepi,
Menjadikan kita keluarga yang sejati,
Rindu perpaduan, rindu keindahan,
Bersama kita, satu harapan, satu perjalanan.

KARYA PERTANDINGAN PENULISAN PUISI YANG TERPILIH
SAJAK

SAJAK SAHMURA BANGSA
Oleh: Nur Nadhirah binti Ahmad Zaidi

Bangsaku,
perpaduan itu umpama tenunan halus
mengalun dersik bahagia
bersama erat tiada terputus
menyulam damai mencipta makna.

Walau kita berbeza;
fiil, adat dan rupa
namun hati berpadu, tiada tersungkur
di tanah ini kita bertapak akur
mencipta segala apa yang lengkara.

Bangsaku,
nyahkan ombong di dada
kerna kitalah sahmura
pemimpin, nadi segala
di bawah payung langit indah
perpaduan, teras nikmat bertuah.

Bagai sungai menuju samudera
bersama kita hadap ombak yang tiba
melayari samudera penuh permata
dengan perpaduan, bangsa terpelihara.

SAJAK SAKSI KOTA
Oleh: Arif Haiqal bin Roslan

Sungai ini menjadi saksi
Menyulam masa di celah kota
Menganyam ras berjuraian warna.

Sungai ini menjadi saksi
Airnya bukan sekadar cerminan
Sejarah terukir dalam pertemuan
Setiap cabang menyalur perpaduan.

Sungai ini menjadi saksi
Pengikat kaum berantai emas
Di bawah langit terbentang luas
Berjiwa semangat mengalir deras.

Sungai ini menjadi saksi
Setiap titis adalah janji
Bangsa Malaysia terus berdiri
Walau kita diuji
Tetap berpaut takkan pergi.

Sungai ini menjadi saksi
Tanda kesetiaan
Mengutuskan harapan
Roh kesatuan tanpa sempadan.

Maka,
Di sungai inilah
Tempatnya bermula
Arus tenang membawa suara
Dari tepian, hati bersua
Menyatukan kaum di kota sejahtera.

SAJAK SALAM JIWA PERPADUAN
Oleh: Wan Norzulaiha Afiqah binti Shamsulazam

Biar angin datang kasih khabar,
Biar lautan datang bergelora,
Kita tetap bersatu,
Dalam jiwa perpaduan digenggam.

Kemerdekaan negara yang dikecapi,
Memberi 1001 makna,
Penyatuan antara Melayu, Cina Dan India, Laungan 'merdeka'
menjadi sejarah,
Keharmonian kaum,
Kekal sehingga ke hari ini.

Berbeza bahasa tak menghalang,
Pelbagai bangsa tegur-menegur,
Di bawah langit yang sama,
Seiring berjalan,
Menggapai impian bersama,
Kita tetap teguh sejiwa.

Adat dan budaya tidak dilupakan,
Tiada yang hilang tiada yang ganti,
Semua bangsa bersatu demi keamanan,
Perpaduan jadi landasan kehidupan,
Hidup sejahtera negara maju.

Pelbagai warna beraneka ragam,
Ada putih,
Ada sawo matang,ada hitam,

Itu hanya warna kulit sahaja,
Walau banyak rintangan dan cabaran,
Kita terus berjuang bersama,
Tanpa menoleh ke belakang,
Membentuk perisai perpaduan yang sebenar

SAJAK SATU HATI DALAM SERIBU WARNA
Oleh: Tan Mei Xin

Malaysia, Oh Malaysia,
Rakyat berbilang kaum,
Perpaduan teras utama,
Dalam kepelbagaian, kita bersatu.

Bahasa Melayu,
Bahasa kebangsaan yang kita junjung,
Memudahkan komunikasi,
Menghubungkan hati,
Mencegah perselisihan.

Sambutan Hari Kemerdekaan,
Menghidupkan semangat patriotik,
Menghargai jasa pejuang negara,
Menjaga keamanan bersama,
Menjulang amanah yang dikandung.

Malaysia boleh,
Laungan penuh semangat,
Bergema dalam setiap acara sukan,
Rakyat bersorak bersemangat,
Menyokong pasukan kita,
Dalam setiap pertandingan,
Membawa kemakmuran dan kebanggaan.

Lima prinsip Rukun Negara,
Dilafazkan di setiap perhimpunan,
Asas Malaysia Madani,
Memperkuat perpaduan dan keharmonian,
Meningkatkan kesejahteraan negara.

Malaysia, Oh Malaysia,
Kita teruskan perjuangan,
Mengekalkan perpaduan ini,
Dalam satu hati, seribu warna.

SAJAK SATU IRAMA SATU JIWA
Oleh: Nur Fathiyah binti Ismail

Dalam samudera yang biru,
Pantulan sinaran mentari menyatu,
Deru angin turut berlagu,
Menyatu harmoni yang satu.

Dalam harmoni langit dan bumi,
Berpadu warna, suara dan rasa,
Satu irama di hati yang murni,
Mengikat jiwa di dalam rasa cinta.

Takkan sempurna pelangi tanpa hujan,
Begitu juga dengan kita,
Saling melengkapi,
Perbezaan adalah keindahan kita,
Menyatu dalam kasih,
Saling menyayangi.

Mari kita rangkul segala rasa,
Bersatu padu dalam satu cerita,
Di bawah naungan kasih yang ada,
Mencipta dunia yang lebih bermakna.

SAJAK SATU JUWA, SATU HARAPAN
Oleh: Nur Hikmah binti Abdul Hanim

Di bawah langit yang sama, kita berdiri,
Bersatu hati, meniti kasih yang tak bertepi.
Warna-warni kita, seperti pelangi yang berkilau,
Membentuk harmoni, menghapus kelau.

Kita adalah bintang, berkelip dalam malam,
Mencari sinar, mengubah gelap jadi terang.
Tiada dinding, tiada jurang,
Hanya pelukan mesra, di antara kita yang seiring.

Lihatlah, bumi ini dengan penuh cerita,
Dari kampung kecil hingga kota yang megah.
Bahasa berbeza, budaya yang beraneka,
Namun jiwa kita satu, melangkah seirama.

Perpaduan adalah nadi, jantung yang berdegup,
Menghidupkan harapan, di setiap langkah yang berlipat.
Biar kita buktikan, cinta takkan pudar,
Dalam kesulitan, kita bersama, tiada yang terpisah.

Biar badai datang, angin menerpa,
Kita berdiri teguh, menghalau duka.
Dengan doa, kita terbangkan cita,
Menuju cakrawala, impian bercahaya.

Marilah, sahabat, kita ukir sejarah,
Dengan perpaduan, kita ciptakan bahagia.
Di bumi ini, bersatu kita seia,
Satu jiwa, satu harapan, selamanya.

SAJAK SATU SURA, SATU HATI
Oleh: Norfharisya Amira binti Pengadil

Di tanah ini,
Kita berdiri,
Berlainan wajah, berlainan cara,
Namun jiwa tetap serupa.

Perpaduan itu bukan sekadar kata,
Ia alunan harmoni yang melangkaui bangsa,
Di setiap nafas, di setiap gerak,
Ada cinta untuk tanah air yang sama.

Kita bukan lagi aku atau engkau,
Kita adalah kita,
Bersama mengejar mimpi,
Menggapai bintang dalam satu perahu.

Jika badai datang melanda,
Kita hadapi dengan gagah,
Kerana tiada yang lebih kuat,
Daripada semangat yang bersatu padu.

Inilah negara kita,
Di mana perpaduan bukan sekadar impian,
Tetapi realiti yang kita ciptakan,
Bersama, selamanya.

SAJAK WARNA DALAM PELANGI
Oleh: Nur Azyyanti binti Asri

Kita datang dari tanah berbeza,
Laut, bukit, padang dan desa,
Bersama di bawah langit yang sama.

Perpaduan bukan sekadar kata,
Ia denyut nadi ssebuah bangsa,
Satu warna dalam pelangi,
Saling melengkapi, tiada iri.

Dalam langkah kita berganding,
Tangan erat tanpa asing,
Setiap senyuman adalah benang,
Menjahit luka menjadi bintang terang.

Jangan biar retak di antara,
Perselisihan kecil jadi durjana,
Kerana kita, meski berbeza rupa,
Tetap satu dalam jiwa merdeka.

SATU WARNA, SATU SUARA
Oleh: Nurhanis Sufiyah binti Salehan

Di tanah air yang sama terbina,
Pelbagai bangsa bersatu jiwa,
Melayu, Cina, India sehaluan,
Meniti hari penuh harapan,
Membina negara tanpa curiga.

Di bawah langit biru terbentang,
Perpaduan menjadi tiang gemilang,
Saling memahami, hormat menghormati,
Kunci keamanan dan harmoni sejati.

Walau berbeza agama dan budaya,
Namun hatinya satu cita,
Dalam kepelbagaian, kita bersatu,
Membina jalinan yang teguh dan padu.

Rakyat Malaysia tetap berdiri,
Menggapai impian penuh seri,
Tanpa mengira bangsa dan rupa,
Kita semua anak Malaysia.
Perpaduan itu sumber kekuatan,
Dalam kebersamaan tercipta sinaran,
Setiap langkah kita ke hadapan,
Bukti cinta, usaha, dan harapan.

Mari terus kita semarakkan,
Perpaduan itu impian yang gemilang,
Untuk anak cucu dan masa hadapan,
Kita pewaris, pelindung perpaduan.

SAJAK SEATMA SENUSA
Oleh: Bibi Nur Allya Maisara binti Hasnu

Dalam belaian kelopak bunga raya,
Malaysia berdiri teguh mendaki jaya,
Menyemai sentosa dalam rasa,
Makmur negara di persada bangsa.

Bumantara cerah saksi keharmonian nusa,
Jagatraya yang penuh warna,
Menghormati sesama manusia,
Mengikat renjana dalam kasih yang tak terusik.

Fajar menyusul menjenguk alam,
Menitip hangat pada dingin sang bentala bumi,
Berbeza kaum, bangsa dan agama,
Namun berenang dalam jiwa yang tak berbeza,
Membawa negara pada persaingan antarabangsa.

Dalam tenangnya sungai mengalir riang,
Kita adalah jalur air,
Tak putus dicincang,tak hangus dipanggang,
Perpaduan tonggak kemajuan negara,
Meneraju kemenjadian pertubuhan bangsa.

Kemeriahan perayaan mengikat sentosa,
Meraikan perbezaan cara kita,
Perjalanan kehidupan yang teguh nilai persaudaraan,
Menjadi tongkat mendaki tingginya ancala perpaduan.

Tumbuhnya sang padi subur nan kehijauan,
Menari-nari di bawah bayu yang bertiup,
Simbol kecekalan negara adalah perpaduan,
Tanpa kesepaduan maka runtuh ranah.

Dalam kesunyian belantara dibisik kicauan unggas,
Mendendangkan keharmonian sersama seruling perpaduan,
Jiwa berpelukan membentuk perpaduan,
Menggapai keberhasilan dalam memajukan.

Beratnya visi akan ringan dengan bersatunya rakyat,
Negara kita tak terbangun lemah,
Kita dibentuk dengan kata madah,
Pantang menyerah sebelum usai,
Berpantang curang pada negara.

SAJAK SEHATI SEJIWA
Oleh: Noorrahman bin Noorazman

Kehebatan negara terletak pada rakyatnya
Perpaduan kaum jana negara
Jika berpecah musnahlah bangsa.

Pelbagai bangsa keunikan negara
Rumah berjiran beratapkan peradaban adat
Saling menjaga sensitiviti kaum
Diberi mulut karunia Tuhan
Diberi mulut bukannya saling mencela
Melain digunakan hanya untuk bersapa
Merapatkan silaturahim mengelakkan cetera lama.

Perpaduan kaum perlulah dijaga
Agar Malaysia layak diucap
Agar Malaysia tidak lipur di peta dunia
Agar negara aman nentiasa
Martabat diangkat silaturahim dirapatkan.

Semua bangsa perlulah sehati sejiwa
Menjadi punca kemakmuran negara
Jadikan Malaysia di kalbu sentiasa.

SAJAK SEHATI SEJIWA DALAM RUKUN PERPADUAN
Oleh: Putera Muhaymin bin Hamizan

Di bumi ini kita berdiri,
Anak bangsa berbilang kaum,
Seperti pelangi yang megah,
Berwarna-warni, tanpa rasa curiga.

Bersatu kita dalam senyum mesra,
Melayu, Cina, India, saling berganding,
Membina jambatan kasih sayang,
Di atas sungai persahabatan yang mengalir.

Di bawah satu langit yang cerah,
Rukun Negara jadi panduan kita,
Hormat menghormati, budi bersatu,
Menjalin cinta, menghidupkan semangat yang beku.

Bahasa berbeza, hati tetap satu,
Saling memahami, menghargai kalbu,
Seperti irama lagu yang harmonis,
Dalam tangan yang erat, kasih terjalin.

Malaysia milik kita, tanah bertuah,
Di sini terpahat kisah perpaduan,
Sejarah kita adalah jalinan,
Generasi bersatu, penanda masa depan.

Teguhlah kita, sehati sejiwa,
Dalam pelukan harmoni yang abadi,
Tiada jurang yang mampu merenggang,
Inilah perpaduan, janji yang luhur.

Mari kita rangkaikan cerita,
Dengan benang kasih, budi pekerti,
Menjadi naskhah indah,
Kita adalah satu, bangsa yang bersatu.

SAJAK SEIRAMA DALAM PERBEZAAN
Oleh: Nur Aqilah binti Mohd Sukri

Dalam kepelbagaian, kita bersatu,
Warna-warni budaya mengukir pesona,
Bagai benang-benang halus dalam anyaman,
Kita eratkan ikatan yang tak terlerai.

Bahasa mungkin berbeza, namun hati seirama,
Adat mungkin beraneka, namun jiwa sebati,
Dalam perbezaan, kita temui harmoni,
Kekuatan yang tak pernah tersaingi.

Bersama kita mara ke hadapan,
Menghormati segala yang menjadikan kita unik,
Membangun negara dengan kegemilangan.

Perpaduan bukan hanya lafaz semata,
Ia tindakan yang kita laksanakan dengan jiwa,
Bersama-sama kita teguh berdiri,
Dalam satu Malaysia, damai dan harmoni.

SAJAK SEJARAH PERPADUAN BANGSA
Oleh: Muhammad Aiman Hakim bin Lokman Hakim

Aku selongkar lembaran semalam,
Sejarahnya penuh air mata berdarah,
Tangisan, tragedi, bunuh, kesumat,
Ekstrem tanpa ihsan, tanpa nilai insan,

Sejarah hitam menjadi
Kemarau bangsa,
Tanda peringatan,
Tanda pedoman,
Tanda muhasabah,

Sejarah apa? Siapa? Harus ingat?
Bukan eropah,
Bukan caucasoid,
Tetapi!
Kita, bangsa kita, bangsa melayu, cina dan india
Satu bangsa, satu nadi, satu suara,

Sejarah 13 mei 1969
Antara fantasi dan realiti,
Realiti yang pahit lagi ditelan,
Mengajar mencari di mana titik pertemuan
Sebuah persefahaman dan persaudaraan

Agama, bahasa, ideologi, keturunan, warna kulit,
Tidak menghalangi lagi memisahkan kita semua,
Singkir perbezaan, hancurkan kesenjangan,
Pemersatu pelbagai bangsa di bawah bumbung perpaduan,

Perpaduan teras kontrak sosial,
Mengasuh bangsa menerima tanpa soal jawab
Menjentik akal budi,
Menyuluh cahaya perdamaian

Semarak citra rasa perpaduan,
Inilah akar kejayaan dan pembangunan negara bangsa,
Usah racuni tetapi bajailah sehingga gagah di mata dunia,
Kita miliki negara dan bangsa yang mercunya perpaduan.

SAJAK SEJARAH SUDAH MENGAJAR KITA
Oleh: Ahmad Afiq Izzan bin Sabri

Sejarah sudah mengajarkan kita,
Akan pentingnya perpaduan bangsa,
Lihatlah kita pada zaman yang dipenuhi kemajuan,
Namun jauh tertinggal dalam perpaduan,
Alangkah bagusnya jika kaum bersatu,
Seperti zaman kemerdekaan Tanah Melayu.

Wahai kaum Melayu,
Engkau penduduk asal tanah ini,
Perpaduan terhasil kerana toleransimu,
Moga perpecahan tidak terhasil angkaramu.

Wahai kaum Cina,
Engkau pendatang pertama di Tanah Melayu,
Sehingga engkau dianggap sebagai rakyat Malaysia,
Jadilah engkau orang pertama penguat perpaduan bangsa.

Wahai penduduk India,
Jasamu tidak mampu untuk diucapkan,
Kerana banyaknya jasamu untuk Malaysia,
Maka berjasalah untuk perpaduan negara.

Wahai orang Sabah,
Engkau turut mempertahankan tanah airmu,
Nama Mat Salleh terpahat sebagai pejuang bangsa,
Marilah bersama pertahan perpaduan Malaysia.

Wahai orang Sarawak,
Rentap digelar lanun oleh penjajah kita,
Kerana hebatnya perjuangan dirinya,
Moga sehebat itulah kita kekal bersama.

Ingatlah wahai saudara,
Sejarah sudah mengajarkan kita,
Tiada negara tanpa bangsa,
Namun bagi kita rakyat Malaysia,
Tiada negara tanpa perpaduan antara bangsa,
Kerana perpaduanlah kita merdeka,
Kerana perpaduanlah kita madani sentiasa.

SAJAK SEMANGAT MENYEMAI BUDAYA
Oleh: Adib Izzudin bin Arbani

Bumiku Malaysia,
Tanah tumpah darah tercinta,
Pelbagai warna budaya didalamnya,
Damai, harmoni, permai sentiasa,
Di bawah naungan payung mahkota,
Kita bangsa malaysia,
Bakal memakmurkan negara.

Pimpinan kita disegani sentiasa,
Rakyatnya berpadu mencipta sejarah,
Melakar Malaysia di pentas dunia,
Dengan semangat,
Satu Malaysia.

Oleh itu,
Bersatulah bangsaku,
Kita kibar bendera kita,
Ayuh,
Kita berganding bahu,
Mengekalkan perpaduan negara.

Biarpun kita berbeza adat,
Biarpun kita tidak bersependapat,
Nikmatnya kita kongsi bersama,
Kerana kita satu Malaysia.

Bersatulah bangsaku,
Jangan biarkan perpecahahn terjadi,
Bersatu hati untuk menjaga budaya kita,
Demi kemajuan negara kita tercinta.

SAJAK SEMANGAT PERPADUAN
Oleh: Nur Aleesa binti Azize

Di bawah langit satu warna,
Kita berdiri bersama,
Berbeza Bahasa, rupa dan bangsa,
Namun hati tetap serupa.

Lautan adat kita renangi,
Gunung perselisihan kita renangi,
Kerana perpaduan adalah janji,
Untuk masa depan yang harmoni.

Tangan bersambut, langkah sederap,
Cinta tanah air kita genggam erat,
Dalam perbezaan, kita teguh berpayung,
Menganyam impian yang tiada usang.

Marilah kita teruskan perjuangan,
Mengukir sejarah penuh keikhlasan,
Demi sebuah negara yang aman,
Di mana semangat perpaduan berkekalan.

SAJAK SEMANGAT PERPADUAN KAUM MASYARAKAT DI MALAYSIA
Oleh: Muhammad Fakhrulmuin bin Fauzi

Di bumi bertuah yang berwarna,
Kita berdiri teguh bersama,
Berbeza bahasa, adat, budaya,
Namun hati berpadu, cinta serupa.

Warna kulit bukan pemisah,
Ia hanya lukisan yang indah,
Melayu, Cina, India bersatu,
Membina negara dengan semangat padu.

Di bawah bumbung satu Malaysia,
Kita bersatu, tiada sengketa,
Merayakan perbezaan dengan harmoni,
Menjadi lambang negara terbilang kini.

Tangan bersambut dalam kerjasama,
Hati terikat oleh kasih mesra,
Kita bangunkan masa depan cerah,
Dengan perpaduan yang tiada goyah.

Langkah seiring menuju kemajuan,
Tiada yang terpinggir dalam perjuangan,
Setiap insan ada tempatnya,
Dalam Malaysia yang penuh cinta.

Meskipun badai kadang melanda,
Perpaduan kita tetap bernyala,
Kerana kita sedar satu perkara,
Hanya bersatu kita akan berjaya.

Dengan tekad dan keazaman,
Mari kita teruskan perjuangan,
Membina Malaysia yang cemerlang,
Dengan semangat perpaduan gemilang.

SAJAK SEMARAK PERPADUAN
Oleh: Muhammad Firdaus bin Hazarudin

Tanggal 13 Mei 1969 mencalar luka berbisa,
Detik kelam yang menjerat rasa,
Api rusuhan membakar segenap jiwa bangsa,
Angkara perpaduan yang punah binasa.

Meski sudah lama ditelan zaman,
Tetap dikenang sebagai pengajaran,
Agar masyarakat mengambil iktibar menuai kesedaran,
Betapa peri pentingnya nilai perpaduan dan keharmonian.

Generasi mendatang hendaklah beringat,
Pastikan antara setiap bangsa tercipta hormat,
Jangan diungkit jurang beza yang terpahat,
Kelak memercik sengketa penuh kesumat.

Budi bahasa pelihara sesama kita,
Saling menghormati dan menyantuni tak kira usia,
Hormati dan fahami sensitiviti yang tercipta,
Memupuk nilai persefahaman tinggi berhasta,

Tolong-menolong jadikan budaya kehidupan,
Beza warna kulit dan bangsa usah jadikan alasan,
Saling bermuafakat dan bertolak ansur sesama insan,
Segala yang berat menjadi ringan, segala yang sulit jadi dipermudahkan.

Di bawah satu bendera kita berdiri,
Di atas tanah yang sama, kita telusuri,
Justeru, mengapa perlu saling iri dan pentingkan diri?
Renunglah jauh ke dalam diri,
Betapa kita semua saling memerlukan dan melengkapi.

Marilah bergabung bersatu hati,
Bentuk perpaduan seteguh jati,
Membina masyarakat majmuk yang lebih bererti,
Kehidupan harmoni aman dirahmati,
Pembangunan negara lancar tentunya pasti.

Bara 13 Mei 1969 usah lagi dinyalakan,
Biar terpadam dengan semarak perpaduan,
Berpadulah teguh tubuhkan negara berwawasan,
Berhala tuju jelas, rakyatnya mantap gagasan,
Disegani di persada seluruh rantauan.

SAJAK SEMARAK PERPADUAN DI BUMI KENYALANG
Oleh: Nurul Husna binti Halmi

Di sebuah warung kecil di pinggir jalan,
Rakyat berkumpul tanpa sempadan,
Kaum Melayu, Cina, India dan Iban bersulam senyuman,
Harmoni terjalin, tiada halangan.

Hidangan satu Malaysia dalam satu meja,
Roti Canai, Nasi Lemak dan Mi Kampua,
Dinikmati bersama dengan penuh keakraban,
Kelihatan sederhana namun penuh makna.

Di setiap sudut suara bergema,
Kedengaran gelak tawa dan bicara mesra para pengunjung,
Tiada prasangka, tiada juga curiga,
Hanya keikhlasan yang terpancar di wajah mereka.

Anak-anak berlari keriangan,
Tidak pedulikan warna kulit atau keturunan,
Di bawah langit bumi Kenyalang yang biru,
Mereka belajar erti sebenar perpaduan.

Senyuman manis terukir di wajah peniaga,
Menyambut mesra kehadiran pelanggan,
Yang hadir bertandang di gerai mereka,
Percaya akan setiap rezeki yang telah diatur Tuhan,
Demi sesuap nasi buat keluarga tersayang.

Setiap hari mereka kembali,
Mengulang semula rutin yang damai ini,
Menghargai detik-detik harmoni bersama,
Di bumi bertuah, tanah airku Malaysia.

Warung kecil di tepi jalan ini,
Menjadi saksi simbol perpaduan sejati,
Semua kaum bersatu dalam satu hati,
Untuk mengukir kenangan indah bersama.

SAJAK SEMPADAN RUNTUH
Oleh: Muhammad Haris Firdaus bin Mohd Khairuddin

Walau tuli, jeritan bergema dalam sepi,
Tercipta tembok di antara hati,
Dengan kenangan yang menggema sunyi.

Sempadan dibina, dipecahkan rasa,
Di mana dulu tangan saling bertaut,
Kini hanya bayang yang samar di ufuk senja.

Suara perpaduan yang terpendam jauh,
Luntur dalam derita yang tak bersuara,
Bertanya pada angin yang kaku, tiada jawapan.

Adakah ada ruang untuk kita bertemu lagi?
Atau segalanya tenggelam dalam kelam,
Menunggu retak yang tak akan pernah pulih.

Namun, dinding-dinding itu akan runtuh,
Jika kita berani menyembuhkan luka,
Dan mencari cahaya di balik duka yang buta.

Kita adalah dua warna dari palet yang sama,
Terluka dan hancur dalam kehampaan,
Namun bersatu dalam kesamaan luka.

Di sini, di tepi sempadan yang runtuh,
Kita temui kemana sirnanya cinta,
Menjadi satu dalam keperitan dan harapan yang terhempas.

SAJAK SERUAN PENYATUAN
Oleh: Nur Masitah binti Massuwari

Angin menyapa dengan lembut,
Membawa pesanan di setiap liku,
Di mana ada hati yang surut,
Di sana ada penyatuan padu.

Tinggalkan perselisihan,
Jauhkan sengketa yang membara,
Kerana kita lebih kuat bersama,
Menghancurkan dinding perpecahan.

Satu bangsa, satu matlamat,
Berdiri gagah tiada yang buntu,
Dengan kasih kita berpaut erat,
Jambatan cinta yang kukuh bersatu.

Marilah kita genggam erat,
Hulur tangan tanpa syarat,
Menerima dengan hati terbuka,
Bahawa kita lebih kuat bersama.

SAJAK SERUAN SEJAGAT
Oleh: Alif Hiqmal bin Bazlan

Di bawah langit satu,
Di bumi tumpahnya darah,
Kita berdiri megah,
Bukan untuk nama, bukan kerana harta,
Tetapi kerana jiwa, kerana semangat bangsa.

Dulu ada luka yang parah,
Membelah hati, merobek jiwa,
Namun kini, berpautlah pada tali persaudaraan,
Berpegangan tangan, merapatkan barisan,
Kerana di sini, di tanah ini, kita semua bersaudara.

Tidak kira warna,
Tidak peduli asal-usul,
Kita anak watan,
Bersama mencorak bintang kejora,
Yang terbit di ufuk kejayaan,
Menyinari masa depan tanah tercinta.

Wahai bangsa pertiwi,
Jangan biarkan retak menjadi belah,
Kerana kita satu nusa,
Satu cita, satu janji,
Membangun negara, menjulang maruah bangsa.

Dalam diam, ada suara hati,
Memanggil kita kembali bersama,
Di bawah langit yang sama kita menanti,
Menjadi simpulan yang tiada satu pun terpaut kaku.

Perpaduan bukan sekadar kata,
Ia adalah semangat yang kita bawa,
Memacu dunia ke arah bahagia,
Menjadi cahaya yang takkan sama.

Walau apa jua cabaran melanda,
Dalam hati kita tetap percaya,
Bahawa seruan penyatuan ini,
Akan menjadi warisan abadi.

SAJAK SUARA DALAM SATUKAN JIWA
Oleh: Nur Azyyati binti Asri

Kita datang dari perlbagai cerita,
Bahasa berbeza, kulit tak sama,
Namun dalam hati yang mendalam,
Kita tetap manusia yang penuh damai.

Satu bangsa, satu arah,
Membangun harapan tanpa retak,
Dalam harmoni, kita menari,
Menjaga amanah bumi ini.

Jangan kau lihat warna wajah,
Lihatlah hati yang penuh tabah,
Saling bantu, saling tegur,
Begitulah cinta perpaduan subur.

Tiada yang lebih,, tiada yang kurang,
Semua sama di dalam sinar terang,
Mari gengam tangan bersama,
Mambangun negara penuh cahaya.

Perpaduan ini amanah kita,
Hingga akhir masa, ia sentiasa ada,
Menjadi tembok yang kukuh berdiri,
Memelihara kita dari iri dan benci.

SAJAK SUARA-SUARA BERONA
Oleh: Muhammad Raziq bin Mohd Suhaimi

Gegendang telingaku seakan bergetar,
Damainya rasa tiada citra,
Terlalu asyik laungan itu,
Indah menghiasi ruang angkasa,
Apakah kau dengar wahai insan,
Usah nafikan apa yang kau dengar,
Usah berpura-pura tuli,
Seantero daerah sampai bergema,
Mustahil kau tak kena impaknya,
Tafsirkan sedalam arungan,
Itulah suara-suara berona,
Tercipta dari panca bangsa,
Merekalah punca bunyi,
Walau dipaksikan sudut lain,
Keyakinan masing-masing,
Tradisi yang berbeza,
Sebutan abjad tak sama,
Tetap harmoni kedengaran,
Bila semua sebati dan bersatu,
Waspadalah kalian,
Pasti ada suara yang tak enak,
Ingin sumbangkan paduan suara itu,
Anggaplah dia sudah terbiasa terasing,
Dekatilah dia dengan simpati,
Ajarlah dia bernyanyi,
Agar enak terdengar,
Bila bersama-sama di pentas perpaduan,
Yang utuh dan teguh.

SAJAK TANGAN-TANGAN BERSATU
Oleh: Aqilah Aliah binti Amran

Di bumi ini kita berjejak,
Berbagai suara, berbagai wajah,
Namun di hati ada niat suci,
Menganyam mimpi dalam harmoni.

Tiada siapa dibiarkan sepi,
Di antara kita, tiada yang asing,
Tangan-tangan bersatu erat,
Menyulam kasih, meniti amanat.

Dari lembah ke puncak jaya,
Di bawah satu cahaya,
Tiada ruang untuk curiga,
Perpaduan jadi semarak jiwa.

Langit cerah, tiada kelam,
Kita bangunkan kota bersulam,
Di mana rindu, di mana dendam,
Di situ tumbuh pohon perdamaian.

Tiada istilah kita dan mereka,
Semua insan satu keluarga,
Berjalan megah tanpa gentar,
Kerana perpaduan itu akal besar.

Dalam senyum, dalam tangisan,
Kita tetap berdiri, tak tersisih,
Merentas badai, mengukir cinta,
Perpaduan ini milik bersama.

SAJAK RENTAK BERSAMA
Oleh: Nur A'fifah Najiwa binti Mohammad Kamal

Di bawah satu bumbung, kita bernafas,
Merayakan cinta, dalam kebersamaan yang tulus.
Rentak langkah kita tak pernah pincang,
Walau berbeza irama, tetap selang-seli senada.
Dari utara ke selatan, timur ke barat,
Kita berjalan bersama, di jalan yang sama.
Tanah ini milik kita semua,
Tempat tumpah darah, yang tak ternilai.
Jangan kita biarkan hasad membakar,
Ruang kasih sayang ini kian mekar.
Saling menghormati, mendengar suara,
Itulah tanda, kita semua dewasa.
Bersatu dalam damai, kita perkasa,
Membina bangsa, seiring masa.
Mari rentak kita kekalkan,
Menjadi nyanyian, indah perpaduan.

SAJAK SUARA SATU
Oleh: Nur A'fifah Najiwa binti Mohammad Kamal

Kita berdiri, di tanah bertuah,
Berpadu hati, menggapai indah.
Berbilang bangsa, satu cita,
Di bawah langit, satu suara.
Kulit berbeza, warna berlainan,
Namun jiwa, saling bersalaman.
Menganyam mimpi, mengejar bintang,
Demi negara, kita berjuang.
Tiada dendam, tiada sengketa,
Hanya kasih, membina cinta.
Bahasa serupa, niat sekata,
Bersama-sama, membina kota.
Kibarkan bendera, megah di dada,
Kita satu, selamanya.
Perpaduan, nadi bangsa,
Membawa aman, sejahtera.

SAJAK TEGUH DALAM KEPELBAGAIAN
Oleh: Siti Nurbaya binti Arifin

Dari hujung desa hingga ke kota,
Suara rakyat bergema senada,
Beraneka rupa, berbeza gaya,
Namun hati serasi, berpadu setia.

Setiap langkah disusun rapi,
Kita melangkah, tiada yang sunyi,
Walau berbeza cara dan warna,
Persaudaraan ini terus bercahaya.

Adat dan bahasa kita junjung tinggi,
Menghormati semua, melerai sepi,
Kita tak akan runtuh, tak akan goyah,
Selagi perpaduan kukuh, teguh bersah.

Hidup dalam aman yang dirai,
Di bumi bertuah ini kita berdiri,
Tiada sengketa, tiada jurang,
Hanya kasih, persahabatan terbilang.

Dalam seribu perbezaan tersirat,
Kita jumpa seribu satu hikmat,
Setiap satunya mengukuh bangsa,
Di bawah payung keamanan bersama.

Menganyam cinta dalam kepelbagaian,
Tak perlu diukur kekayaan,
Hati bersih, kasih dijaga,
Perpaduan kita, milik bersama.

Tanah ini milik kita semua,
Berbilang kaum, satu jiwa,
Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung,
Kita bangga dengan perpaduan yang tak terkurung.

Dalam rintik hujan atau panas membakar,
Semua kita tetap berpaut sabar,
Menghadapi segala ujian dan cabaran,
Bersama-sama, kita terus bertahan.

SAJAK TEGUH DALAM SATU NAFAS
Oleh: Sharifah Ainaa Shafiqa binti Syed Bakri

Di bawah naungan langit yang luas,
Kita berdiri, tidak dipisahkan oleh jarak,
Hati kita tetap utuh bersatu, dalam satu gerak.

Setiap jiwa adalah alunan nada,
Biar berbeza rentak, berbeza irama,
Namun dalam sebuah simfoni yang indah,
Kita melakar irama kesatuan yang sama.
Bukankah akar yang mencengkam erat itu,
Mengukuh pohon dari rebah terhempas?
Lantas demikian juga kita,
Insan berbilang umat,
Kekuatan kita tumbuh dari kekuatan yang ikhlas.

Bukan emas atau perak yang kita junjung,
Tetapi persaudaraan yang luhur, mulia dan agung,
Teguh berdiri di bawah satu panji,
Kita melakar dunia tanpa benci.

Wahai saudaraku,
Walau angin taufan melanda,
Bersamalah kita hadapi segala,
Kerana kita bukan hanya ombak di laut biru,
Tetapi samudera yang bersatu.

Peganglah ikrar ini,
Biar ribut datang menggoncang jiwa,
Kita tetap bersatu di bawah cahaya,
Kerana dalam satu nafas yang kita hela,
Tersembunyi kekuatan yang tiada tara.

Mari kita genggam erti damai,
Dalam satu nada, satu langkah ramai,
Bersama, kita kuat tidak terbelah,
Dalam kesatuan, kita gagah selamanya.

SAJAK TEGUHKAN PERPADUAN
Oleh: Dhianisya Amalin Putri binti Dazri

Inilah jejak tulus ke kalbu
Menghayati indahnya sebuah adab dan budi
Terbentuknya tata krama di setiap hati nurani
Seluruh insan di segenap pawana

Di sini diri sentiasa berpadu
menikmati hilir dan alur di sungai
Di sinilah bersatu etnik menyatu
Membentuk insan membina rohani

Di sinilah hembus angin bayu
Arus udara menusuk keliang roma
Merinding di setiap inci dermis

Kita Memupuk insan yang luhur
Beribu kaum berjuta bangsa
Bersatu membentuk akhlak

Di sinilah bermula cinta dan cita
Di sinilah lahirnya insan mulia
Demi negara tercinta

SAJAK TEGUHNYA KESATUAN RAKYAT MALAYSIA
Oleh: Nur Syaza Liyana binti Yuseri

Dari negeri di bawah bayu,
Bumi kenyalang hingga ke semenanjung,
Dari 14 barisnya Jalur Gemilang,
Di bawah naungan Yang Dipertuan Agung,
Dipimpin ketua kerajaan yang berkaliber.

Rakyat dicanai berasaskan prinsip Rukun Negara,
Kepercayaan, kesetiaan, kedaulatan, kesopanan, kesusilaan,
Sanubari cekal setia pada tuhan dan negara,
Berminda liberal sentiasa teguh agama,
Adat resam dan adab kekal di dada,
Bahasa Melayu menyatukan semua,
Inilah perpaduan rakyat Malaysia.

Di sebalik keharmonian kini, pernah terjadi tragedi dahsyat,
Tarikh keramat 13 Mei adalah sejarah hitam negara,
Hiruk-pikuk, gegak gempita, beramuk-amukan,
Peristiwa rawan sentiasa terpahat dihati,
Menjadi iktibar seluruh rakyat jelata,
Kekal berdaulat dan harmoni kita Malaysia.

SAJAK TEKAD PERPADUAN PENUHI HARAPAN
Oleh: Khairunisa binti Zul Kuraini

Tarikh keramat 31 Ogos 1957
Ribuan saksi sejarah tercipta
Jalur Gemilang berkibar megah
Laungan merdeka dilontar gah
Bebas tanah dihuni penjajah.

Portugis, Belanda, Jepun, British
Diperangi sang wira tiada gentar
Azam dipasak berkembang mekar
Bermandi darah bukan penghalang
Membela nasib negara terbilang.

Perpaduan kaum pencetus segala
Nikmat merdeka dikongsi bersama
Jangan diulang sejarah kedukaan
Gembleng tenaga penuhi harapan
Maruah tanah ini perlu diperjuangkan.

SAJAK TEPUNG MARUKU DI KEDAI SANA
Oleh: Arif Haiqal bin Roslan

Emak pernah pesan jangan lupa
Beli tepung muruku di kedai sana
Emak lalu berkata
Untuk rumah sebarisan pelita.

Maka tibanya hari istimewa
Malam bersinar sarat cahaya
Tak banyak kata
Kami singgah ke rumah mereka
Sebalang muruku dihulur tanpa suara.

Hanya Ikhlas senyuman
Tanpa perlu sebarang ucapan
Muhibbah tersulam dalam tindakan.

Sebalang muruku bukan hadiah
Namun itu hanya wadah
Tanda persahabatan terukir indah.

SAJAK TERAS KEAMANAN
Oleh: Ayuni Hazirah binti Daniel Liting

Melainkan bersatu,
Tiada apa yang dapat menenangkan kita,
Tatkala rencamnya kesepaduan menjadi tanda mesra,
Hatta berkongsi rasa dan tawa yang serupa,
Menggarap erat kelembutan budi bicara.

Coretan sejarah penuh duka,
Sebelum menjengah erti merdeka,
Tanah pejuang ini pernah menjadi saksi,
Menukilkan kisah yang perlu diinsafi,
Laungan kemenangan menzahirkan penantian penuh debaran,
Karisma yang namanya perpaduan jua menjadi penyelesaian.

Kita bincang dan bincang hala tuju bangsa ini,
Semata-mata hendak memiliki keamanan hakiki,
Tidak lagi ingin dicabul segala hak asasi,
Sedang ini tanah kita yang mereka curi.

Syukur,
Perpaduan tegak menjadi benteng terhebat,
Semuanya kita kongsi bersama.

Usah biarkan perpaduan ini berpenghujung noktah,
Buang segala cela,
Elak segala telingkah,
Kerana pada akhirnya,
Kita semua ingin bersatu.

SAJAK TERSERGAM TEMASYA GUBAHAN KITA
Oleh: Fixly anak Manusia

Pada kejauhan minda merenung
Dari lensa sesosok jauhari
Tanah itu menadah wajahnya
Dilimpahi segerombolan jiwa umat

Fajar menyingsing melimpahi bentala
Terpandang olehnya seberkas jemari
Silih bergayut mendaki puncak
Mercu ditapak sama dicicip

Lautan belantara terpampang senyuman
Akar menyubur setanah mereka
Sekata mentari diresap bertumbuh
Mekar bunga aneka citra tetap mengindah

Tersesat minda pada gigi pantai
Sama meninggi paya laut
Tua, muda, berisi dan keding
Bersatu cerucuk menahan hentaman

Tersentak sejenak dihentam bayangan
Akal mencari makna lamunan
Tersergam temasya gubahan kita
Berbeza kita tetap menyatu.

SAJAK WARKAH BUAT NUSA
Oleh: Mohamad Airel Iman bin Anhar

Abadikanlah perpaduan negara
Erat muhibah mengukuh akar bangsa
Bertaut kata tanpa lahir sengketa
Bersatu upaya tidak kira usia
Inilah azimat sepakatnya nusa

Abadikanlah perpaduan negara
Tanah air sudah pun menggapai cita-cita
Bersama harungi ribuan titian pancaroba
Gempita suara melaung nama-Nya
Tanda syukur atas kurniaan Maha Esa

Pernah makan bondamu bercatu-catuan
Pernah siang bondamu ditemani keresahan
Pernah malam bondamu berselimutkan ketakutan
Sekarang bebas dari belenggu penjajahan
Semuanya hasil bersatu hatinya watan

Ingatlah duhai putera dan puteriku
Janganlah hanya diam berdiri kaku
Berjuanglah dengan semangat yang jitu
Berpadulah hadapi jalan yang berliku
Tunjukkan kalian hidup saling bersatu

Terimalah warkah buatmu anakanda
Ku titipkan pesan harmoni sentiasa
Teruskanlah perjuangan orang tua
Yang bersatu berkorban jiwa dan raga
Semuanya demi mendamaikan negara

SAJAK WARNA DI BAWAH SATU LANGIT
Oleh: Nur Ain binti Sudin

Langit biru memayungi kita,
Dari timur ke barat, utara ke selatan,
Di bawahnya, kita berjalan bersama,
Berbeza langkah, tapi seiring tujuan.

Warna kulit ibarat pelangi,
Menyinari bumi dengan harmoni,
Setiap rona ada ceritanya,
Tak pernah terhapus oleh masa.

Di ladang, di pasar, di jalan raya,
Ragam manusia menghias dunia,
Walau kita berlainan wajah,
Cinta tanah air tetap megah.

Kita ini serupa akar,
Meski terpisah di bawah tanah,
Namun di atas, kita tumbuh tinggi,
Menjadi pohon rimbun yang saling melindungi.

Perpaduan adalah suara angin,
Yang berbisik di antara dedaunan,
Memujuk hati yang gusar dan gundah,
Bahawa kita ini satu, tiada terbelah.

Jika ada badai yang menghempas,
Kita genggam erat takkan lepas,
Seperti kapal yang menempuh lautan,
Berlabuh aman di pantai perpaduan.

Mari kita ukir hari esok,
Dengan kasih, tanpa memandang perbezaan,
Kerana masa depan milik semua,
Yang menjunjung cinta tanpa syaratnya.

Langit yang sama, bumi yang sama,
Di sini kita berdiri dengan bangga,
Takkan goyah, takkan berpecah,
Kita warna yang mewarnai satu cerita.

SAJAK WASIATSEBUAH PERPADUAN
Oleh: Mohammad Khairul Hilmi bin Mustapha

Kita sekeluarga setuju berjanji
Bentala ini akan terus dijaga rapi
Dari puncak tinggi Gunung Kinabalu
Melewati kemodenan bandar Johor Bahru.
Laksana keluarga dihujung hayat
Kusampaikan harta sebagai wasiat
Bukan semata untuk anak yang mendarah daging
Tapi juga untuk anak yang sanggup berdarah
Demi Malaysia yang aku cinta.

Kepada kau aku wasiatkan
Negeri, daerah berserta isinya
Tidaklah banyak untuk si bakhil
Namun cukup bagi yang adil.
Namun yang paling berharga
Dalamnya terkandung budaya, bangsa dan agama
Yang berbeza setiap satunya
Untuk kau saling belajar dan memahami
Mahalnya harga perpaduan manusiawi.

Jika kelak hari badai melanda
Yang membantumu bukan emas tembaga
Perpaduan yang aku wariskan inilah
Yang akan membantumu saat kau rebah
Membantumu tersenyum kembali saat kau lelah
Semoga bumi Malaysia dan keluargaku semuanya
Dicucuri rahmat dan berkat-Nya.

SAJAK WASILAH MUTIARA SEBUAH PERPADUAN
Oleh: Fatin Syahirah binti Anuar

Perpaduan ini,
Menyingkap ceritera penuh hikmah
Membangun kekuatan teras himmah
Mendaulatkan tanah air tercinta bertuah.

Perpaduan ini,
Simbolik Melayu Cina India hidup bersama
Tansil mutiara bak bahari nilainya
Kendatipun kita berbeza rona budaya
Namun bertaut pada cinta yang sama.

Perpaduan ini,
Wasilah taat setia kepada pemimpin dan negara
Tidak tergapao jika gemar bercempera
Hanya tercapai dengan tulus kerjasama

Ayuh…
Ayuh saudaraku semuanya!
Perpaduan ini mengikat jiwa fitrah insani
Memadam segala celaru sengketa
Merangkai wasilah mutiara kelangsungan bersama.

KARYA PERTANDINGAN PENULISAN PUISI YANG TERPILIH

SAJAK

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

e-ISBN 978-967-931-393-2

9 789679 313932